

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 12 MEI 2015 (SELASA)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
17	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
20	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
25	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
26	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
29	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30	YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
31	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
33	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
38	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
39	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

#### **TIDAK HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan doa.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Doa

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula, sebelum kita meneruskan sesi perbahasan ingin saya mengambil kesempatan untuk memaklumkan kepada Dewan tentang kes berlaku terputus bekalan pada sesi semalam. Laporan telah pun disampaikan kepada saya melalui jabatan JKR Elektrik puncanya adalah dikesan kerana terdapat kerosakan pada *protection relay* dan JKR Elektrik telah pun membuat penukaran *relay* baru dan telah pun siap sepenuhnya pembaikan pada jam 1.00 pagi tadi. Sedikit maklumat pada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin persilakan Pengkalan Kota sambungkan perbahasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang di-Pertua Yang di-Pertua, saya ingin bertanyakan satu soalan berkenaan bekalan elektrik yang terputus, maksudnya tidak ada sebarang *backup generator* bagi Dewan Undangan Negeri adakah begitu? Saya cuma ingin sarankan kalau boleh dalam masa yang terdekat supaya kalau pihak TNB boleh diminta untuk mengerahkan satu *truck* yang biasanya digunakan semasa terdapat gangguan dalam bekalan elektrik kerana maklumlah kita sudah menjadi *city bandaraya* jadi agak memalukan kalau kita lihat prosiding Dewan ini diganggu disebabkan oleh putusnya bekalan elektrik, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyambungkan perbahasan saya semalam tentang *apps*, hanya lagi sedikit saja, *apps* ini bukan sahaja boleh juga boleh menolong rakyat kita di Pulau Pinang atau pelancong dari luar jika di sini *apps* ini boleh tolong mereka, melalui *apps* boleh bayar bil atau bayar saman jika kena di Pulau Pinang *especially* bil-bil seperti cukai, tanah cukai pintu yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu saya memang berharap dengan zaman yang canggih sekarang kita pun sedang menuju ke *international city* kerajaan kita harus mempertimbangkan mengkaji supaya ada *Penang apps* mengubal *apps* di Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lif bagi semua bangunan yang tinggi *high rise building* seperti flat-flat yang telah lama memang merupakan satu masalah pengangkutan yang penting untuk semua orang, seperti di kawasan saya Pengkalan Kota, flat-flat di sana telah lebih daripada 25 tahun dan lif di flat-flat di sana pun tersebut telah mengalami kerosakan yang teruk dan saya pun melalui PDC dan bahagian perumahan memohon untuk menukar atau menaik taraf lif dan telah mendapat inisiatif daripada PDC bahawa di Pangsapuri Pelangi PDC telah menyediakan satu peruntukan melebihi RM1 juta menaik taraf 10 lif dan kerja menaik taraf itu bermula 2 Julai 2014 dan tarikh jangkaan siap adalah Mac 2015.

Ini merupakan satu berita baik yang memang yang boleh mendapat manfaat penduduk-penduduk di kawasan Pelangi kerana Pangsapuri Pelangi terdapat banyak golongan warga tua dan juga mereka ada yang OKU yang memang memerlukan lif yang selamat dan baik untuk mereka gunakan akan tetapi dengan dukacitanya *actually* ....(dengan izin) *we spend so much money for the people good but* sekarang dah April dan malangnya kontraktor yang telah *appoint* itu masih tidak boleh *deliver* lif penduduk sana kerja tak boleh siap lagi dan minta *extend until* Jun. *Last month* mereka mereka ingin *surrender*, dua (2) lif kepada PDC yang baru siap akan tetapi bila saya pergi buat lawatan bersama PDC punya *officer* saya *immediately stop the process of the surrender* bila kami *check* sistem dalam dan kualiti dalam lif itu memang tidak baik dan tidak memuaskan dan sebelum itu kami nampak dalam selepas menaik taraf dalam sistem ada sikit tak betul dan tak ikut *spec*.

Oleh itu kami pun panggil itu kontraktor tanya dia mengapa dan dia cakap ini *minor* sikit tapi *I am quite confusing why still minor things to fixed up but and so fast want to surrender to the PDC before the things is up to quality*, so kami pun *stop*, *last week it's more funny when we go to for second time visits* adalah kerana selepas saya minta tak mahu mereka *surrender* I minta kontraktor buka lif bagi penduduk sana *use that and then testing to* guna dan tengok apa masalah yang mereka hadapi, selepas buka sahaja tiap-tiap hari saya terima sms, terima *call* daripada penduduk pada suatu hari *especially* semua orang nak keluar pergi kerja dan sekolah punya masa lif *jammed* tak boleh guna. *Last week* saya pergi buat lawatan bila kami buat lawatan dengan PDC dengan *officer* bersama kontraktor penduduk sana *actually the new lift suppose to have good response but* penduduk sana bagitahu dia cakap, penduduk cakap seorang makcik cakap dia takut nak guna lif kerana *new* lif tekan itu *button* terlalu lama pun *jammed*, di dalam itu pintu *stop*, pintu nak tunggu orang pun *jammed* dan dulu sebelum menaik taraf yang itu lif lama lebih kurang dua (2), tiga (3) minggu akan ada sedikit *problem*, tapi mereka kata selepas menaik taraf satu (1) hari lima (5) kali, mereka kena *call* kontraktor dan *call office*.

Saya ini hari bila kami sendiri *testing* itu lif saya minta itu makcik ikut sama saya kami nak pergi ke tingkat 17, dan makcik itu henti dekat tingkat empat (4) so kami terus pergi naik tingkat 17 dan dia turun makcik itu sudah ada di *ground floor*, saya tanya makcik itu *you* guna lif yang tepi itu kah untuk turun? Tak ada saya takut so saya ikut *you* sahaja tapi saya jalan kaki turun. Lif yang sudah dinaik taraf tapi sudah menakutkan penduduk-penduduk di sana kerana *quality* kontraktor itu yang buat tidak dapat *convince people to use the lif* bila saya tanya itu kontraktor, kontraktor bagi *answer* saya lagi tak boleh terima dia cakap itu lif mengapa boleh *jammed* boleh *stuck* di sana adalah kerana mereka punya *product its too advance, at the first thing* dia cakap *too advance* I cakap saya dari lahir sampai sekarang *the house that I stay is high rise building* I tak pernah duduk tiap-tiap hari guna lif tapi I tak pernah dengar *too*

*advance until tekan button lama pun boleh jammed, kita hold itu pintukan nak buat tukar renovation guna lif pun jammed, so sebelum naik taraf boleh enam (6) orang duduk tapi hari itu bila kami masuk dalam lif tunjuk 1,000 kg boleh, bila kami lapan (8) orang stay okey, sembilan (9) orang masuk sudah bunyi tak boleh jalan.*

*Mereka kata our size is so big, I said come on lah no everyone more than 100kg? The answer all the contractor give all is totally cannot make sense. And then dia cakap dia punya product too advance until the lift cannot function, our people don't know how to use the too function lift, too advance lift. Then i said that's mean the KOMTAR lift not advances at all? Jangan tekan itu button lama lif boleh jammed tapi hari itu saya cakap problem macam mana settle, dia cakap, saya akan panggil saya punya programmer ambil itu program keluar. Ini yang tidak memuaskan hati saya kerana we spent for so much then bila saya cakap mengapa you tidak boleh delivered on time the lift. Mereka itu yang kontraktor yang bagitahu ialah kami ada deposit dekat PDC, kami kena penalti, but I told them, we are government we are not kita tak ambil deposit, bukan nak ambil dia punya deposit we want kontraktor delivered on time, and I so the kontraktor immediately face to face I bagitahu dia, di Macallum ada lagi tujuh (7) lif minta menaik taraf, I cakap itu projek lebih baik you jangan pergi tender projek tersebut kerana sebagai ADUN Kawasan yang bertanggungjawab, saya akan menulis surat untuk bahagian perumahan dan PDC supaya jangan gunakan kontraktor seperti begini. Jangan bagi projek seperti mereka kerana ini sudah menakutkan orang, kerana we spent so much can get the credit but unfortunately menyebabkan penduduk saya kawasan Pengkalan Kota especially Pangsapuri Pelangi punya penduduk mereka takut untuk menggunakan lif. Saya berharap pihak PDC boleh look into it with more seriously and I also will write black and white to ask PDC to take an action to ask to CM to ask for help, maybe how see to take an action on the contractor with not responsible like that.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, kes yang lagi satu ialah kes mengenai lif juga di blok, di Macallum Street, blok 354, 362, 346, 348, 352, 360 dan blok 358 ketujuh-tujuh blok tersebut ada memohon menaik taraf menggunakan sistem 80:20, tetapi permohonan ini sudah lama dan PDC ada keluar surat bahawa sudah approved itu permohonan dan sudah award dan kami telah mengadakan satu mesyuarat di pengerusi oleh EXCO Perumahan bersama pegawai PDC, apabila PDC punya pegawai bagitahu sudah buat tender dan anggaran kos tersebut adalah lebih kurang satu (1) flat dua (2) biji lif adalah RM400,000. Pada masa itu kami pun EXCO minta PDC pegawai supaya tengok bolehkah kurangkan kos kerana projek kita yang buat dan tidak begitu tinggi punya kos dan minta mereka kaji semula dan dapatkan tengok boleh kurangkan kos untuk menaik taraf supaya kurangkan beban penduduk. Tetapi kurang seminggu apabila pegawai PDC datang balik ke EXCO Perumahan kos yang dulu RM400,000 untuk dua (2) lif, tapi selepas mereka datang itu kos anggaran jadi RM600,000 untuk dua (2) lif, pada masa itu EXCO Perumahan YB. Datok Keramat immediately panggil mereka buat semula kerana apa yang mereka bagi itu kami minta nak kurangkan sedikit beban kepada rakyat tapi bila mereka datang untuk second time itu kos jadi tambah 50% so think kerana ini bukan first projek yang kita buat since PDC ada begitu lama experience, so saya mintalah supaya PDC lebih serious on that yang bagi info yang tidak betul kerana jika kami terima info dari agensi atau Jabatan Kerajaan memang kami percaya info-info yang kami dapat dan kami kena announce to public. This is the responsible so I hope all the agencies and all the Jabatan Kerajaan perlu memberi info yang betul supaya tidak diketawakan oleh orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu kes yang saya dapat jawapan daripada soalan lisan saya, mengenai soalan lisan nombor 27, soalan saya ialah selepas enam (6) bulan PDC menjawab bahawa tanah seluas 1.8 ekar di Gat Lebu Macalum, di Seksyen 11E, Daerah Timur Laut akan mempunyai projek pembangunan yang baru. Apakah pembangunan yang akan dijalankan supaya tanah tersebut tidak terbiar dan merosakkan imej Bandaraya George Town sila nyatakan dengan teliti”

Jawapan yang saya dapat itu, *actually* lebih kurang sama enam (6) bulan yang lalu saya dapat dan memang projek itu masih belum dapat dilaksanakan kerana pihak PDC masih lagi di peringkat kajian, kesesuaian projek, *facility study* dan projek itu dijangka bermula pada tahun 2017, memang ini ambil masa. Tetapi di sini saya ingin *emphasize that its*, jikalau satu tanah kita belum ada sebarang projek, kita kena jaga itu tanah jaga dan memantau itu tanah dengan lebih baik dan *take care of it* kerana tanah tersebut sekarang walaupun dipagar tanahnya selalu rosak dan dalamnya ada dua (2), tiga (3) ekor lembu dan penduduk berdekatan *complain* di Malaysia memang *very confusing sometimes* lembu ada duduk di kondo, kerana tanah lapang pun lembu masuk so ini telah menyebabkan penduduk-penduduk buat *complain* dan kami selalunya kena macam kena tolong PDC jaga mereka punya tanah.

Jadi saya memang mencadangkan kerana masih banyak orang untuk memohon permohonan rumah yang masih tinggi? Yang mohon rumah punya masih belum dapat rumah, *why not PDC* terus dengan tanah ini, *do the RFP or open tender to build low MC or affordable house for the Penangites*. Kerana mengapa saya risau itu isu kerana tanah tersebut adalah di tengah-tengah George Town. Di tepi Jelutong Expressway, Tun Dr. Lim Chong Eu, setiap kali ada begitu banyak kereta lalu sana dan *this is totally is not good image* untuk bagi orang luar tengok kan? Tak baikkkan? Kita selalu cakap Kerajaan Negeri tanah di Pulau Pinang tak cukup, tapi di tepi jalan ada begitu besar punya tanah cukup untuk diri rumah punya, kita terbiar macam ini sahaja dan rumput itu pun tak potong dan panjang lebih tinggi daripada saya *sometimes, need to ask the PDC to come to take care. So, i become the caretaker. So*, memang saya memang Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memang berharap dengan kes-kes ini, saya merayulah PDC supaya dapat *look on it seriously* dan sila memantau tanah-tanah yang terbiar dan membuat sebarang rancangan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi tentang *last month, regarding* di kawasan *especially* George Town lah, ada di beberapa tempat ada Telekom punya *line* kan, terjejas apabila satu insiden berlaku, pada ketika insiden itu berlaku dan menyebabkan *more than 80%* kawasan saya punya orang terjejas, penduduk terjejas kerana telefon tak boleh guna dan termasuk *service centre* saya. Saya pun dimarah orang kerana apabila ada orang *call service center* punya *line*, Telekom punya *line* dia memang bunyi normal tetapi tidak ada orang jawab. Bila penduduk datang ke *office* kami, mereka marah mengapa *you* tidak dengar telefon, mereka ingat *office* sudah tutup. So kami sudah tanya Telekom, apakah telah berlaku dan respon daripada Telekom selepas buat *complain* responnya Telekom cakap ini *incident* berlaku, sedang membaiki dan akan siap pada akhir April.

Dengan ini saya panggil saya punya pembantu keluar satu *statement* bagi tahu semua orang kes ini supaya orang boleh tahu apa yang telah berlaku tapi malangnya pada *end of the April 28*, saya terima satu penduduk punya *call* bahawa tanya bilakah ini boleh guna? *According to* Telekom punya *respond* ialah *end of this month* tapi *I* kena *confirm* lagi dia cakap dia baru buat *complaint* sahaja melalui sms, sms punya *reply*

*different date* kena satu bulan lagi. *So this is the thing why we cant get*, maksud saya mengapa tidak sama punya orang tanya dia punya tempoh masa untuk membaiki memang tidak sama. *This of technical part as a ADUN kawasan we cannot saying how many days but the people will ask how many days we will settle it? We cannot answer on behalf, we are depending the answer from the we have department, government department and we must trust the professional but at the end they want who cannot scold by the people is us we ask what info we get is wrong* and tidak boleh bagi info yang betul kepada penduduk dan ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan. Terima kasih. Saya ingin mencelah di sini. Ini ialah apa yang saya perhatikan pertamanya semasa kita adakan Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah mungkin boleh diberi perhatian. Tidak ada sebarang, saya kurang pasti sama ada wakil-wakil Telekom di jemput untuk hadir dalam mesyuarat tersebut. Kedua memang mereka daripada pengalaman saya sejak 2008 memang tidak ada wakil daripada pihak Telekom yang hadir. Saya mendapati mereka tidak ada sebarang *corporate responsibility* ... (dengan izin), kerana bila dihubungi di kawasan saya juga, bila kita dengar kepada pelat yang digunakan oleh orang-orang yang menjawab panggilan *hot line* mereka mempunyai pelat orang-orang luar bukan orang Malaysia. Kebanyakannya mereka tidak begitu fasih berbahasa Malaysia dan juga Bahasa Inggeris. Kita lihat satu keangkuhan saya gunakan kerana dan ada kadang-kala komen diberikan, memandangkan terdapat telefon mudah alih orang tidak bergantung kepada *lane line* dan semua talian-talian telekom ini adalah talian-talian yang telah pun di pasang *under ground cables* lebih kurang 10, 20 tahun yang lalu.

Jadi saya ingin menyeru apakah pandangan Yang Berhormat Pengkalan Kota. Adakah kita boleh menjemput? Saya kurang pasti ada wakil Telekom dalam Dewan yang mulia ini yang boleh mendengar rintihan dan keluhan daripada pengguna *land line* dan mengambil tindakan supaya meningkatkan lagi mutu dan taraf perkhidmatan *land line*. Ini adalah pandangan saya. Kita perlu memberikan mereka satu mesej bahawa pengguna *land line* ini banyak terutamanya warga emas yang tinggal di rumah yang kurang pandai menggunakan telefon mudah alih bergantung kepada *land line*, kadang kala kebanyakan warga emas yang masih uzur dan sekadar tidur di katil menonton televisyen di rumah tiap-tiap hari yang tidak dapat berupaya berjalan hanya bergantung kepada *land line*. Banyak sangat kanak-kanak atau pun meninggalkan ayah ibu mereka di rumah dan bergantung *land line* untuk berhubung dengan mereka setiap hari untuk bertanya khabar mereka ketika mereka bekerja. Saya sendiri melakukan perkara tersebut kerana warga emas, bukan saya ingin mengatakan sesuatu yang tidak baik tetapi mereka lebih selesa menggunakan *land line*. Saya berkongsi pandangan Yang Berhormat Pengkalan Kota dan minta pandangan Pengkalan jemput, bukan saja Telekom malahan wakil TNB juga tidak hadir. TNB hadir. Kadang-kala tidak hadir tetapi Telekom memang tidak hadir semasa mesyuarat-mesyuarat tindakan daerah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. Memang pandangan YB. Seri Delima memang bagus dan memang juga tadi YB. Seri Delima sudah kata warga emas perlu memang mereka bukan semuanya tahu guna *smart phone* dan mereka memang *family* mereka hanya tiap-tiap hari akan *call* mereka melalui *lane line*. Tentang menjemput Telekom ke Daerah Timur Laut punya *meeting* bulan bukan kuasa saya. Saya pun

harap mereka akan hadir juga bukan Telekom sahaja *I think last term* saya pun sudah pernah memberitahu CM kerana PDC sepatutnya kena hadir kerana kebanyakan *development* ialah dibuat oleh PDC *especially* di Pulau Pinang tapi PDC merupakan satu agensi yang begitu penting untuk memberikan jawapan menyelesaikan masalah bagi kawasan-kawasan tertentu dan saya berharap jika dan saya hendak minta di sini di Dewan yang mulia ini supaya mengarahkan PDC atau menjemput PDC dan Telekom untuk masuk ke Mesyuarat Tindakan Daerah Timur Laut dan semua daerah untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dihadapi oleh semua kawasan. Ini yang saya hendak rujuk bahawa selalunya kami hendak bagi *the first info* kepada rakyat kerana rakyat pun tunggu kita punya info tunggu kita punya penjelasan dan sebagai wakil rakyat saya bukan cakap untuk Pengkalan Kota saja semua wakil rakyat lebih kurang bergantung info-info yang dapat daripada agensi-agensi kerajaan. Saya memang berharap bila hendak bagi sebarang info sila bagi info yang lebih teliti dan tepat. Jangan *just all* ada YB. *complaint* okey kami *just* terima selepas itu satu terima satu surat aduan YB telah diterima dan kami sudah merujuk kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk mengambil tindakan selepas itu diselesaikan. Saya berharap ini dapat *more improve*.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan Yang Berhormat. Cuma saya hendak beri pandangan berkenaan Telekom. Bila kita dihubungi oleh penduduk setempat mengenai aduan bahawa talian *land line* ini tidak berfungsi kita tidak boleh beritahu mereka berbalik kepada Telekom bahawa ini merupakan agensi yang bukan berada di bawah kawalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Apabila kita beri jawapan tersebut memang itu adalah jawapan yang mudah diberikan. Jawapan yang akan kita terima ialah mengapa kita mengundi? *Why we select you* ....(dengan izin), jadi saya berpendapat dan juga menjemput pandangan Yang Berhormat apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa tempatan kalau bukan sekadar menjemput mereka untuk menghadiri mesyuarat tapi untuk mendekati Telekom supaya kita dapat mengeratkan hubungan antara pihak berkuasa tempatan dan Telekom demi meningkatkan mutu perkhidmatan Telekom kepada rakyat. Jadi pandangan saya mungkin kita boleh melawat mereka pada tarikh yang mungkin boleh ditetapkan *backbencher* ataupun Yang Berhormat EXCO boleh melawat mereka bersama-sama kita untuk kita mengetengahkan rintihan dan juga aduan-aduan yang kita terima di semua tempat bukan saja di Seri Delima dan Pengkalan Kota tetapi di semua tempat. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. YB. Dato' Speaker, itu cadangan memang bagus tapi lebih baik ialah EXCO yang berkenaan mengadakan satu dialog di KOMTAR dan bukan kita pergi jumpa mereka *sometimes* kita kena jaga protokol antara EXCO dan pegawai. Apa yang YB. Seri Delima cakap betul *sometime the facts is the fast but we cannot saying* seperti tadi YB. Seri Delima ada kata memang Telekom bukan kawalan Kerajaan Negeri dan kami sebagai Wakil Rakyat tidak boleh cakap ini ialah pusat punya agensi kami tidak boleh cakap macam ini walaupun ialah *facts* kami tidak boleh cakap macam ini kami kena cari jalan untuk mengatasinya dan sebagai Wakil Rakyat kerajaan kami kena *what we need to do to public is not like* pembangkang jika pembangkang senang sahaja tiap-tiap hari buka PC marah-marah sampai tiap-tiap hari ada *publicity* tapi sebagai wakil rakyat kerajaan kita kena cari jalan untuk mengatasi *so* saya memang berharap tidak kisah agensi Kerajaan Negeri atau agensi Kerajaan Pusat *as long as* ada kutip bayaran daripada *Penangite must hundred*



*percent fully serve the Penangite kerana gaji-gaji tidak kisah daripada agensi Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat gaji-gaji tersebut adalah keluar daripada cukai rakyat. So I hope the all the agency department to pay their boss is the rakyat. So they need serve the rakyat not served the party.*

YB. Dato' Speaker, selepas isu-isu tadi saya ingin sentuh sikit apa yang Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri ada mengucapkan bahawa T.Y.T. memang mengambil berat terhadap pembangunan sukan dan T.Y.T. juga berharap dan mencabar pengurusan bola sepak FAP supaya untuk merangkul kejohanan dalam Liga Perdana dalam tahun ini. Ini pun *I think is all Penangite* berharap juga supaya nama Penang boleh pergi pasukan Penang boleh pergi semula Perlis dan bola sepak merupakan satu *sport* ini bukan kita hanya *develop on spending money to buy players to manage it* ini kena *start* daripada muda dan budak di sekolah. Saya ingin mencadang di sini jika boleh Kerajaan Negeri boleh mengkaji mempertimbangkan supaya memberikan satu peruntukan kepada setiap sekolah menengah untuk menaikkan taraf padang mereka kerana kami dapat tahu jika setiap kawasan perlu ada satu *football field* memang di Pulau Pinang *especially* di *island* memang tidak cukup tempat dengan cara yang lain, alternatif yang lain kita boleh bagi token sikit untuk sekolah-sekolah menengah ada padang yang menaikkan taraf padang tersebut supaya mereka ada semua *footballer* ada sekolah ada satu tempat atau satu *based* yang selesa untuk berlatih dan ini baru boleh *produce more value player from the Penang* tidak payah *spending to much to buy transfer the player from the others country if we can produce more players to transfer to others country is better than we transfer the player from the other country*. So, saya memanglah sokong ucapan Tuan Yang Terutama dan saya berharap kita boleh bincang dan mengkaji semula cadangan-cadangan seperti di atas dan dengan ini saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Pengkalan Kota. Dipersilakan Paya Terubong.

#### **Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

YB. Dato' Speaker, terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya berbahas pada pagi yang mulia dan juga di Dewan yang mulia ini. YB. Dato' Speaker, semasa negara kita mengalami kemerosotan nilai wang ringgit yang begitu ketara, rakyat kini kebanyakan adalah pengguna ....(dengan izin), *end user* dan sebahagian yang amat kecil mendapat manfaat daripada nilai mata wang yang susut sebanyak 6.1%. Kini banyak barangan import tidak kira barang mentah, separa lengkap atau pun barangan siap, harga sampai tangan pengguna adalah naik begitu ketara. Dengan bermulanya zaman GST pada zahirnya bukanlah menambah kos seperti yang dikatakan oleh Kerajaan Pusat atau pun berdasarkan iklan-iklan di mana mesej begitu mengaburkan orang ramai. Tetapi hakikatnya pelaksanaan GST ini telah memberi impak ekonomi menuju ke arah negatif pada sangat nyata dan ketara. Demi menghadapi zaman GST ini Kerajaan Negeri mestilah lebih berhati-hati dalam perbelanjaan dan juga perlu lebih menimbulkan lagi banyak polisi-polisi yang dapat membantu rakyat Pulau Pinang.

Saya memang kagum dan juga ingin memberi pujian kepada Kerajaan Negeri yang telah membuat pengumuman bahawa mulai Julai tahun ini akan menyerap GST yang dikenakan ke atas MBPP dan MPSP berkaitan projek, perkhidmatan dan kontrak yang dijalankan oleh PBT. Jumlah GST yang akan diserap oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM15.6 juta dari MBPP dan RM5.8 juta daripada MPSP. Kerajaan Negeri

juga akan menyerap GST yang dikutip dari rakyat oleh PBT bagi Kerajaan Persekutuan seperti bayaran letak kereta, sewa tanah dan bangunan. Saya memang berharap Kerajaan Persekutuan boleh betul-betul mendengar kepada suara rakyat supaya mengkaji semula GST ini yang memang telah membebankan rakyat jelata. Sekiranya tidak dapat membatalkan GST secara penuhnya, sekurang-kurangnya Kerajaan Pusat dapat mengikut seperti apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekurang-kurangnya perkhidmatan-perkhidmatan atau projek-projek yang dijalankan oleh PBT yang memanfaatkan rakyat patutlah dikecualikan cukai ini.

YB. Dato' Speaker, isu banjir dan banjir kilat juga dilanda oleh negeri kita. Saya menyeru Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan JKR dan juga PBT-PBT bersama-sama mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif bagi melancarkan projek-projek menambahkan kedalaman dasar sungai, menaik taraf longkang-longkang yang mampu menampung isipadu air yang banyak serta memperbaiki longkang-longkang rosak dan sentiasa membersihkan longkang-longkang yang penuh dengan sampah sarap. Dalam kawasan saya walaupun bukan kawasan kampung, tetapi juga tidak dapat dielakkan berlakunya banjir kilat. Di kawasan Relau walaupun ada longkang besar tetapi disebabkan projek pembangunan perumahan yang semakin pesat maka air longkang melimpah keluar hingga banjir kilat berlaku dan menyebabkan air membanjiri jalan raya. Saya berharap pihak MBPP dan JPS akan lebih menumpukan perkara ini supaya menyelesaikan masalah ini agar banjir kilat tidak membelenggu penduduk-penduduk tempatan. Pihak PBT dan JPS mestilah memastikan pihak pemaju menjalankan kerja-kerja pengaliran air yang sebenarnya lambat sebelum permit mula kerja diberikan kepada pemaju.

YB. Dato' Speaker, mengenai masalah denggi. Dalam kempen memerangi demam denggi banyak kawasan saya telah dikategorikan sebagai zon risiko demam denggi yang tinggi. Dan menerusi perhatian saya bersama penduduk, kesimpulan yang saya dapat adalah banyak kawasan tanah lapang yang dibiarkan tumbuh lalang oleh pihak Kerajaan dan pihak persendirian serta rumput yang dipotong oleh kontraktor-kontraktor tidak disapu dan dikutip sepertimana yang dicatit dalam kontrak. Akhirnya ditiup ke dalam longkang. Dua (2) faktor ini merupakan punca yang penting antara sama lain kes-kes berulang-ulang sehingga ada penambahan berlakunya demam denggi. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri dan PBT dapat menunjukkan keprihatinan dan bukan hanya bergantung kepada kempen-kempen gotong royong atau gunting-gunting dengan perkataan Awas Demam Denggi akan memberi kesan yang nyata untuk membasmi kes demam denggi. Pihak-pihak PBT mesti memastikan kerja-kerja kontraktor betul-betul dilaksanakan dengan sempurna.

YB. Dato' Speaker, semua orang sedia maklum bahawa kawasan warisan George Town dan kawasan-kawasan tertentu telah diwartakan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil tahun 2004 sebagai Zon Larangan Merokok di bawah Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok. Melalui pengisytiharan pewartaan tersebut, maka setiap individu tidak dibenarkan merokok di mana-mana lokasi diwartakan. Jika disabit kesalahan perokok-perokok bakal dikenakan denda tidak melebihi denda RM10,000 atau penjara melebihi dua (2) tahun. Seperti yang sering dinyatakan oleh EXCO Kebajikan dan Alam Sekitar, YB. Sungai Puyu, pada peringkat awal pelaksanaan, penguatkuasaan akan dijalankan secara nasihat, teguran dan pendidikan ....(dengan izin), iaitu *educational enforcement*. Program hasil kerjasama Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tersebut adalah untuk melindungi orang awam khususnya golongan kanak-kanak, remaja, wanita dan orang yang tidak merokok

daripada bahaya asap rokok. Dalam pada itu tambahan tabiat merokok mampu menyebabkan pelbagai jenis penyakit malah turut memudaratkan orang lain berada di sekeliling perokok dan golongan ini dikenali sebagai perokok pasif. Laporan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menunjukkan bahawa setiap tahun seramai 600,000 kematian dicatatkan akibat kesan perokok pasif di seluruh dunia. 1/3 daripadanya adalah golongan kanak-kanak yang masih belum mengenal erti kehidupan. Dalam pada itu, pendedahan kepada asap rokok masih *second hand tobacco smoke* menyebabkan kesihatan yang buruk. Kadar saintifik turut membuktikan bahawa tabiat merokok boleh menyebabkan penyakit paru-paru *obstructive chronic*, penyakit jantung, kanser paru-paru dan pelbagai penyakit kronik lain.

Jadi, sekiranya boleh saya juga ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bolehlah memperluaskan lagi kawasan-kawasan yang melarang merokok supaya lebih menjaga kesihatan rakyat di Pulau Pinang. Selain itu, memperluaskan kawasan-kawasan melarang rokok saya juga ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh menggalakkan orang yang merokok menggunakan sejenis *portable ashtray*, asap mudah alih, *portable ashtray*. Kita memang mesti mengakui bahawa walaupun kita ingin memperluaskan atau menggalakkan orang kurang merokok tetapi memang ada lagi golongan yang tidak dapat berhenti merokok. Jadi apa kita boleh buat untuk mengurangkan lagi kesan negatif. *Portable ashtray* ini adalah diguna untuk mengutip *cigarette parts* iaitu puntung rokok dalam ini. Sebenarnya saya bukan seorang yang merokok tetapi mengapa saya mencadangkan *portable ashtray* ini. Sedia maklum bahawa puntung rokok iaitu *cigarette parts* biasanya akan dibuang oleh perokok ke atas lantai atau ke pasu-pasu.

Saya pernah menerima aduan daripada pekerja MBPP khususnya pekerja sapu lantai pernah mengadu kepada saya bahawa dalam satu hari dia menyapu lantai jalan raya berpuluh-puluh atau beratus-ratus puntung rokok kena disapu. Sekiranya setiap perokok mempunyai *portable ashtray* sendiri ini, ini akan mengurangkan puntung rokok dibuang di atas lantai atau ke tempat awam. Demi memulakan amalan ini, Kerajaan Negeri boleh mengadakan satu kempen supaya menggalakkan perokok menggunakan *portable ashtray* ini supaya membantu mengurangkan beban pekerja pihak PBT dalam menyapu atau membersihkan puntung rokok. Sebenarnya *portable ashtray* ini memang sangat popular dan telah lama dipakai di Negara Jepun dan juga Taiwan. Sebagai permulaan Kerajaan Negeri boleh memberi *portable ashtray* yang percuma mungkin lebih kurang 1,000 atau 10,000 untuk perokok. Ini memang kita bukan nak menggalakkan merokok tetapi kita pun tidak boleh menafikan ada juga golongan yang tidak akan dan tidak boleh berhenti merokok. Jadi apa kita boleh buat kita menggalakkan mereka menggunakan *portable ashtray* ini untuk mengurangkan kekotoran dan *portable ashtray* ini pun adalah satu bahan boleh *recycle*, yang boleh dipakai dan mungkin juga *portable ashtray* mempunyai banyak *pattern* mungkin pada satu hari lain ini pun boleh jadi satu bahan yang seperti *hand phone* yang mungkin akan dibawa oleh setiap orang. Tapi hanya untuk golongan perokok sahaja.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Beri laluan. Saya nak tahu tentang *portable ashtray* ini, untuk guna ini *you* kena dapat dalam *from the Ministry of Health. There is a section on* alat-alat *you* gunakan untuk kesihatan. *There is* kesihatan. Masalah ini ada radiasi, *there is radiation. Low levels of radiation is another risk. in carry this the see have low level ionising the radiation which is another risk which is to your smoking. So first make sure this* alat-alat *is approved by Ministry of Health.*

## Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih atas penerangan daripada YB. Batu Uban. YB. Dato' Speaker, isu seterusnya mengenai golongan wanita. Dalam mengecapi status negeri berpendapatan tinggi, wanita juga tidak terkecuali dilihat sebagai antara faktor penting ke arah merealisasikan impian ini. Ini bukan satu impian kosong, malah situasi ini dapat dibuktikan sekiranya Kerajaan Negeri dapat sentiasa mengiktirafkan peranan golongan wanita dan prospek pembangunan ekonomi negeri. Bagi merealisasikan perkara ini, Kerajaan Negeri mesti meningkatkan taraf hidup mereka yang berpendapatan rendah dan mengeluarkan wanita daripada kepompong minda konservatif dengan meningkatkan penyertaan dan peranan aktif dalam perniagaan. Justeru, perniagaan dilihat sebagai satu cabang meningkatkan peranan wanita sama ada menerusi peruncitan, pencetakan, kesihatan serta penghasilan makanan. Saya di sini berpendapat bahawa Kerajaan Negeri boleh menyertakan satu komitmen atau mengambil satu cabaran untuk melahirkan seramai sekurang-kurangnya 1,000 usahawan wanita menjelang tahun 2020.

Antara program yang diatur bagi membangunkan kapasiti golongan ini ialah memberi latihan teknikal serta penyediaan kursus keusahawanan untuk wanita. Persoalan yang seterusnya ialah bagaimana melahirkan bakal usahawan wanita. Sama ada dikalangan ibu tunggal tanpa pekerjaan tetap atau bekerja tetap atau pun wanita yang sudah bekerja atau mereka yang sedang menjalankan perniagaan tanpa ilmu dalam selok belok perniagaan dan hasilnya satu kursus untuk menghasilkan usahawan kecil-kecilan daripada golongan ibu-ibu tunggal negeri ini mestilah diadakan diantara kerjasama Kerajaan dengan Pihak Swasta, pendekatan yang diambil dalam usaha ini ialah untuk mengubah taraf hidup mereka daripada tiada apa-apa kepada usahawan ....(dengan izin), *from zero to hero*.

Mereka juga mesti diajar mengenai teknik-teknik lain seperti bagaimana mencari peluang perniagaan, aspek penampilan diri dan hal-hal lain berkaitan hal perniagaan. Pihak penganjur boleh membawa pegawai dari agensi-agensi yang lain yang berkaitan untuk menerangkan tatacara memohon lesen perniagaan serta aspek kesihatan perniagaan perkara-perkara asas tentang bagaimana mendapatkan pinjaman, kepentingan pembungkusan, pelabelan serta bentuk atau acuan kuih muih untuk membezakan dengan produk orang lain berlandaskan *trend* semasa tidak mustahil kita kan dapat melahirkan lebih ramai lebih daripada jumlah yang disasarkan kerana kita semua tahu tangan yang menghayun buaian biasa mampu mengoncang dunia, yang penting golongan ini mesti diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan. Saya berpendapat bahawa Kerajaan patut mengambil satu cabaran ini atau juga boleh menubuhkan satu tabung usahawan wanita Pulau Pinang untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 1,000 usahawan wanita Pulau Pinang menjelang tahun 2020 demi menunjukkan Kerajaan Negeri memang dapat memperbesarkan golongan wanita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kes-kes penculikan kanak-kanak sering di dengar dan telah kerap berlaku di seluruh Malaysia ini walaupun tidak begitu ketara atau tidak begitu serius lagi di Pulau Pinang tetapi kita mestilah mengambil langkah-langkah *precautions* ....(dengan izin), pihak-pihak Polis patutlah memberi bantuan dengan menghantar Pegawai Polis untuk membantu rondaan di kawasan-kawasan sekolah dan apa yang pihak Kerajaan boleh buat pihak Kerajaan boleh memberi bantuan memberi pertolongan untuk memberi peruntukkan kepada semua sekolah di Pulau ini di Pulau Pinang melalui ADUN-ADUN untuk memasang CCTV yang lebih

banyak untuk menjaga keselamatan di kawasan sekolah demi pelajar-pelajar. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri patut mengambil langkah-langkah inisiatif untuk membantu sekolah-sekolah ini dapat meningkatkan lagi ini CCTV demi mengelakkan kes-kes penculikan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker isu seterusnya mengenai pembangunan. Kawalan ketumpatan *density control* memang merupakan salah satu alat digunakan untuk membentuk persekitaran bandar, ini bukan sahaja dapat mengawal intensif pembangunan sesebuah bandar, malah membantu penggunaan Sumber Jaya iaitu Sumber Tanah yang terhad secara optimum. Kawalan ketumpatan yang digunakan di Pulau Pinang telah menimbulkan pelbagai isu seperti kekurangan tanah untuk pembangunan, pertambahan penduduk yang tidak terkawal di sesetengah unit perancangan serta keperluan perumahan yang semakin mendesak. Angka ketumpatan yang rendah tidak lagi mungkin tidak lagi sesuai digunakan berikutan jumlah unit kediaman yang boleh disediakan terlalu sedikit, sedangkan permintaan terhadap perumahan semakin bertambah dan juga peningkatan kos tanah di Negeri Pulau Pinang ini. Kos pembangunan meningkat akibat nilai tanah yang tinggi turut mendorong penambahan ketumpatan penduduk melebihi angka kawalan yang ditetapkan. Akibat terdapat tekanan yang tinggi untuk mencapai kawalan yang selaras dengan kepesatan pembangunan di Negeri Pulau Pinang, maka kajian semula terhadap ketumpatan yang sedia ada sangat diperlukan. Namun untuk mengubah kawasan yang sedia ada, rasional-rasional yang sedia ada perlulah diperjelaskan agar dia tidak dipertikaikan oleh orang awam.

Kajian ini mesti menemui rasional yang kukuh untuk menambah ketumpatan serta mengenal pasti kriteria yang boleh digunakan untuk menentukan ketumpatan yang baru dan sesuai. Penentuan ketumpatan di kawasan tertentu harus menimbangankan beberapa primeter seperti permintaan perumahan berdasarkan keupayaan penduduk, faktor nilai tanah, jarak dari pusat bandar, pembangunan kawasan sekitar serta faktor-faktor kepadatan tanah untuk pembangunan perumahan. Berdasarkan kriteria-kriteria yang dikenalpasti penduduk akan ditaburkan mengikut kawasan tertentu seterusnya dikawal dengan angka kawalan yang baru, kawalan ketumpatan yang dicadangkan diharap dapat membantu menyelesaikan masalah penggunaan tanah yang terhad serta dapat memenuhi keperluan perumahan penduduk yang berdesak. Saya meminta Kerajaan supaya mestilah lebih tegas dan lebihlah mesti berhati-hati dalam segala permohonan perancangan yang dikemukakan oleh pihak pemaju, suara penduduk tempatan dan pandangan Wakil Rakyat Tempatan mestilah dihormati dan diambil kira berat, Wakil Rakyat yang dipilih oleh Rakyat Pulau Pinang mewakili kepentingan rakyat di Negeri Pulau Pinang, kepentingan pemaju haruslah diketepikan berbanding dengan kepentingan rakyat tempatan. Ketumpatan yang tinggi haruslah dibenarkan di kawasan tertentu sahaja iaitu kawasan yang baru untuk membangun tetapi bukan untuk satu kawasan yang sudah matang pembangunan atau yang kawasan sentisif seperti kawasan Tanjung Bunga.

Kebelakangan ini saya telah mendengar bahawa bilangan rumah unit rumah yang akan dibina oleh pihak pemaju dalam satu projek perumahan adalah sangat tinggi. Contohnya saya mendengar bahawa di Tanjong Tokong terdapat satu projek perumahan yang akan naik sebanyak hampir 1,000 unit dalam satu projek perumahan. Begitu juga di kawasan saya sendiri di Paya Terubong pun saya dengar ada lebih kurang 7,000 unit rumah akan dibangunkan. Saya bukan ingin menghalang pembangunan, tetapi saya juga kluatir bahawa infrastruktur yang kita sedia ada sama ada boleh menampung bilangan rumah yang begitu banyak. Segala kesan ke atas

sosio-ekonomi mestilah diambil kira dengan berat oleh pihak PPT dan SPC dalam meluluskan sesuatu projek perumahan yang mempunyai ketumpatan yang tinggi. Saya memang memahami bahawa kesusahan Kerajaan Negeri dalam *balance* untuk mencapai satu pembangunan yang *balance* supaya dapat menjaga kepentingan semua pihak. Namun begitu kita mesti sentiasa mengingat bahawa kepentingan rakyat adalah sentiasa mesti diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu seterusnya adalah mengenai isu parking tanpa izin oleh bas-bas kilang di Pulau Pinang secara amnya dan secara khususnya di kawasan Relau dan di kawasan saya sendiri, masalah *parking* tanpa izin oleh bas-bas kilang di merata tempat khususnya di tepi jalan, di kawasan penduduk, kawasan perumahan telah banyak mendatangkan masalah kesesakan lalu lintas dan membahayakan pengguna jalan raya. Saya tidak pasti sama ada masalah ini juga boleh berlaku di KADUN lain, tetapi saya ingin menegaskan masalah bahawa *parking* tanpa izin oleh bas-bas kilang ini memang serius di kawasan Relau dan banyak menimbulkan ketidakpuasan penduduk tempatan, khususnya di kawasan mendekati Taman Metropolitan di Relau.

Saya tiap-tiap hari banyak menerima emel-emel daripada penduduk dan juga gambar-gambar yang menunjukkan bagaimana bas-bas kilang ini meletakkan di tepi jalan dan telah mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan saya telah beberapa banyak kali menimbulkan isu parking tanpa izin bas-bas kilang ini di Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah tetapi sampai hari ini masih tidak ada penyelesaian daripada mana-mana pihak. Dalam mesyuarat tersebut saya difahamkan setiap bas kilang mesti atau telah diperuntukkan satu *port* atau satu tempat untuk meletak bas kilang yang ditetapkan dalam lesen mereka telah dikeluarkan oleh SPAD iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Tetapi apa yang kita lihat kebanyakan bas-bas kilang tidak diletakkan di *port-port* atau tempat yang telah ditetapkan di dalam lesen mereka.

Walaupun saya banyak beberapa kali mengutarakan isu ini tetapi tidak nampak ada mana-mana pihak yang mengambil tindakan, saya tidak pasti sama ada isu mengenai bas-bas kilang ini patut diambil tindakan oleh pihak MBPP atau pihak PBT atau Pejabat Daerah ataupun pihak Polis atau memang telah lama lanjut dan memang telah menyebabkan ketidakselesaan dan kesusahan kepada Penduduk Tempatan. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri mungkin dapat mengambil berat terhadap perkara ini dan juga boleh membentuk seorang Ahli EXCO yang khusus untuk bertanggungjawab untuk mengendalikan isu ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu seterusnya adalah mengenai isu masalah penternakan lembu yang tanpa lesen saya juga ingin meminta Kerajaan Negeri dapat mengadakan mengeluarkan satu perancangan tempoh panjang untuk menyelesaikan masalah penternakan lembu tanpa lesen yang telah lama wujud ini di Pulau Pinang memang kita dapat nampak banyak penternakan lembu yang dijalankan tanpa lesen dan juga kita ada satu tempat peternakan tanah lapang yang sesuai disediakan kebanyakan penternakan dijalankan di kawasan perumahan dan masalah kesihatan dan juga masalah lembu yang meliar di merata tempat di tanah lapang. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengkalan Kota, lembu yang meliar di merata jalan juga telah menimbulkan bahaya kepada pengguna jalan raya dan dahulunya lembu yang meliar di merata tempat khususnya di jalan raya telah menimbulkan banyak kemalangan jalan raya dan mencederakan khususnya itu pengguna jalan raya.

Saya pernah membangkitkan masalah ini, dahulunya saya masih ingat Dato' Speaker sendiri yang merupakan EXCO Pertanian dahulu pernah memberi jawapan bahawa Kerajaan sedang berusaha mencari cara penyelesaian untuk menyelesaikan masalah penternakan lembu tanpa lesen ini, saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat membantu penternakan lembu-lembu ini supaya kawasan-kawasan khas yang khusus dapat diperuntukkan untuk tempat penternakan ini. Ini bukan hanya untuk mengelakkan masalah negatif yang didatangkan daripada bidang penternakan lembu ini tapi kita dengan satu perancangan yang tempoh panjang kita dapat membantu penternakan-penternakan lembu ini untuk membina satu tempat yang sesuai dan juga dapat dengan tempoh panjang membantu membangunkan bidang penternakan lembu di Negeri Pulau Pinang ini seperti apa yang dibuat di negara-negara Australia atau New Zealand. Kita tidak pernah nampak lembu-lembu meliar di merata tempat.

Isu yang terakhir mengenai saranan Tuan Yang Terutama untuk pembinaan sebuah bangunan yang baru untuk DUN saya sebagai Wakil Rakyat di sini saya memang memberi sokongan penuh keatas cadangan T.Y.T. ini dan untuk lokasi bangunan DUN yang baru ini walaupun T.Y.T. mencadangkan kawasan *dam side* Jelutong ini dibina bangunan baru DUN ini, saya memang berharaplah Kerajaan Negeri dapat membuat satu kajian yang teliti supaya dapat mencari satu tempat lokasi yang sesuai untuk membina bangunan DUN yang baru yang memang mempunyai makna yang mendalam untuk bangunan baru ini dan untuk bangunan lama DUN ini haruslah dikekalkan dan bolehlah dijadikan sebagai mungkin satu muzium untuk dikunjungi oleh orang awam dan akhir sekali lagi sekianlah ucapan saya dan saya memohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Paya Terubong. Saya minta Ahli Kawasan Tanjong Bunga.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, salam polomi, salam sejahtera dan juga mengucapkan Selamat Hari Pekerja, Selamat Hari Wesak dan juga Selamat Hari Bonda Sedunia. Saya mengucapkan terima kasih Dewan mulia ini bagi peluang saya bahaskan ucapan T.Y.T. Penggal Ketiga Dewan ini dalam Dewan pada 30 April lalu. Kali ini saya akan berbahas dengan cara baru dan serius dengan menggunakan sistem KPI saya tersendiri untuk semak prestasi MMK demi MMK termasuk Y.A.B. Ketua Menteri. Mahu tak mahu, suka tak suka saya tetap akan memberi pandangan, cadangan, huraian dan kritikan saya dengan ikhlas demi kebaikan dan urus tadbir CAT. MMK masing-masing akan diberi markah dasar kemudian ditolak atau ditambah mengikut *analysis* prestasi berdasarkan isu-isu semasa, inovasi, kebijaksanaannya dan ketabahan, keikhlasan menangani isu-isu dan projek-projek di portfolio masing-masing. Memang ini satu perbahasan yang membawa pahit tetapi memang akan memberi pandangan yang boleh diambil berat oleh masing-masing.

Yang di-Pertua, perubahan demokrasi negara masih belum tercapai, kita perlu berusaha 3 kali ganda lagi demi keadilan, kesaksamaan dan kebebasan. Berubah demi reformasi untuk Malaysia adalah moto kita, *Malaysian First, Malaysian First, Malaysian First*. Saya amat tertarik dengan tajuk dalam ucapan T.Y.T. bahawa sub tajuk "Membebaskan Negeri Pulau Pinang daripada gejala rasuah serta pembaziran dan penyelewengan kewangan." Ini juga memperingatkan saya bahawa satu jawatankuasa

*citizen against government waste* ditubuhkan dalam parti saya selepas YB. Chow mengunjungi Amerika Syarikat sebagai seorang MP membawa balik konsep ini. Dan konsep ini adalah satu konsep yang baik bagi pembangkang kalau nak belajar untuk memastikan pembaziran dan penyelewengan kewangan kerajaan dapat dipantau. Dengan tajuk ini akhirnya pengagihan yang adil semua lapisan rakyat akan dimanfaatkan. Dan dengan mekanisme urus tadbir baik terus menjalankan amanah dan kepercayaan rakyat memang kita pasti dapat berjaya mentadbir negeri dengan lebih cemerlang. Sebelum itu saya nak beri tau, markah dasar untuk semua MMK bermula dari Y.A.B. Ayer Putih markah dasarnya 75, untuk YB. Pantai Jerejak 70, YB. Perai 70, YB. Padang Kota 65, YB. Batu Maung 60, YB. Bagan Jermal. Batu Lancang, YB. Sungai Puyu, YB. Seberang Jaya YB. Datok Keramat dan YB. Padang Lalang 60. Dan keputusan akhirnya akan diberitahu selepas perbincangan ini. Jadi untuk mula kerana kerajaan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Tuan Yang di-Pertua, amat minat untuk tahu bagaimana Yang Berhormat menetapkan markah dasar itu. Apakah maksud dia? Mengapa berbeza-beza, mengapa tidak 100 dan 75.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Memang itu satu markah yang subjektif. Tetapi mengikut protokol, memang Yang Berhormat kena tinggi sikitlah, tetapi lepas perbincangan mungkin dia turun lebih baik, kita tengok....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanjung Bunga itu subjektif, pandangan Tanjung Bunga sahaja.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ini kerana satu sistem bagi saya *backbenchers* sendiri memang subjektif. Kalau ini KPI *backbenchers association* mungkin dia objektif sikitlah. Jadi saya fikir untuk pemarkahan pertama untuk Yang Berhormat ada tiga (3) markah kerana prestasi sampai ke hari ini. Saya fikir semua Yang Berhormat harus diberi satu (1) markah lagi kerana menyerap GST 6% oleh MBPP dan MPSP untuk kepentingan orang ramai. Jadi kita masih ada masa, ruang besar untuk maju dan makmur. Salah satu perubahan dan reformasinya perlu dilaksanakan Dewan yang mulia ini. Saya telah beberapa kali berbahas dalam Dewan ini. Kita perlu meminda undang-undang Negeri Pulau Pinang bahawa penjawat Ketua Menteri dihadkan kepada dua (2) penggal sahaja. Banyak kebaikan telah pun dibahas pada penggal yang lalu dan mujur kita ada sokongan juga. Kalau Kerajaan Negeri jadi pencadang, Ketua Pembangkang sudah jadi penyokong, jadi dua-dua belah tidak menyokong cadangan ini saya fikir dia akan jadi satu sejarah yang baik untuk Dewan yang mulia ini. Jadi banyaklah....(gangguan).



### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa YB. Tanjung Bungah tidak boleh menganggap usul yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang itu sebagai merestui cadangan itu. Sebab saya ingat YB. Telok Ayer Tawar kata, tujuan itu cuma untuk perbincangan dan apabila dicabar untuk menyatakan sama ada UMNO sokong diperluaskan kepada negeri-negeri lain, atau di Pusat pun mereka tidak memberi pandangan khusus.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini topik saya perlu memberi pandangan saya jugalah. Bagi saya walau pun sahabat saya duduk di sebelah saya, saya kurang bersetuju dengan cadangan ini, kerana kalau kita lihat di Singapura umpamanya satu kesimpulan kita ambil, di mana pemerintahan oleh mendiang Lee Kuan Yew, pentadbiran yang telah membawa Singapura ke mercu tanda kepimpinan yang cekap, telus, akauntabiliti, di mana kalau dibuat perbandingan Singapura kepada Malaysia pada hari ini, Singapura jauh lebih maju walau pun Singapura tidak mempunyai apa-apa sumber asli. Saya berpendapat jikalau kepimpinan tersebut adalah kepimpinan yang telus, ikhlas dan tidak mempunyai apa-apa unsur, salah guna kuasa dan rasuah kita patut menyokong kepimpinan tersebut supaya Pulau Pinang terus maju. Pulau Pinang terus dapat mencapai kemajuan-kemajuan yang tidak dilihat sebelum 2008. Saya tidak ada sebarang niat untuk menyokong mana-mana pihak. Tetapi ini adalah pandangan objektif saya kerana kesimpulan Singapura dan lain-lain negara juga perlu diambil di mana kepimpinan sesuatu dasar kepimpinan seseorang itu dapat membawa perubahan yang dirasakan oleh masyarakat. Jadi saya berpendapatlah cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Tanjung Bunga ini mungkin tidak sesuai pada masa sekarang. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih atas pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Seri Delima memang masing-masing ada pandangan sendiri dalam Dewan ini. Siapa-siapa pun boleh beri pandangan mereka sendiri. Jadi banyak kebaikan kita sudah dibahaskan dan saya nak tegaskan sekali lagi dalam merealisasikan mekanisme saksama gender mungkin tercapai. Iaitu saya sudah katakan mungkin wujudnya, maksudnya saya tidak terhad kepada Ketua Menteri, tetapi juga Menteri Besar dan Perdana Menteri. Itu sudah disalah faham saja dan saya minta untuk Ketua Menteri. Untuk Menteri Besar juga disokong oleh saudara saya iaitu Nga Kor Ming pada 2011 bila dia buat satu *press statement* juga memohon bahawa semua negeri Ketua Menteri, Menteri Besar juga dihadkan dua (2) atau tiga (3) penggal.

Jadi Ketua Menteri wanita mungkin wujud misalnya Margaret Thatcher juga seorang daripadanya dan Korea, Thailand dan India Mahatma Gandhi dan juga presiden yang sekarang ada di Bangladesh, Pakistan, macam-macam negara lain dan juga sekarang Negara Taiwan sekarang ada dua (2) orang pencalon. Itu pun pencalon Chai Heng Woon dan Hong Siew Hoon itu pun calon Presiden untuk tahun depan 2016, dan juga diumumkan oleh Hillary Clinton sendiri, dia akan bertanding sebagai Presiden Amerika tahun depan. Ini mungkin wujudnya presiden wanita Amerika selepas 200 tahun lepas. Seorang *President Black Men* Obama saya fikir kalau Hillary Clinton berjaya dicalonkan sudah ada 50% *probability* dia akan jadi presiden wanita Amerika Syarikat.

Untuk Y.A.B. Ketua Menteri saya fikir beliau sekarang bagai naga terbang dilangit bermakna Yang Amat Berhormat sekarang seorang pemimpin yang berkaliber, berkelebihan dalam urus tadbir. Banyak ruang lagi untuk mengembangkan dalam bidang politik terutamanya di peringkat national dan antarabangsa. Yang Amat Berhormat harus mengambil kesempatan ini bersama-sama abang adiknya iaitu saudara Mat Sabu, saudara Anwar Ibrahim menerokakan *blue ocean* ke arah Putrajaya. Saya fikir itu satu peribahasa yang bagus, berat sama dijunjung, ringan sama dipikul...(gangguan), berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Ini juga satu tema di mana Kongres Nasional DAP tahun lalu dan di kongres itu juga satu resolusi pemindaan perlembagaan telah diluluskan bahawa Pengerusi di setiap Negeri dihadkan tiga (3) penggal. Ini adalah satu prinsip yang bagus dan diluluskan dan ini selari dengan cadangan di sini bahawa Kerajaan terutamanya Ketua Menteri, Menteri Besar dan Perdana Menteri dihadkan dua (2) atau tiga (3) penggal.

Dan bahawa ubah suai pindaan yang saya cadangkan iaitu artikel 7(9) untuk maksudkan tersebut dengan sebab-sebab bahawa ianya merupakan satu proses reformasi dan demontrasi yang mana yang progresif dibuat oleh Dewan ini oleh Kerajaan Pakatan Rakyat kalau berjaya. Ia akan memberi peluang kepada ADUN lain yang berkaliber menerajui tampuk pemerintahan di Pulau Pinang termasuk golongan wanita yang sudah agak lamanya Dewan yang mulia ini meluluskan pindaan perlembagaan Negeri Pulau Pinang terakhir yang dikuatkuasakan pada 16 Ogos 2007. Ia adalah kewajipan dan tugas seorang ADUN membentangkan penggubalan dan pindaan sesuatu perlembagaan demi demokrasi dan kepentingan awam jika difikir perlu. Oleh sebab cadangan menghadkan *can we sought Chief Minister two (2) term* tidak diterima maka saya fikir KPI ditolak tiga (3) markah. Yang di-Pertua untuk membebaskan Negeri Pulau Pinang daripada rasuah...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Tadi saya dengar Tanjong Bunga cakap tentang *term limit*, kalau kita mengkaji sistem demokrasi *Prime Minister* sistem sama ada di UK sama ada di Australia sama ada di New Zealand sama ada India, sama ada Singapore, sama ada Malaysia dan Negara-negara Komanwel yang mengamalkan sistem *Westminster system*. Sistem *Westminster* ialah pelantikan *Westminster* yang mendapat undi percaya di kalangan Ahli-ahli Dewan *is on party or his coalition*, dia boleh menjadi *Prime Minister*. Tak ada sama ada di UK sebanyak 200 tahun, tak ada *term limits* sebegini kalau dia, melakukan satu kesilapan ataupun skandal yang besar tidak dapat kepercayaan lagi maka dua (2) hari kena turun, dua (2) minggu kena turun, dua (2) bulan kena turun, tak payah sampai dua (2) penggal. *This Westminster system* dan *of course* kalau masih mendapat kepercayaan dia akan teruskan kalau satu *trend* di UK, kalau boleh *serve* 10 tahun, 13 tahun, sudah rekod kerana dia punya cabaran politik yang semakin sengit.

Oleh itu cadangan-cadangan YB. Teh adalah *American President System* dan *totally different American President System* kalau dia lemah pun kalau dia lemah, kita tak boleh turunkan dia dua (2) hari, ahli-ahli kongres tak boleh turunkan dia dalam dua (2) hari, kena *serve* sampai akhir penggal dua (2) penggal, 8 tahun, tak boleh *enchantment* kan contohnya Presiden Clinton yang habiskan dua (2) penggal walaupun ada skandal besar dengan tekanan-tekanan, skandal-skandal seks pun tak boleh turun lagi. Jadi itu *American President System* dengan *Philippines President System*, saudara Teh berpendidikan di Taiwan, mendapat pengaruh Taiwan yang sangat kuat. So dia selalu cakap Taiwan dan *President System*, so itu sistem yang

berbeza, tak sama macam bulan dan Mars, berbeza, epal dan oren, bulan dan Mars, dua planet yang berbeza dan saya rasa itulah sistem kita, dan penggal lalu saya sudah cakap, penggal ini saya sudah cakap dan mungkin KPI YB. Teh kena turun satu (1) markah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan. Minta laluan Tanjong Bunga. Terima kasih. Memang seperti Air Itam sebut, terima kasih Dato' Speaker. Kita mengikut sistem British, Komanwel sistem. British sistem *Westminster*, tetapi sekarang selalu dilaung-laungkan Penang Leads, *so in the spirit* Penang Leads. Untuk membuat pembaharuan yang selalu yang dilaung-laungkan juga tapi saya nak minta Tanjong Bunga *don't give up* kerana jangan tunggu tiga (3) penggal, dua (2) penggal pun dah boleh bawa satu usul. *Next sitting*.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan Tanjong Bunga. Terima kasih. Memang kita berbanding British sistem, US sistem mana-mana sistem tapi pandangan saya kalau sesiapa yang berkemampuan, *capability* ...(dengan izinnya) Dato' Speaker, dia mampu memberi tanggungjawab dan mampu membangunkan sesuatu negeri seperti tadi Ketua Pembangkang Telok Ayer Tawar yang bagi tahu Penang Leads. Ya *we need* kalau zaman Barisan Nasional yang memimpin Pulau Pinang 18 tahun masa itu Dr. Koh Tsu Koon. Apa yang ada pembangunan yang ada kita lihat. Seperti yang sekarang berlaku sedang berlaku...(gangguan), saya belum sentuh yang *hot topic* lagi. Seperti yang sekarang bekas Perdana Menteri minta Perdana Menteri sekarang yang turun, letak jawatan, orang sudah tak mahu, tapi bergiat lagi, kalau pemimpin Perdana Menteri seperti sekarang ada, mungkin mukanya tebal sikit, tak tahu malu atau tidak pedulikan rakyat cuma pentingkan sendiri maka pemimpin seperti ini yang tidak bertanggungjawab yang merugikan negara dan rakyat kita. Maka pemimpin itu kita tak mahu. Kita minta dia turun. So saya nak bandingkan di sini kalau sesiapa pemimpin yang berkebolehan seperti pemimpin, wakil rakyat yang kita ada di sini banyak penggal seperti Telok Ayer Tawar pun sudah berapa penggal, lima (5) penggal kan. So kalau rakyat Telok Ayer Tawar *continue to support you why not u can still be a* wakil rakyat. Ini yang saya nak sampaikan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanjong Bunga, sambungkan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan Dato' Speaker. Sikit sahaja. Yang sebab ada tuduhan tadi oleh Jawi bahawasanya Kerajaan sebelum ini 17 tahun di bawah Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon tidak bawa apa-apa, ini perkataan dia. Saya nak minta ditarik balik itu. Kerana apa-apa tu maksudnya tidak ada pembangunan di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Tiada apa-apa pembangunan yang dapat lihat.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Oooo. Sejarah menunjukkan segala-galanya ya. Tak payah dicerita di sini. Saya rasa kenyataan itu adalah amat tidak tepat dan menidakkan apa yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang sejak 17 tahun ini. Jangan kata banyak, jambatan satu (1) dan dua (2) pun adalah hasil dari perjuangan kerajaan sebelum ini. Bandar warisan ni pun adalah hasil perjuangan sebelum ini. Bandaraya Pulau Pinang ini pun adalah hasil perjuangan sebelum ini. Jadi jangan kata tidak ada, ini adalah satu perkara yang amat janggal dan tidak seharusnya diperkatakan, menidakkan perkara-perkara yang telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum ini. Tarik balik itu...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, terima kasih Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Dato' Speaker saya minta dia tarik balik kerana itu adalah tidak betul.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tafsiran jawi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Dato' Speaker, tiada pembangunan dari segi banyak aspek seperti ekonomi, menanggung kerugian seperti MPSP...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Jangan menidak macam itu.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Tidak dapat dilihat .....(dengan izin), Tanjong Bunga, Dato' Speaker.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ini masa sekarang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Seperti MPSP.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Pembangunan seperti ini.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Menanggung kerugian oleh...(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Sudah-sudah sila duduk.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jawi pun duduk.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

FTZ semua adalah dari pembangunan sebelum ini...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dua-dua pun rekod dalam *hansard* lah. Tanjong Bunga sila. Terlalu jauh pergi daripada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Kenapa Tanjong Bunga tak ada KPI untuk *backbenchers* dan pembangkang. Kita boleh nilai juga.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Itu soalan yang sangat bagus. Bahawa saya seorang *backbenchers* persendirian saya bahas untuk sendiri, kalau ada KPI untuk *backbenchers*, pengerusi kita akan buatlah. Saya buat ini untuk KPI MMK kerana dalam *suppression of power* saya sebagai seorang *legislative* saya tanya *executive*. Jadi saya fikir pandangan daripada Yang Berhormat Air Itam memang ada pandangannya sendiri. Tapi saya fikir pada masa ini kita dalam *globalization* kita mungkin boleh dapatkan satu reformasi *hybrid* di mana walaupun ada *vote* tidak kepercayaan itu boleh disimpan tapi tambahkan satu syarat ini memang dia akan lebih kukuhkan dan kuat, baikkan kerana mekanisme demokrasi kita ini. Jadi seperti kata saudara Seri Delima semalam sifunya, politik kawan tak ada selama-lama, tak ada musuh. Dan *principle say*. Inilah *principle* yang kita minta bincangkan. Jadi Yang Di-Pertua, untuk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya mohon penjelasan. Tambah Seri Delima dia heret sekali. Apa yang saya maksudkan adalah bila saya merujuk kepada penyokong Tun Mahathir sekarang, walaupun ideologi politik kita berbeza, bila disoal Yang Berhormat Telok Bahang, saya mengatakan memang saya menyokong Tun Mahathir kerana perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau kerana adalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakyat. Sebab tu saya maksudkan *no permanent friends, no permanent enemies but they must be permanent principle*. Kata-kata yang selalu dilaungkan oleh tokoh politik yang menjadi tok guru saya iaitu mendiang Karpal Singh. Jangan heretkan perkara itu kepada perkara ini Yang Berhormat Tanjong Bunga. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih, saya bincang *principle* ini adalah satu prinsip mekanisma untuk semua bukan untuk perseorangan. Jadi Dato' Yang di-Petua, untuk membebaskan, untuk tajuk kecil ini membebaskan dan lain-lain maka saya juga cadangkan satu *ombudsman* ditubuhkan dan penubuhan badan ini akan merupakan *ombudsman* yang pertama dalam negara kita terutamanya Negeri Pulau Pinang untuk maksud tersebut iaitu membebaskan daripada gejala rasuah serta pembaziran dan penyelewangan kewangan. Jikalau *ombudsman* ini ditubuhkan maka saya akan tambah dua (2) markah lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya hendak minta laluan sebelum lari topik. Apakah pandangan Yang Berhormat saya menjemput, seorang pemimpin yang menjadi perisai, *an invisible armor*, di mana ketokohnya, kepimpinannya seperti Ketua Menteri kita, sekali lagi saya ingin menyatakan, satu kenyataan objektif, bukan menyokong sesiapa, menjadi sesuatu yang digeruni oleh parti lawan. Barisan Nasional sekarang risau tentang kepimpinan Lim Guan Eng kerana telah banyak bawa perubahan, berbanding dengan tokoh UMNO sendiri Tun Mahathir yang mengatakan bahawa kalau Perdana Menteri Najib masih lagi memimpin, maka UMNO akan kalah dalam pilihan raya yang akan datang. Ini perbezaan, jadi saya menjemput pandangan Yang Berhormat. Kalau seorang pemimpin itu dapat letakkan tahap *standard* yang begitu tinggi di mana pentadbirannya telus, ikhlas, jelas, rakyat mendapat manfaat berbanding dengan seorang pemimpin yang sudah menjadi cemuhan malahan mantan Perdana Menteri mengatakan kalau Najib masih memimpin, memang pilihan raya yang akan datang UMNO dan Barisan Nasional akan kalah. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanjung Bunga, tolong bawa masa perbahasan kalau Tanjung Bunga nak bagi jalan saya terpaksa pendekkan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya fikir kalau yang berkenaan nanti tak beri laluan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Tak boleh. Sebab dia kata kat kita punya *Prime Minister*. Kena beri laluan, mana boleh Dato' Speaker, *be fair*. Saya nak minta.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Sekejap lagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Bagila laluan sikit. Ini tuduhan liar. Tak tepat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kenyataan oleh Tun Mahathir sendiri Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Tak semestinya. Itu dia punya andaian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, sudah. Telok Bahang dengan Seri Delima. Ikut arahan saya. Tanjung Bunga, sila.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saudara Seri Delima bahawa perbahasan ini adalah untuk mekanisme yang perbaiki bukan pertikaikan pemimpin perseorangan, memang pemimpin yang baik memang dia ada ruang yang besar untuk mengemukakan sebarang idea-idea. SPC atau Jawatankuasa Perancang Negeri seperti soalan saya 10 November 2014. "Bahawa berdasarkan rekod bagi 2014 hingga Oktober 2014 sebanyak 733 permohonan telah dipertimbangkan oleh JKTN. Manakala kes rujukan dari LSC ke SPC bagi MPPP sebanyak 56 kes iaitu 47 dilulus, dua (2) di tangguh.

Untuk makluman, bagi MPSP terdapat 19 kes dirujuk kepada SPC, sembilan (9) lulus, sepuluh (10) tangguh. Kes-kes seperti ini adalah menunjukkan satu kelemahan di mana mengikut laporan Ketua Audit Negara tahun 2014, siri 1. Untuk jabatan, agensi, terutamanya Kerajaan Negeri bahagian Pejabat Tanah Dan Galian terutamanya DTL, SPT, prestasinya tidak memuaskan. Ada banyak kelemahan, dan bukan sahaja itu. Saya juga dapat satu jawapan:

"Bahawa prestasi dan kelemahan lima-lima pejabat tanah daerah mempunyai kelemahan masing-masing seperti kelemahan masalah seperti anggota penguatkuasaan yang tidak cukup menyebabkan tindakan penguatkuasaan dilakukan dengan bantuan anggota dari agensi-agensi lain seperti MPPP, MPSP, dan lain-lain. Kedua, perkakasan dan peralatan tidak mencukupi terutamanya peralatan canggih dan jentera berat untuk merobohkan sektor-sektor kekal yang besar dan yang juga maklumat-maklumat mengenai tindakan penguatkuasaan telah bocor sebelum tindakan penguatkuasaan dilakukan."

Ini adalah satu prestasi yang tidak bagus bahawa menjatuhkan markah-markah Yang Berhormat. Jadi, ada lagi kes banyak lagi dalam laporan Ketua Audit Negara tahun 2013 juga siri 3. Pejabat Tanah dan Galian dalam pengurusan hakmilik strata terdapat banyak kelemahan juga. Mengikut Bahagian 2 Seksyen 6 akta ini, banyak kelemahan berlaku oleh Pejabat Tanah dan Galian dan harapan ini boleh diperbetulkan mengguna AHS pindaan iaitu 2013 bagi memastikan utusan pendakwaan boleh dibuat kepada pemilik tanah yang gagal mengemukakan permohonan dan yang lewat dan membuat pembayaran pendaftaran hak milik serta urusan pindah milik dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan, dan juga bahawa PDC Telco juga menunjukkan kelemahan dalam pentadbirannya dan....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta penjelasan, boleh tak Tanjong Bunga juga *declare interest* adakah Tanjong Bunga juga *director* dalam PDC Telco?

### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya memang *director* Telco. Saya rela juga *resign* kalau saya ada buat kesalahan. Saya dalam *director* juga bagi pandangan, tapi ini keputusan yang tertentu. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang iaitu PDC juga ada kelemahan yang tidak memuaskan. Jadi laporan ini adalah penting supaya prestasi Yang Amat Berhormat boleh dipertingkatkan. Jadi dengan itu maka saya adalah dapat satu keputusan maka untuk Yang Amat Berhormat nanti kita putuskan.

Untuk Yang di-Pertua untuk Yang Berhormat Perai walaupun (KDNK) Keluaran Dalam Negeri Kasar Negeri Pulau Pinang dengan purata meningkatkan sebanyak 60% sama dengan GST. Setahun daripada RM39.2 bilion pada 2005 kepada RM60.6 bilion 2013 dan kalau KDNK ini dipecahkan kepada sektor, sektor pertanian sebanyak 1.9%, perlombongan dan kuarian 0.8%, pembuatan industri 48.4%, sektor pembinaan 2.5%, sektor perkhidmatan 46.4%, ini adalah untuk tahun 2012.

Pelaburan bidang perindustrian pada suku ketiga 2014 dengan nilai berjumlah RM3.3 billion dengan kehadiran syarikat asing MNC telah memberi impak besar kepada peluang pekerjaan untuk faedah rakyat. Saya nak tanya berapakah peluang pekerjaan diwujudkan, apakah jenis pekerjaan diwujudkan? Adakah kita mampu menyediakan sumber manusia *skill labor* terutamanya berteknologi tinggi untuk sektor dijemput pelabur di sini. Peningkatan jumlah pelaburan memang dapat menurunkan kadar pengangguran yang rendah tercapai di Pulau Pinang iaitu 1.7% tetapi adakah *minimum wages* iaitu RM1,000 tercapai? Apakah kategori peluang pekerjaan yang diwujudkan dan gajinya macam mana? Walaupun kita kekurangan 20,000 orang pekerja dalam pelbagai sektor maka dengan itu saya fikir harus tambah 1 markah. Jadi mengapa dilaporkan semakin ramai rakyat juga ingin menjadi penjaja disebabkan kesukaran mencari pekerjaan disebabkan isu kononnya pengangkutan, kemahiran dan persepsi terutamanya warga emas dan pesara yang masih sihat dan kuat sangat susah juga nak dapatkan satu pekerjaan untuk menampung beban kehidupan.

Saya mohon Yang Berhormat mengemaskinikan kertas cadangan berbentuk RFP dalam memastikan pembangunan Bandar Cassia Batu Kawan menjadi Bandar Satelit dengan lebih teliti untuk fasiliti yang moden dan selamat dan adakah sistem pengangkutan yang terperinci di Bandar Cassia diutamakan termasuk MRT atau BRT. Bagaimana juga dengan status terkini tentang pelabur MNC di Taman Perindustrian Batu Kawan iaitu Sandy Store Malaysia, Penang Seagate, Dual Board System dan lain-lain dan juga projek Mega Penang Designer Village Aspen Hub Pendidikan Affordable House, macam mana status Penang BPO juga IPO Hub yang dilancarkan 1 Mac 2014 yang berlokasi di tiga (3) tempat. Bagaimana perkembangannya pada masa kini? BPO ITO Hub dijangka menjana sebanyak 21,000 peluang pekerjaan yang bertaraf k-Pengetahuan kononnya dan bernilai tinggi. Sudahkah beroperasi? Dan 21 ribu peluang pekerjaan sudahkah ditawarkan kepada orang ramai? Adakah ini tambah dengan tadi 20,000 kata jumlahnya mungkin 40,000 kekurangan pekerjaan di Pulau Pinang jadi ini adalah satu prestasi yang bagus kalau betul ada 40 jumlah kekurangan kerja di Pulau Pinang. Jadi, saya nak tanya juga bagaimana pula Kerajaan Negeri



Pulau Pinang membantu pekerja-pekerja menangani GST dalam kos kehidupan, memang tadi ada satu pengumuman yang baik, terima kasih. Tapi kalau boleh buat tambahan lebih baik untuk IKS atau keluarga-keluarga yang memang *middle low class*.

Selain daripada menunjukkan pusat animasi kreatif dan teknologi dalam usaha untuk membantu usahawan kecil IKS yang terlibat di dalam bidang animasi teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor IOT, diharap Kerajaan Negeri juga menubuhkan satu Jawatankuasa BGA untuk memperkasakan bidang IOT ini agar memupuk lebih ramai pakar tempatan dalam bidang *Biochemical Oxygen Demand (BOD)* menguasai sistem Bumiputra Designers Association (BDA). BDA sudah menjadi satu sistem yang baru dalam Asia khususnya pakar BDA kita kekurangan. Ia akan menjadi sumber ekonomi baru dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat terutamanya mereka yang berpelajaran tinggi. Jadi, dengan itu saya fikir hab pendidikan Batu Kawan, macam mana? Mohon huraikan secara terperinci pihak-pihak yang terlibat. Potensi peluang untuk rakyat tempatan *middle class* terutamanya dalam pendidikan yang tinggi dan yang professional.

Yang di-Pertua, mengikut satu laporan bahawa di sekolah, kita ada bincang bila dalam lisan, ada dua golongan pelajar-pelajar sekolah rendah. Satu yang cemerlangnya pelajaran, satu yang tidak dapat mengikut pelajaran, bukan sebab golongan ini lemah atau tidak bijak, tetapi disebabkan keadaan tindasan dan juga buli, *bullying in school* ....(dengan izin), menyebabkan mereka merosot dalam pelajaran dan dengan itu satu laporan ada 3,800 *case of abuse was reported by women family department (2012)* dan mengikut satu laporan juga .....(dengan izin), *during the last 5 years from 2007 until 2011, child's marriages below the age of 16 have increased to 7,000 cases, children dropped out from school was 70,000, children sexually abused was 9,875 cases.* Jadi, ....(dengan izin), ini menunjukkan bahawa kita harus memberikan tumpuan juga kepada kanak-kanak suasana begini.

Golongan ini perlulah diberi prihatin Kerajaan Negeri terutamanya menambahkan peruntukan yang cukup atau lebih banyak dan tubuhkan Jawatankuasa Khas untuk melancarkan satu *solve programmer* yang kreatiflah untuk membuka minda golongan ini untuk menghadapi masalah tersebut. SOFT *programmer* atau *workshop* ini akan mengurangkan masalah sosial di kalangan keluarga miskin dan bermasalah, mungkin akan mengurangkan kanak-kanak terlibat dalam aktiviti maksiat atau mat rempit dan lain-lain.

Terutamanya misalnya kalaulah dua-dua Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan *Federal* terutamanya Yang Berhormat-Yang Berhormat dari UMNO boleh mempercepatkan penyelesaian Kampung Tanjong Tokong maka kanak-kanak di sana bersyukur akan dapat rumah atau *environment* yang baru dengan kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan dan lain-lain yang mana ini adalah dituntutkan pelajar-pelajar setempat. Harap ini boleh dipercepatkan, sekarang saya fikir isu Tanjong Tokong tinggal sedikit sahaja dan kalau dua-dua pihak yang terlibat terutamanya Yang Berhormat dari UMNO boleh percepatkan isu ini dan ini melibatkan semua pihak dan prestasi untuk semua, terima kasih dan saya fikir KPI untuk Yang Berhormat Perai satu (1) markah.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Sebelum Yang Berhormat Tanjong Bunga teruskan memuji Yang Berhormat Perai bahawa kadar pengangguran rendah keadaan ekonomi baik, saya rasa kita kena tumpang semua sebab semua *backbenchers* tumpang semua kejayaan ekonomi dan juga keadaan ekonomi yang baik *teamwork* dan bukan *of course* individual juga menyumbang besar *collectively as a teamwork* kita *backbenchers* juga kita tumpang kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita tumpang juga boleh.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Saya tak mahu *desperate* KPI, *bad* KPI.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Tanjong Bunga? Sebelum Yang Berhormat Tanjong Bunga akan satu demi satu memberi markahkah? Kalau ini saya takut masa tak berapa izinkanlah.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Yang di-Pertua tetapi memang tugas saya sabar dan dengarlah huraian kita seorang yang kena *lone rangers* kadang-kadang tapi saya faham satu *collective job*, tetapi saya berdepan di sini berbahas sebagai *backbenchers* dan *separation of power* saya memang menghargai *collective responsibility* tetapi saya tak mahu lembu punya susu sapi dapat nama. Okey saya teruskan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Tanjong Bunga teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Berkenaan dengan isu maksiat ini saya cuma ingin berkongsi pada hari ini terdapat satu liputan surat khabar iaitu jumpanya dua (2) janin dalam satu almari di sebuah rumah pangsa dan saya kurang pasti sama ada Kerajaan Negeri menyediakan tempat untuk seperti yang dibuat di beberapa tempat untuk meninggalkan bayi-bayi yang dilahirkan dan perkara ini adalah perkara yang saya rasa begitu merunsingkan kerana sejak kebelakangan ini kita lihat dalam surat khabar banyak liputan tentang janin-janin ditemui dalam tandas, dalam bilik air, dalam longkang, dalam tong sampah dan sebagainya dan saya kurang pasti sama ada Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada perkara ini di mana liputan dalam surat khabar hari ini bila saya baca pagi tadi memang menyusahkan dan menyayat hati. Dan saya rasa berlaku dekat dengan kawasan Pengkalan Kota kerana di tempat tersebut banyak warga negara asing tinggal yang bekerja dan tinggal di kawasan jadi saya cuma ingin berkongsi pandangan bahawa perkara ini perlu diberi perhatian oleh EXCO yang berkenaan mungkin YB. Chong Eng boleh beri perhatian supaya kita mengelakkan perkara ini dari berlaku dan saya kurang pasti sama ada kita bersama-sama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Wanita menyediakan pusat-pusat untuk mengatasi masalah sebegini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan, boleh gulung nanti...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

*Just a quick respon.* Bukan disediakan oleh Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bersama-sama dengan sebuah NGO dia ada *setup baby hedge* iaitu *orphan care* memang ada di beberapa hospital dengan sebuah hospital. Tetapi di Pulau Pinang boleh pergi ibu-ibu menghadapi apa-apa masalah boleh pergi Jabatan Kebajikan dan beberapa NGO yang memberi bantuan terutamanya *woman's center for change* kalau atau pun boleh datang ke pejabat mana-mana saya rasa kita boleh bagi bantuan tetapi yang lebih penting lagi saya rasa adalah *stigmatization of the society* bagaimana kita pandang kepada ibu yang mengandung mungkin tak kahwin.

Pandangan masyarakat yang menyebabkan mereka tak dapat menghadapi masalah seperti ini. Jadi saya haraplah kita boleh lebih prihatin *compassionate* kepada sesiapa pun, ini mungkin satu kesilapan yang mereka sudah buat. Tetapi siapa yang tak pernah buat kesilapan manusia. Lebih *compassionate* kepada mereka bagi bantuan jadi mereka tidak akan buang bayi mereka kerana ini bukan *is not a nature of motherhood, is contradict to motherhood, all mothers I met however difficult, they want to take care of their babies*, jadi kita ada tanggungjawab juga dan juga mengapa kita hanya salahkan ibu sahaja mana bapa bagi bayi ini?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Tanjong Bunga silakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

*Something with this urgent.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Tanjong Bunga *your floor.*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat Tanjong Bunga boleh tak sikit sahaja. Dengan *baby hatch* tadi. Untuk makluman Tanjong Bunga dalam Dewan ini di Pulau Pinang memang kita ada Pusat Perlindungan Wanita yang dijalankan oleh NGO dan di bawah Majlis Agama Islam untuk yang beragama Islam, jadi memang adalah dan mungkin tak mencukupi dan mungkin boleh ditambah lagi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Untuk makluman Yang Berhormat, seterusnya kita bincang sedikit tentang Yang Berhormat Pantai Jerejak dimaklumkan salah satu PAC ialah membincangkan perkara-perkara yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara, saya juga pernah memohon PAC supaya isu Alam Sekitar seperti isu Botak *Hill* Bukit Gambir Lot 11396 dan lain-lain

yang tingginya melebihi 250 kaki di atas paras laut telah digondolkan tanpa kebenaran kelulusan PBT patutlah diauditkan oleh PAC walaupun isu ini masih belum dilaporkan Ketua Audit Negara. Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat pernah ada kebelakangan ini mengunjungi tapak Botak Hill itu? Saya fikir tak siapa pun naik sana dan masa sudah lalu dua (2) tahun dilaporkan bukit yang digondolkan itu terutamanya di atas botaknya yang tertinggi masih botak, mitigasi tidak diadakan yang dilaporkan walaupun....(ganguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta laluan, saya pasti apabila Yang Berhormat memberi kenyataan tiada orang yang pergi ke tapak itu mungkin Yang Berhormat telah melawat Bukit Botak itu Dewan yang lepas Yang Berhormat Pengkalan Kota telah menunjukkan pelan dan mitigasi telah pun akan dilaksanakan adakah sampai ke hari ini adakah mitigasi pelan dilaksanakan ke atas tapak itu?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Mitigasi pelan yang sebenar saya tak pernah nampak dan saya tahu kandungannya dan ada dilaporkan dan semasa lawat tapak seminggu atau dua (2) minggu yang lalu ada dua (2) bahagian di bahagian bawah jalan masuk cuma bubuhkan rumput-rumput cow grass seketul-ketul sahaja. Kalau pun hujan lebat semua itu akan wash away ....(dengan izin), apa yang dimaklumkan mitigasi lain seperti *blasting of the big rock*, di sana tak nampak pun *big rock* besar apa yang nak di *blast* kan dan longkang pun tidak dibuat dan apa nak dibuktikan oleh mitigasi pelan ini. Saya dapat tahu juga bahawa tanah itu ada satu lot di pecah dua iaitu 11396 dan 11395. saya tak pasti tetapi saya anggap 11396 itu adalah dicatatkan tanah bukit dan 11396 itu mungkin sudah ada kelulusan perlingkungan semula sebagai perumahan, mungkin satu di atas satu di bawah di atas itu memang *hill top* dan digondolkan sampai hari ini sudah cukup dua (2) tahun lebih, dua (2) tahun mungkin juga cukup dua (2) tahun 2015 hingga hari ini sudah cukup dua (2) tahun tetapi semua ini masih belum diselesaikan. Walaupun saya dan Yang Berhormat berkenaan juga termasuk Ahli Yang Berhormat Batu Uban, Yang Berhormat dari UMNO sangat prihatin tentang kes ini kita faham difahamkan kes ini kerana *public interest* dan *environment interest* walaupun saya didakwa oleh taiko atau taikun, saya pun tidak takut, saya akan bela sehingga habis-habisan ....(dengan izin), dari Tuhan. Kekuatan Tuhan akan membela balik mereka yang membotakkan atau menggondolkan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. Saya hendak minta Yang Berhormat Padang Kota semasa penggulungan perjelasan pada masa Dewan yang lepas YB. Padang Kota telah berjanji untuk menunjukkan pelan bahawasanya ianya akan dilaksanakan tetapi YB. Tanjong Bunga memaklumkan ia tidak dilaksanakan. Saya minta YB. Padang Kota untuk memberikan status terkini tentang tindakan yang telah diambil terhadap bukit yang telah botak itu.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya rasa Kerajaan Negeri mesti ada *political will* dan proaktif untuk menangani isu semasa alam sekitar yang menjejaskan kepentingan awam. Kegagalan Kerajaan Negeri dan PAC melaksanakan audit atas isu ini menunjukkan ketidaksensitifan atas

alam sekitar dan urus tadbir baik di bawah prinsip CAT. Saya harap Kerajaan jangan pandanginya sebagai *insensitive*, ini menunjukkan kelemahan kerajaan melaksanakan kuasanya dan dicabar oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab dan tamak. Jadi markah ditolak. Harap isu ini diaudit oleh PAC dengan segera dan laporan dapat disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini pada masa akan datang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Tanjong Tokong, minta maaf Tanjong Bunga. Saya juga ingin menyanan kepada YB Bagan Dalam selaku Pengerusi PAC untuk kita bentangkan soalan ini dalam PAC yang akan datang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih atas perhatian. Isu kedua ialah isu kampung Tanjong Tokong. Pada masa ini tertinggal satu isu penyelesaian iaitu isu zon warisan Melayu kampung tradisi tinggal satu langkah lagi dan satu langkah kalau diberi oleh UDA dan sokongan oleh YB-YB UMNO isu ini boleh diselesaikan. Isu ini telah wujud 70 tahun lalu oleh Barisan Nasional dan boleh diselesaikan untuk selama-lamanya. Kita semua harap ini boleh diselesaikan dalam masa yang singkat. Saya tidak mahu panjangkan lagi isu ini dan teruskan dengan ucapan saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Pantai Jerejak dalam menguruskan isu. Saya fikir ini adalah satu penyelesaian terbaik, sudah dua (2) markah ditambah balik kepada YB. Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat bolehlah bagi markah dua (2) kah, tiga (3) kah dan sebagainya tetapi dalam hal warisan ini, bersetujukah YB. Tanjong Bunga bahawasanya semasa kita merayakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang kita perlu melihat semula tentang pengekalan kampung-kampung tradisi bukan sahaja di kawasan-kawasan tertentu di Tanjong Tokong, tetapi juga di kawasan-kawasan Balik Pulau, di kawasan Jeti dan sebagainya. Kita harus melihat secara menyeluruh bagaimana kita hendak mempermodenkan kampung-kampung ini dan kekal sebagai kampung-kampung tradisi.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya minta laluan sedikit. Sebenarnya selain dari Tanjong Tokong, dalam dua (2), tiga (3) minggu lepas Menteri Pelancongan dan Warisan telah turun dan salah satu berkaitan dengan warisan adalah di Masjid Lebuh Acheh di mana telah dapat perhatian. Ini adalah *inline* sebagaimana disebut oleh YB. Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya sambung sikit, YB. Pantai Jerejak, saya melihat bukan sahaja Masjid Acheh yang berada di pekan ini, tetapi kampung warisan di seluruh Pulau Pinang sebab dalam RSN yang terdahulu ada disebut kalau tak silap saya ada 20 lebih warisan yang harus dikekalkan dan saya mahu kampung warisan ini dikekalkan sejajar dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang ini.

## Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih atas maklum balas ini. Saya fikir memang betul ada satu cadangan bahawa Kampung Tanjong Tokong disenaraikan dalam kampung tradisi dalam RSNPP atau *local plan* yang dalam peringkat draf dan belum diwartakan. Saya harap semua ini boleh disenaraikan balik dalam pelan-pelan tersebut.

Seterusnya saya ingin membincangkan sedikit dengan YB. Padang Kota. Kerajaan Negeri perlu mempercepatkan proses memperkenalkan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri yang dijangka menelan sebanyak RM27 bilion yang merangkumi pengangkutan darat, air dan udara termasuk LRT dan MRT. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat kerana adanya Pelan Induk jadi satu markah ditambahkan. Saya berpendapat bahawa MRT adalah satu sistem *mass transportation* yang lebih sesuai harus dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri walaupun kosnya begitu tinggi. Saya fikir ramai EXCO telah mengunjungi negara-negara luar terutamanya seperti Hong Kong, Incheon, Guang Zhou, Shanghai, Tokyo *also* Singapore and Taiwan yang menggunakan sistem MRT dan telah membuktikan kelebihanannya termasuk mampu membawa penumpang yang lebih banyak dan membawa aktiviti ekonomi setempat.

Ada ruangan untuk menaik taraf, memperluaskan servis dengan menurunkan lagi landasannya ke bawah tanah pada masa hadapan seperti teknologi yang dilaksanakan oleh Tokyo iaitu dari Tingkat 3 turun ke Tingkat 6. Ianya juga memberi lebih banyak ruang tanah untuk kemudahan hijau dan terutamanya juga mungkin laluan untuk basikal. Ini semua terbukti kelebihanannya dan kos yang lebih rendah. Kapasiti satu hari boleh mengangkut 350,000 orang iaitu satu *standard design*. Manakala bandaraya yang menggunakan sistem LRT telah menunjukkan kelemahan dari segi penggunaan tanah dan reka bentuk bandar seperti KL dan Bangkok. Saya harap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan sekali lagi sistem yang lebih mampan. Saya lebih cenderung kepada *undersea tunnel* dibandingkan dengan Penang Skycab. *Undersea tunnel* bermaksud antara dua (2) feri terminal di mana *skycap* sedang dicadangkan, *undersea tunnel* supaya dua tingkat, satu tingkat untuk *walkway*, untuk *shop lots* dan penduduk-penduduk dari Seberang dan dari sebelah Pulau boleh pergi balik berjalan kaki boleh menjadi satu (1) tarikan baru. Satu (1) tingkat bawah boleh di *reserve* untuk kecemasan atau pengangkutan lain. Itu pandangan dan cadangan ke atas Penang Skycab. Di bawah boleh diguna untuk utiliti lain seperti kabel-kabel, TNB dan lain-lain.

Saya hendak ucapkan tahniah ke atas peruntukan RM32.72 juta untuk memantap dan meningkatkan lagi perkembangan infrastruktur dan kemudahan asas di bandar seperti U-Turn, Udini dan lain-lain. RM86.3 juta telah diperuntukkan untuk 6 projek di luar bandar seluruh negeri seperti Jalan Soon Ban Keng dan lain-lain. Ini memang memanfaatkan penduduk. Saya fikir bahawa satu markah harus diberikan ke atas pengurusan program perkhidmatan bas percuma oleh Kerajaan Negeri sebagai *mode* pengangkutan ke tempat kerja dan mengurangkan beban kewangan kepada pekerja. Ada dua (2) BEST iaitu *Best Free Industrial Zone* dan Best KOMTAR, kedua-dua BEST ini memang bestlah, saya berharap BEST ini boleh juga diperluaskan kawasannya kalau di sebelah pulau diperluas hingga Balik Pulau dan kalau di Seberang Perai hingga ke kawasan luar bandar. Tetapi mengikut laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 3, muka surat 7, perkara 1.5 menyentuh kelemahan BEST tetapi kelemahan ini boleh dipertingkatkan kalau betul-betul diambil perhatian.

Yang di-Pertua, mengikut Laporan Ketua Audit Negara tahun 2013 tentang Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, 9.5.10, .....(dengan izin), prestasi kewangan PBT, MPPP dan MPSP adalah baik, oleh itu saya fikir satu markah harus digalakkan. Tetapi dalam bidang pentadbiran pengurusan perkhidmatan dan cara menangani isu tempatan adalah tidak memuaskan dan lemah. Seperti 9.5.10.5 .....(dengan izin), iaitu tunggakan hasil cukai taksiran PBT berjumlah RM79.81 juta iaitu 40.8% daripada jumlah pendapatan PBT pada tahun 2013, prestasi ini adalah tidak cukup baik jadi tolak satu (1) markah. Tindakan lebih proaktif dicadangkan oleh Audit untuk meningkatkan usaha dan mendapatkan semula tunggakan cukai taksiran bagi memastikan kedudukan kewangan Majlis akan bertambah baik dan kita dapat menjalankan program yang lebih baik untuk rakyat. MPPP sudah pun dinaikan taraf sebagai bandaraya ke tigabelas di Malaysia sebagai MBPP. Saya fikir tanggungjawab mereka lebih berat dan diharapkan prestasi yang lebih tinggi dan cemerlang dapat dicapai.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Berapa lama lagi Yang Berhormat?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Masih banyak lagi, saya harap dapat bersabar sedikit. Yang di-Pertua, ekspektasi antara bandar raya yang mampan mesti ada pelan tempatan yang unggul. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Seksyen 12 dan di bawah peruntukan Seksyen 2 juga penyediaan Draf Rancangan Pelan Tempatan, memandangkan PBT untuk menyediakan pelan Rancangan Tempatnya. Satu draf RTPP 2000 yang sudah lama disempurnakan drafnya pada tahun 2010 tetapi sehingga kini PBT masih tidak berhasrat untuk mewartakan RTPP tersebut untuk bahagian Pulau. Memandangkan RTPP ini menjadi satu (1) soalan hangat, ada 10 soalan dalam mesyuarat kali ini ia menjadi satu isu hangat. Setiap mesyuarat DUN mesti dibangkit dan disoalkan oleh Ahli. Tajuknya RTPP Pulau 2020 tetapi sekarang sudah tahun 2015 cuma tinggal 5 tahun sahaja untuk diwartakan, tidak bermakna kalau diwartakan pada tahun 2020 kerana sudah luput. Saya cadangkan kalau boleh RTPP ini bahagian Pulau diubahsuai kepada RTPP Pulau 2.0 untuk tahun 2015 hingga 2030. ganti RTPP draf yang lama. Dengan kegagalan saya fikir kena tolak 2 markah. Tindakan seterusnya Jawatankuasa Perancang Negeri.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya tidak mahu masuk campur kerana ianya di bawah bidang kuasa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Sebab MBPP sudah selesai kerja, *full council* sudah serah kepada JPBD. Bukan saya takut hendak ditolak markah perlu dapat makluman yang tepat.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih akan ditambah balik satu (1) markah...(ketawa). Jadi kerana ada alasan yang boleh diterima. Terima kasih. Jadi tindakan segera perlu diadakan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri, PBT, MBPP, SPC selari dengan Seksyen 15 dan juga jangan lupa juga *local plan-local plan* di Seberang Perai dikemukakan dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat di Seberang Perai di kawasan berkenaan

betul-betul memahami *local plan* itu akan mempengaruhi pembangunan kawasan Yang Berhormat masing-masing termasuk isu-isu tempatan seperti lembu-lembu di tepi jalan dan lain-lain. Jadi RTTP pulau ini adalah tulang belakang pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri. Selain daripada sistem LRT,MRT, integrasi guna tanah dengan perancangan pengangkutan termasuk bas, trams, basikal dan juga walkways. Jadi kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, kumbahan *treatment*, kesihatan dan pengurusan sisa pepejal adalah amat penting. Mengikut laporan PBAPP bahawa jika kita tidak jimat air dengan cara betul, bazirkan air disebabkan tarif murah dan sikap tidak apa, berkemungkinan negeri kita berkurangan air mentah. Memang tidak boleh menyokong pembangunan yang tidak mengikut *local plan*. Air kumbahan yang tidak dirawat dengan teknologi baru akan lebih mencemarkan laut kita. Perkhidmatan kesihatan semakin tambah kosnya terutama GST, ramai orang tidak akan sihat lagi, akhirnya bertambah warga emas yang kurang sihat dan perlukan bantuan perubatan, menimbulkan isu *social welfare* pada masa nanti. Isu-isu ini haruslah diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri harus dipujikan kerana membuat keputusan untuk menguruskan sisa pepejal dengan cara sendiri. Hasratnya yang ingin menjalankan *segregation at source* adalah strategi dan langkah yang baik. Satu draf undang-undang kecil PBT untuk menguatkuasakan *segregation at source* amatlah penting agar pengurusan sisa pepejal dalam Negeri Pulau Pinang dijayakan. Kejayaan pengurusan sisa pepejal tentu akan menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar raya yang mampan dan lebih bersih, lebih hijau, lebih sihat dan lebih selamat. Jadi saya fikir tiga markah harus ditambahkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat boleh selesai dalam masa 10 hingga 15 minit. Kalau tidak ada tolak satu markah.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Itu memang tidak adil. Ini satu KPI untuk EXCO, ini satu tuga ....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila cepatkan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Sebenarnya saya sudah baca dia punya laporan dalam surat khabar Guang Ming hari ini sudah terbit apa yang dia cakap hari ini. Dia ulang apa yang cakap saja saya ingat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Tanjung Bunga sila teruskan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Itu ringkasan untuk EXCO.



## Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak payah diganggukan.

## Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Jadi RTPP Pulau yang sempurna dan lengkap juga memenuhi beberapa aspek seperti strategi pembangunan mampan, sistem pengangkutan efektif dan lain-lain lagi. Tidak payah saya ulang lagi. Satu contoh lagi pentadbiran yang tidak memuaskan iaitu pencerobohan tanah kerajaan tidak dikuatkuasa dengan segera dan baik. Ini berlaku di banyak tempat, satu (1) contoh ialah Lot 4153 dan Lot 4154 dengan keluasan 393 meter persegi dan 4,403 meter persegi di kawasan bandar Tanjong Bunga dicerobohi oleh seorang pemaju membina satu stor semasa saya fikir 20 tahun lalu. Ini adalah satu prestasi yang tidak begitu baik dan menjadikan tapak itu satu stor untuk bahan binaan bangunan dan sudah menjadi tapak pembiakan nyamuk. Ini akan menjatuhkan prestasi YB. Seberang Perai...(gangguan), Seberang Jaya. Jadi mengikut jawapan daripada Pejabat Tanah dan Galian, ini adalah satu tanah rezab bagi maksud kawasan lapang, di mana SUK adalah sebagai Pegawai Pengawal dan MBPP sebagai penyelenggara tanah rizab tersebut. Jadi saya di sini serukan Kerajaan Negeri ambil balik tapak itu dan dijadikan satu tapak hijau dan juga mengurangkan pembiakan nyamuk aedes dan demam denggi yang sangat *hot* pada hari ini.

Contoh tiga (3) adalah plan MPP/OSC/QM(2035)/13 merobohkan satu unit rumah sesebuah dua (2) tingkat, banyak kes lagi saya tidak mahu sentuh melibatkan satu *proposal* di mana *proposal development*, Lot 48, 3563, 3627, 4166 Mk 18 Persiaran Lembah Permai ini satu pembangunan di lereng bukit. Satu lagi memang ada bantahan *proposed development* oleh tuan Taman Seri Bunga, dua blok 59 tingkat, satu (1) blok 49 tingkat di Sungai Kelian. Di bantah sekeras-kerasnya oleh penduduk berjiran tetapi satu lagi pembangunan yang sama 51 tingkat di lereng bukit dekat TAR College diluluskan bawah kategori bangunan *affordable house*. Tadi masih belum diluluskan. Dua kes ini menunjukkan kelemahan MBPP meluluskan ataupun mempertimbangkan kelulusan *plan* merancang bahawa bangunan 51 tingkat diluluskan kerana dia jenis *affordable house* yang diminta, dimohonkan kerajaan. Satu (1) lagi memang belum diluluskan tetapi mengikut laporan Datuk Bandar cuba hendak bincang dengan pemaju supaya yang belum diluluskan itu supaya diturunkan tingkat bangunannya. Ini pada saya plan itu belum diluluskan, tidak payah bincang dengan pemaju. Gunakan kuasa sebagai Datuk Bandar yang kuat, batalkan atau minta dia turunkan tingkat.

Satu lagi sudah diluluskan walaupun sudah diluluskan tapi dia tak lama lagi Datuk Bandar saya fikir atau pun MBPP boleh gunakan kuasanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa Seksyen 25 untuk mengambil balik kelulusan pelan yang sudah diluluskan dan minta dia turun. Ini adalah satu prestasi yang tak dijalankan. Saya fikir ini menunjukkan kelemahan. Saya harap walau pun di kawasan saya ini merupakan satu *dispute* kaji semula belum diselesaikan semua permohonan harus dibekukan sehingga disempurnakan. MBPP sebagai bandar raya ketiga belas di Malaysia dan bandar raya yang amat tua semenjak 1786 ia harus mempunyai rancangan tempatan sendiri yang unggul kita mengalu-alukan Datuk Bandar wanita yang pertama dan berharap prestasi MBPP dipertingkatkan tiga (3) kali ganda dengan RTPP 2.0 (2015-2030) diwartakan sebelum, saya harap boleh diwartakan sebelum 2016.

Untuk YB. Batu Maung, Yang di-Pertua saya rasa kepujian harus diberikan ke atas perkembangan perdagangan dan promosi perniagaan negeri berjaya *branding*, *Penang Halal Hub* bagi membangunkan jaringan perniagaan dan meluaskan pasaran produk di dalam dan luar negara, terutamanya di Thailand, Medan dan juga saya fikir kita sudah memasuki Yunan, di mana satu (1) jalan masuk Uzbekistan Silk Route. Walau pun ada persaingan dengan Thailand dan China saya rasa prestasi ini memang sudah harus dipujikan dan melingkungi lima (5) bidang yang difokuskan iaitu saya fikir perdagangan, pelaburan, industrial halal, *of course logistik* dan pelancongan. Jadi saya fikir tiga markah diberi. Saya pernah memperingatkan Kerajaan Negeri supaya meneroka pasaran halal China barat melalui Yunan sebagai pintu masuk *Silk Route* ke Asia Tengah.

Saya juga ingin menasihatkan Kerajaan Negeri ambil perhatian dan proaktif dalam bahagian projek *..(bahasa China)..* Ini adalah satu projek China menjalankan selain melainkan *Silk Route* satu lagi *Silk Route by the sea* oleh Kerajaan China yang sedang memelihara *Silk Route* ini akan melalui Selat Melaka termasuk Pulau Pinang. Melaka, Singapura dan Pulau Pinang pada masa dahulu adalah tiga bandar yang terkenal dalam *Silk Route* jadi dengan peluang ini Kerajaan Negeri kita kena *tap on* sumber daripada projek ini. *Silk Route by the Sea* ini juga terlibat pasaran baru dari Pakistan dan juga Myanmar disasarkan oleh China sebagai pintu masuk-keluar, barat China Xin Xiang, Xi Zhan.

Itulah prestasi YB. Batu Maung. YB. Bagan Jermal, saya mengalu-alukan cadangan Kerajaan Negeri membina Dewan Undangan Negeri baru yang serba moden dan canggih untuk menampung pertambahan jumlah KADUN dan kawasan Dewan pada masa akan datang di atas bekas tapak pelupusan sampah Jelutong setelah dilupuskan dari bahan-bahan sedia ada. Saya nak nasihatkan mungkin dengan pengetahuan saya yang kecil ini bahawa tapak pelupusan kalau tidak dipantau betul-betul mungkin tapak hanya boleh diguna selepas 30 tahun sahaja. Untuk pembinaan yang berat atau tinggi. Kalau nak pindah ke sana memang saya tapak yang sesuai yang ikon menjadikan untuk konsep kehijauan dan mampan. Tapi kalau betul-betul sudah ada keputusan saya dengan satu (1) saranan *Middle Bank* sebagai satu *eco system* semula jadi yang diwartakan kawasan tebus guna mesti dikeluarkan dari pewartaan dalam Pelan Struktur Pulau Pinang 2007, diwartakan semula dikekalkan sebagai Kawasan Khas *Eco Marine Sea Grass Bed* Pulau Pinang. Iaitu seluas lebih kurang 500 ekar antara *Middle Bank* dan Pulau Gazumbo itu mesti dikekalkan.

Kawasan *Middle Bank* merupakan satu satu tapak yang penting untuk kehidupan lautan yang semua orang faham, saya tak perlu panjangkan tetapi saya nak juga nasihat dengan bukti bahawa *Middle Bank* harus dikekalkan. Terdapat *sea horse* di perairan Pulau Pinang ini kadang-kadang *sea horse* ini ditangkap atau dinaikkan oleh nelayan di perairan Tanjong Tokong dekat Straits Quay di mana kalau kawasan itu ditambungkan dengan...(gangguan), *sea horse* itu akan hilang saya fikir. Dan difahamkan Pulau Pinang ada empat jenis *sea horse* terkini dimaklumkan kepada saya oleh nelayan iaitu warna hitam, kelabu, putih dan oren. Ini warna hitam, kita kena faham alam sekitar kita, selain daripada *sea grass bed*, kita juga ada satu kawasan *coral*, *coral* itu ada di kawasan Telok Ayer Tawar dan Penaga tetapi malangnya kawasan itu telah dirosakkan oleh lumpur-lumpur semasa penggorekan lumpur dari pelabuhan Pulau Pinang dibuangkan di situ. Kuala Muda kemudian dibalikkan ke pantai dan musnahkan semua *coral* itu. Sebenarnya Pulau Pinang mempunyai eko sistem yang sempurna iaitu kawasan bakau, *sea grass bed* dan *coral*. Sekarang *coral*

sudah dimusnahkan dan kawasan bakau masih boleh di kekalkan dan *sea grass bed* ini yang tidak ditahukan semua orang mesti dikekalkan kalau tidak kita akan hutang kepada alam sekitar dan *mother nature*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya beri sepuluh minit lagi kepada Yang Berhormat. Jangan terlalu lama.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ini saya fikir ini satu hak supaya di....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya kena berlaku adil kepada semua Yang Berhormat. Lagi tolong pendek, padatkan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Untuk Batu Lanchang, walaupun pada tahun 2015 merupakan Tahun Melawat Pulau Pinang tetapi suasananya tidak berbau demikian, mengikut laporan pihak Yang Berhormat, berdasarkan statistik Tourism Malaysia bahawa penginapan hotel di Pulau Pinang menunjukkan turun dibandingkan 2011 hingga 2014. Pada 2011 seramai (6.01 juta) *domestic and foreigner*. 2012 (6.10 juta), 2013 (3.5 juta), 2014 (4.7 juta). Maksudnya satu hari kita ada tak ramai pelancong di atas jalan raya. Kalau kita mahu menjadi pelancongan lebih lagi naikkan pengunjung purata setiap hari iaitu *16K, sixteen thousand a day, not enough everyday* pelancongan *on the road should be more than* ruang tambah, *30K a day* pelancong di jalan dari kita akan tambah lagi kerana pelancong *domestic and foreigner* ini adalah *seasonal* pelancongan kalau kita boleh tambah tiap-tiap hari, pelancongan akan tambah lagi kerana sektor pelancongan ini sangat penting untuk Negeri Pulau Pinang. Produk-produk sedia ada seperti Heritage George Town, Cultural, Eco Town, Medical Tour, MM2H, Bike Tourism. Produk kita kebanyakan bersamaan dengan Melaka. Selama enam (6) tahun sejak 2008, walaupun sektor perkhidmatan dan pelancongan merupakan KDNK yang kedua tingginya iaitu 46.47% pada 2012 tetapi Kerajaan Negeri, selain daripada banyak *soft* program, anjuran *soft* program. Program baru termasuk perfileman, tiada produk *hard programmer* yang baru untuk menambahkan pelancong ke Pulau Pinang dan kembali lagi kedua, ketiga dan keempat kali. Jadi saya fikir ini adalah satu (1) ruang yang perlu diperbaiki. Saya rasa sebenarnya sumber kekuatan, kelebihan dan kecantikan pulau *Pearl of the Orient* masih tidak diusaha atau dikekalkan, dipelihara. Contohnya sedikit *hard programmed* seperti Sungai Perai *Eco Tour, Hike or biking Over Penang Hill, Beginning of the world to the end of the world*, Teluk Bahang. Middle Bank, Penang Hill/George Town LED Show seperti di Hong Kong, di Kowloon ada light di sebelah pulau dan tunjuk, Pulau Kendi Virgin Tour, Bukit Penarak Heritage Eco Tour, Bukit Bendera Taoist Tour, di keliling Bukit Bendera ada banyak Tokong Taoist, tokong itu juga agak lama pembinaannya. Itupun boleh makan satu hari. *The Return of Coronation Youth Camp Site. The Doggie Park* maksudnya kita ada seorang pakar pelatih anjing di Teluk Bahang. Dia boleh melatih anjing-anjing supaya menjadi *guide*, dia boleh juga melatih anjing itu membuat macam-macam *trick*, boleh jadi *doggie park* mungkin boleh selesai *stray dogs*. Dan contoh the *dedicated elevated bicycle lane tour*. Ini jika dibina akan tambah pelancongan.

*Design* ini sudah diambil oleh London membina *elevated bicycle lane* bukan sahaja untuk *bicycle* tapi untuk satu pelancongan yang baru. Mereka boleh berbasikal *elevated bicycle lane* dan boleh mengunjung tempat. Jadi semua kawasan dan sumber alam sekitar berpotensi dan keindahan ruang masing-masing untuk menyumbangkan ekonomi dari sektor pelancongan. Tetapi isu demi isu, kes demi kes kerosakan, kemusnahan harta alam sekitar nampaknya tidak dikuatkuasakan contohnya (RFP) *Project Reclamation Middle Bank* akan merosakkan *sea grass*.

Maka YB. *backbenchers*, saya fikir satu lagi (RFP) *Proposed Development of a Marine Supporting Coastal and Marine Tourism Facilities of the coast of Tanjung Bunga* juga adalah juga satu reklamasi tanah yang tidak wajar kerana RFP ini adalah satu RFP yang memulihkan projek supaya dia menjadikan satu marina dan bukannya satu *public park*. Ini kami Wakil Rakyat tempatan membantah sekuat-kuatnya, terutamanya Tanjung City Marina sudah menjadi satu kegagalan contohnya jadi tidak perlu ada satu lagi marina yang luar di bandar, kemudahannya juga tidak begitu sesuai. Jadi... (gangguan), saya sudah dikacau, sebenarnya saya sudah menyentuh YB. Sungai Puyu.

Satu lagi contoh di mana alam sekitar tidak dikawal dengan baik adalah bukit-bukit digondolkan tanpa protes oleh MMK Alam Sekitar. Kes satu (1) adalah Bukit Gambir (Botak Hill) Lot 11396 dan juga mungkin ada kes lain, pelan mitigasi walaupun dibentangkan dan dihadiri oleh *engineer* Khoo Koon Tai, Jurutera Geoteknikal, Y.Bhg. Dato' Ir. Dr. Gue See Sew, Yang Berbahagia Tan Sri Tan Kok Ping, Ir. Chee Kok Wah dan Pengarah Kejuruteraan di Jabatan Kejuruteraan MBPP pada 4 April 2014 tetapi hingga hari kebelakangan ini masih botak. Jadi saya fikir KPI ditolak 3 markah. Langkah-langkah kouta ini Lot 11396 ini terletak di atas paras tinggi 980 kaki ini, ini semua orang tahu. Jadi mengikut jawapan yang diberikan, lot ini dipecah kepada dua lot dua (2) lot, lot tukar kepada lot 11395 dan 11396. 11396 dizonkan sebagai perumahan tumpatan rendah. Manakala 11396 dizonkan sebagai tanah bukit. Terdapat kekeliruan terhadap bayaran cukai tanah yang dikenakan bagi lot 11396 iaitu berdasarkan kadar Perumahan sepatutnya adalah kadar Pertanian mengikut Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Kemajuan MPPP 1956 dan dizonkan sebagai Tanah Bukit.

Walau bagaimanapun pemilik tanah mengenakan kadar cukai yang dibayar adalah ditetapkan oleh pihak berkuasa dari tahun 2007 dan berhak untuk membangunkan bagi tujuan perumahan. Ini adalah satu prestasi yang tidak *right and* mengelirukan dan semua orang di dakwa dengan tidak betul, jadi ditolak satu (1) markah tak apalah, kerana sudah masuk Bukit Kukus....(gangguan), panjang lagi. Pembangunan di lereng bukit sangat mustahak di mana mengikut satu kertas kajian *probabilistic land slide hazards and risk mapping on Penang Island* oleh seorang *engineer* Saro Lee Korea Institute of Geoscience and Mineral Resources and dan seorang tempatan Biswajeet Pradhan pada tahun 2005 menunjukkan kawasan KADUN Tanjung Bunga dan kawasan-kawasan Paya Terubong dan juga kawasan dekat Relau, Sungai Ara adalah kawasan bukit yang *high risk*.

Jadi saya harap ini boleh diambil maklum oleh MBPP supaya bila nak luluskan pembangunan di sana haruslah berhati-hati terutamanya menukarkan perlingkungan semula tanah bukit kepada kemudahan atau perumahan. Dan juga mengikut laporan Ketua Audit Negara bahawa muka surat 19 tentang pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tanpa permit bagi tempoh 2012 hingga Julai 2014, ini menunjukkan banyak kelemahan dan kesalahan telah dibuat dan ini tanpa permohonan dan lesen

telah menjejaskan alam sekitar tetapi tak diperihatinkan dan apakah komen dan tindakan segera oleh MMK berkenaan terutamanya MMK berkenaan, terutamanya MMK Alam Sekitar, kalau tak ada, maka satu (1) markah ditolak juga.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta jalan. Saya cuba bersabar di sini. Saya minta bahawa Ahli YB. daripada Tanjong Bunga supaya *please do your homework right before you comment*. Kalau tidak *you only* memalukan diri sendiri.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya boleh tahan malu ini kerana kita sama-sama duduk di sini bincangkan perkara, kalau saya salah saya akui kalau benar saya tak takut. Saya ikut fakta..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya nak minta tanya jumlah berapa kali Ahli Yang Berhormat tak hadir mesyuarat MMK Alam Sekitar?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Memang saya tak pernah hadir sepenuhnya kerana ada beberapa perkara saya tidak setuju, jadi saya kadang-kadang ada projek lain, masalah lain. Dan satu salah saya tak hadir kerana menunjukkan ketidakpuashati jadi saya tidak hadir. Itu satu alasan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Bolehkah kami buat satu semakan akan kepada *minutes-minutes* apakah yang tidak berpuas hati untuk orang ramai yang mana perbincangan yang *you* tidak puas hati, semua ada dalam bilik. Adakah dalam rakaman minit, adakah awak tidak *put on record 'I am not happy over the project'*. Atau ada apa-apa projek yang telah dibincang di sana supaya dapat kelulusan daripada MMK Alam Sekitar. Saya minta lagi sekali mintalah tolong buat semakan, *do your work right, speak it right talk it right*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanjong Bunga sambungkan. Perkara-perkara yang berlaku dalam MMK, rujuk bagi di mesyuarat MMK. Sila.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Isu-isu yang saya bangkitkan adalah isu *public interest*, tak payahlah saya bangkit dalam MMK. Itu pun yang berkenaan kena *be sensitive to attend to the issue* lah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Untuk di kuari di Butterworth, adakah di bawah MMK Alam Sekitar atau lain MMK? *Please do your homework*.

## Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya dapat laporan ini dua (2) hari sahaja jadi ini laporan baru sahaja di kemukakan kepada kami. Saya mengikut laporan ini dan buat perbahasan. Jadi kita juga dimaklumkan keburukan dalam perindustrian kuari kepada Alam sekitar, tetapi bahawa mengikut KDNKK sektor perlombongan kuari cuma 0.8% dan sektor pembinaan 2.5%. Tetapi kedua-dua sektor ini mengorbankan kos alam sekitar yang tidak ternilai demi kepentingan komersial dan sektor pembinaan mengawalkan harga dan mempengaruhi harga dan pemasaran perumahan. Kebanyakan yang akan terlibat adalah lapisan *middle class* dan bawah. Apakah tindakan dan polisi akan diadakan untuk masa depan.

Jadi saudara YB. Seberang Perai, Seberang Jaya tak ada di sini. Walaupun sektor pertanian, termasuk golongan nelayan menyumbang 1.9% dalam KDNK 2013 tetapi peningkatan atau hasil tangkapan ikan di kawasan dan juga Seberang Perai adalah meningkat iaitu setiap tahun meningkat. Jadi dari 2009 21.2 juta tan hingga 38.3 juta tan di Pulau. 18.8 tan di Seberang Perai hingga 2013 19.8 tan. Maksudnya kita ada ruang untuk mempertingkatkan tangkapan nelayan kalau kita menyokong supaya mereka kalau boleh menjalankan tugas yang lebih baik dan ingin juga menunjukkan amat pentingnya ekosistem lautan kita dikekalkan pengeluarannya dan penangkapan ikan akan bertambah. Jadi saya juga bagi satu (1) markah untuk Yang Berhormat.

Kesihatan awam merupakan satu aspek yang sangat asas untuk diuruskan Kerajaan Negeri. Saya juga amat kesal bahawa ucapan perasmian kali ini terlepas bidang ini, Kesihatan. Saya harap kesihatan awam yang kini diancam demam denggi disebabkan pembiakan nyamuk aedes, walaupun demam denggi berleluasa di seluruh negara, tetapi Negeri Pulau Pinang yang bervisi “Lebih Bersih, Lebih Hijau Lebih Sihat Dan Lebih Selamat” kita tidak dapat lari dari isu hangat ini. Kempen kurangkan plastik memang salah satu cara yang berkesan kurangkan peluang pembiakan nyamuk aedes. Jadi kempen plastik harus diberikan kepujian kepada YB. Sungai Puyu. Dan satu lagi memang yang sangat bagus dipujian kepada YB. Sungai Puyu adalah PPS. Walaupun di kacau oleh Barisan Nasional. Harap Barisan Nasional jangan kacau lagilah. Aktiviti-aktiviti untuk keselamatan awam dan juga pertambahan membantu PDRM mengurangkan membenteraskan jenayah. Itu kedua-dua sektor kita tidak tolak markahnya, tetapi Alam Sekitar. Jadi yang penting sekali saya fikir adalah, saya yakin juga bermula dari punca iaitu *segregation at source* ataupun pengasingan sampah daripada punca, akan meningkatkan keberkesanan menurunkan peluangnya pembiakan nyamuk. Jadi itu satu langkah yang saya harap Yang Berhormat boleh ambil.

Jadi untuk Datuk Keramat, saya fikir pendek kata tetapi banyak sekali lah. Saya amat tertarik dengan prestasi perumahan awam dan mampu milik oleh MAMPU sekarang, bahawa Jawatankuasa Pelaksanaan Permohonan Perumahan MC/LMC/RMM ditubuhkan menangani isu-isu permohonan perumahan itu. Untuk memastikan polisi “Satu Orang Satu Rumah”, adalah disempurnakan. Ini memang disanjung tinggi. Tetapi polisi RMM dan harga RMM mesti dikawal dengan baik kalau tidak dan juga ketumpatan dan kepadatannya juga kena dikawal dengan baik. Misalnya satu kelulusan di kawasan saya iaitu satu perumahan RMM oleh Taman Seri Bunga di lereng bukit merangkumi 51 tingkat walaupun MBPP mengatakan tiada kerana 12 tingkat itu adalah *parking* lot dan jumlahnya 51. Tetapi isu Bomba, kalau berlaku

kebakaran isu Bomba maksudnya bolehkah Bomba menangani dengan alat yang sedia ada dan lif. Tadi yang disebutkan oleh YB. Pengkalan Kota, lif adalah yang selalu yang memberi kacau isu kepada penduduk. Dan juga *parking Podium* yang dibinakan 12 tingkat itu, siapa yang dapatkan parking lot yang di atas tingkat tinggi iaitu 8 hingga 12 tingkat, dia tiap-tiap hari kena pusing-pusing, sehari tiga (3) kali, dia pusing. Jadi masih akan berlakunya *parking-parking* di tepi jalan. Jadi saya katakan itu adalah satu KPI yang bagus, tiga (3) markah bagi Yang Berhormat. Dia punya RMM satu (1) markah lah. Tetapi Kerajaan Negeri mesti pastikan pemaju-pemaju, saya dah katakan tak payahlah teruskan. Satu (1) lagi markah akan ditolak kerana kaji semula Pelan Struktur Pulau Pinang tidak dipercepatkan dan dilewatkan. Memberikan peluang *Grey Area* kepada pemaju untuk lobi sekuat-kuatnya untuk meluluskan Pelan Rancangan Struktur mereka supaya mendapatkan kandungan yang maksima. Saya harap ini boleh dicepatkan dan kita jangan bagi *chance* kepada yang tidak betul itu dan bagi kita sendiri menghadapi masalah, Dan soalan lisan dalam *structure plan* ini juga ada hangat kali ini.

Jadi sekarang saya minta MMK terakhir, YB. Padang Lalang. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada YB. Padang Lalang dan Yang Berhormat-Yang Berhormat *backbenchers* yang memberi perhatian isu golongan maknyah dan keikhlasan memberi sokongan dan bantuan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa atau satu platform untuk menangani isu-isu terlibat dan dihadapi oleh golongan maknyah. Walaupun satu perbincangan oleh satu *unofficial* Jawatankuasa oleh 10 orang YB. Pada sesi lalu pada 2014, bila dan satu persetujuan bahawa satu kertas TOR (Term Of Reference) dan nama Jawatankuasa harus disediakan untuk perbincangan seterusnya dan untuk persetujuan seterusnya dalam mesyuarat yang akan datang. Walaupun dua (2) kali tarikh ditetapkan tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan sibuk tak dapat hadir, tak apa.

Saya juga ingin berkongsi beberapa petikan dari laporan kumpulan Hak Asasi Manusia Antarabangsa, *Humans Right*, petikan satu berbunyi begitu saya sangat takut dan dalam keadaan itu seluruh badan saya tidak dapat bergerak, dalam kepala saya fikir lari-lari tetapi badan saya tidak berfungsi, dia menolak saya ke tanah dan mengoyak pakaian saya, saya mampu berkata henti-henti tidak dapat menolaknya ke tepi, saya tidak dapat menceritakan kepada guru-guru mahupun keluarga sendiri kerana saya tahu mereka akan menyalahkan saya bukan mereka yang menyerang saya. Seorang berumur 14 tahun pada masa itu dia diserang oleh tiga budak lelaki. Petikan dua, saya dibogelkan di depan semua orang, warden penjara secara paksa membawa saya ke setiap *cell* untuk diejek dipersenda, dimalukan di depan semua orang. Saya merayu kepada warden tetapi tidak dipedulikan, apabila tiba di *cell* saya ingat saya akan selamat, tetapi tidak, saya diserang secara seksual oleh banduan itu, lain. Ia dilakukan secara terbuka dan di dalam penjara, kamu boleh menangis, kamu boleh merayu, tetapi tiada orang akan mengambil peduli atau menolong kamu, Nisha dijatuhi hukuman penjara tiga (3) bulan pada tahun 2000 selepas ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara lelaki.

Dan petikan tiga, saya pergi ke tandas lelaki dan saya sentiasa diganggu atau diserang, mereka akan menghalang saya daripada meninggalkan tandas, mereka akan picit saya dan menyentuh saya dan mencaci saya, saya pondan, ini merupakan cerita Natasha atau Mak Nyah, *Trans Woman* dari Pulau Pinang. Jadi ini menunjukkan perlunya kita mengatasi masalah ini yang seperti dipersetujui dan ia hanya sedikit daripada keganasan dan diskriminasi yang dialami. Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat, mungkin kita semua mempunyai pegangan agama dan pendapat yang

berbeza dalam isu *trans gender* tapi adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat untuk membela nasib semua rakyat kita tanpa berat sebelah. Golongan mak nyah ini juga manusia dan ciptaan tuhan tetapi hakikatnya ialah mereka dilayan dengan teruk dan mengalami keganasan dan perikemanusiaannya kerana *identity gender* mereka tidak selari dengan *biological, psichical* mereka.

Jadi sebagai rakyat Malaysia mereka juga patut dan berhak menerima perlindungan hak asasi manusia, bagi saya *of couse* pada dasarnya isu ini adalah tentang hak asasi manusia yang turut melindungi golongan mak nyah untuk dilayan dengan berperikemanusiaan dan hidup tanpa keganasan dan martab. Jadi mak nyah bukan sahaja diiktiraf di Negara-negara Barat tetapi juga Negara-negara Asia seperti juga Pakistan, Bangladesh dan India Negara ini telah mengiktiraf golongan ini secara sah melalui sistem undang-undang. Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya telah mencadangkan untuk membantu sebuah jawatankuasa, jadi saya harap itu boleh di *materialize* kan dan saya telah cuba memanggil dua (2) kali, tapi saya walaupun begitu saya akan memanggil sekali lagi mengeluarkan surat jemputan sekali lagi untuk mesyuarat pada bulan Ogos lepas hari raya. Surat jemputan saya akan panjangkan kepada Yang Berhormat Wakil Rakyat secara *face to face* sikit hari lagi. Saya ingin mohon kerjasama juga Yang Berhormat untuk sama-sama melindungi rakyat kitalah. Jadi sebagai rakyat Pulau Pinang kita sama-sama berbangga dengan pencapaian Negeri kita dan sering kali menggunakan *tag line* iaitu *Penang Leads* untuk mencerminkan kebanggaan ini. Saya juga harap *Penang Leads* untuk melindungi hak asasi manusia rakyat kita tercapai selain daripada reformasi dalam perlembagaan.

Jadi Yang di-Pertua saya juga hairan bahawa pembangunan belia tidak dilaporkan dalam ucapan TYT ini, adakah golongan belia kita dipinggirkan atau pembangunan mereka tidak dipentingkan. Saya harap ini golongan belia harap boleh diambil berat kerana belia merupakan pemimpin masa depan dan kuasa *booster* masyarakat. Belia boleh jadi maksiat, belia boleh jadi orang baik, belia boleh jadi pemimpin kalau dengan program yang betul kita akan jadikan masyarakat yang berpontensi, saya harap belia golongan belia, isu belia ini boleh diambil berat. Saya juga ingin ucapkan tahniah kepada YB. Padang Lalang berusaha dalam pembangunan wanita agar tercapainya *gender equality* saya yakin Presiden Wanita Korea, Presiden Wanita Thailand, Presiden Wanita Prime Minister Wanita UK dahulu, Presiden Wanita Germany dan juga dua (2) orang calon Taiwan dan calon Amerika Syarikat akan menjadi Ilham Wanita Pulau Pinang juga boleh jadi Ketua Menteri, Menteri Besar, Perdana Menteri tidak lama lagi jika demokrasi dan reformasi dilakukan.

Yang di-Pertua akhir sekali, saya nak buat kesimpulan KPI atas MMK masing-masing seperti dalam....(gangguan).

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau hilang tak perlu.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Kalau hilang pun itu satu baik perkaranya semua. Masing-masing faham dalam hati tak payah dikemukakan kerana sudah hilang....(ketawa), tahu sama tahu, jadi dengan perbahasan ini saya harap dengan hati yang ikhlas jangan marah jangan ambil dalam hati kita sama-sama buat kerja kolektif untuk rakyat. Seterusnya saya ingin juga diberi minta penjelasan laporan prestasi perbelanjaan ringkasan anggaran



pembangunan 2015 bajet 2015 mengurus dan pembangunan Negeri Pulau Pinang oleh agensi-agensi seperti berikut:

Bahawa saya nak tahu berapa projek telah dilaksanakan berapa nilai peratusan dan anggaran digunakan, nama projek dan lokasi KADUN telah dilaksanakan sampai masa ini tajuk P01, P08, P09, P10, P12, P13, P16, P17, P18, akhirnya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta laluan Tanjong Bunga. Sebelum akhirnya saya ingin mengucapkan tahniah YB. Tanjong Bunga kerana telah pun memberikan perbahasan yang cukup baik dan tidak menyakitkan hati dan secara menyeluruh, saya bagi 'A' kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih atas pujian diberikan. Ini bukan untuk saya, itu untuk seluruh rakyat Pulau Pinang, terima kasih. Jadi akhir kata, pendek kata, lawan tetap lawan, kawan tetap kawan, lawan kawan, kawan lawan prinsip masih prinsip. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Tanjong Bunga. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan Dewan bersidang semula jam 2.30 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.***

**Setiausaha Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersambung semula. Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan usul terima kasih kepada ucapan Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas pengisytiharan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandaraya yang ke-13 di Malaysia dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang hari ini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang berkuatkuasa 1 Januari 2015. Tahniah juga saya ucapkan

kepada Yang Berbahagia Dato' Hajah Patahiyah Binti Ismail di atas perlantikan beliau sebagai Datuk Bandar Wanita Pertama di Negeri ini. Saya telah difahamkan bahawa usaha untuk Pulau Pinang dinaik taraf ke Bandaraya telah pun dimulakan semasa era pemerintahan Barisan Nasional lagi tapi cuma ianya hanya dapat direalisasikan semasa Pulau Pinang di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat.

Walau bagaimana pun keikhlasan kami untuk melihat Pulau Pinang bertaraf Bandaraya tidak pernah luput dan kami terus mengatakan sokongan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandaraya. Ini kerana sebagai rakyat Pulau Pinang kami amat menyayangi Pulau Pinang dan rakyat jelatanya. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Diam tak diam kita telah berada di penggal yang ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas. Masa berlalu begitu pantas dan ini adalah merupakan Mesyuarat Keempat Dewan Undangan Negeri yang saya hadiri.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam setiap perbahasan yang saya sertai saya tidak pernah gagal menyentuh tentang masalah pembotakan Bukit Relau dan beberapa Bukit lagi di Pulau Pinang. Berbagai soalan saya kemukakan sama ada soalan yang bertulis soalan lisan, malah turut saya bahaskan. Saya menyentuh pelbagai soalan bermula dari siapakah pemilik-pemilik tanah tersebut, siapakah pemaju tanah-tanah tersebut di bawa akta mana kesalahan yang dilakukan, apakah hukuman yang diterima dan adakah mitigasi telah dilaksanakan dan sama ada mitigasi yang dilaksanakan adalah mencukupi dan sebagainya.

Merujuk kepada soalan lisan saya bertarikh 19 Mei 2014 saya ada kemukakan soalan kepada EXCO yang berkenaan akan keadaan di Bukit Relau yang telah digondol oleh pemaju yang berkenaan. Apakah cadangan pembangunan di atas bukit tersebut dan adakah pemilik dan pemaju telah menghantar permohonan untuk kelulusan pihak berkuasa. Dan jawapan yang saya terima adalah kerja-kerja tanah yang mengakibatkan Bukit Relau digondolkan adalah satu kerja tanah haram oleh pemilik tanah tersebut tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang, malah tindakan undang-undang telah diambil dan pemilik telah pun didenda dan pelan mitigasi telah diluluskan pada 21 April 2014. Saya percaya apa yang dijawab oleh EXCO adalah benar dan saya yakin ianya adalah benar dan saya berharap saya tidak perlu lagi mengulangi soalan berkenaan bukit-bukit tersebut sebab saya percaya ianya akan dikendalikan dengan sebaik mungkin. Dato' Timbalan Speaker...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat Bertam mohon. Tadi Yang Berhormat memaklumkan bahawa mitigasi ke atas bukit botak telah dilaksanakan pada 21 April 2014 diluluskan. Dan sedarkah Yang Berhormat bahawa terdapat satu plan mitigasi tambahan ke atas selepas daripada itu dan jawapan yang diberikan kepada saya dimaklumkan bahawa pihak telah mengemukakan plan tambahan kepada MPPP dan diluluskan pada 31 Mac bagi lot bersebelahan. Ini bermakna selepas tahun itu baru diluluskan satu plan tambahan saya tidak nampak keseriusan pihak Kerajaan Negeri dalam menangani masalah bukit botak ini YB. Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Berkenaan dengan permohonan untuk pelan mitigasi yang kedua itu tidak saya punya apa-apa maklumat tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa permohonan agar pelan mitigasi ke atas bukit botak tersebut dikemukakan di dalam Dewan ini. Saya rasa sampai sekarang kita masih belum perolehi. Walau bagaimana pun perdebatan tentang bukit botak ini telah kita mulakan di dalam Mesyuarat Pertama sidang pertama 2013 dan pada masa tersebut sebagai Ahli Dewan yang baru tentulah dengan kurangnya pengalaman dan juga maklumat dan pengetahuan saya telah dimaklumkan bahawa kerja-kerja untuk menzonkan kawasan-kawasan di atas bukit dari hutan kepada *residential* iaitu perumahan telah pun dilakukan semasa pemerintahan Kerajaan di bawah Barisan Nasional.

Walaupun bagaimanapun baru-baru ini di dalam surat khabar The Sunday, New Sun Time yang bertarikh 19 April 2015 .....(dengan izin), Dato' Speaker, yang bertajuk "*Bukit Botak*" *Rezoned To Residential Land In 2012* maksudnya *rezoning* dibuat dalam tahun 2012 dan bukanlah tahun di bawah 2008. Walau bagaimanapun ingin saya nyatakan di sini bahawa kebimbangan saya bukanlah terhadap sama ada siapakah yang merezonkan tanah-tanah ini? Kebimbangan saya adalah selain dari bukit botak lot-lot mana lagi yang terlibat? Itu yang merisaukan sebab dalam ketinggian yang begitu tinggi kita boleh tengok di sini kelulusan yang diberi kepada General Accomplishment Sdn. Bhd. *to rezone the Hill Top* ketinggiannya 986 meter dari aras laut saya rasa, diluluskan oleh *State Planning Committee* yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan berdasarkan kepada surat yang dikeluarkan oleh Penang Town And Country Planning Director, Zainuddin Ahmad.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua izinkan saya membaca keratan surat tersebut dengan jelas menunjukkan, tajuknya di alamatkan kepada General Accomplishment Sdn. Bhd. Rayuan Pembetulan Terhadap Pengezonan Lot No.111396 atau pun 5 saya tak berapa jelas, sebahagian lot lama dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah dimaklumkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri bertarikh 20 November 2012 dan disahkan pada 3 Disember 2012 dengan ini nyatakan bahawa mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan ini sebagai zon perumahan. Saya yang menurut perintah, Haji Zainuddin Ahmad, Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kalaulah benar Yang Berhormat ini satu perkara yang Negeri Pulau Pinang akan menghadapi masalah sebab kita sudah *create precedent* ketinggian yang 950 belum pernah jadi di dalam sejarah Pulau Pinang untuk kita luluskan kawasan perumahan setinggi itu kalau tak salah saya, ketinggian yang selalu 250 kaki sekarang saya mintalah Barisan EXCO perumahan, lalu lintas, MPPP perkara ini satu perkara yang

serius untuk masyarakat Pulau Pinang ia juga satu yang serius untuk anak-anak kita masa depan mereka dan kita tahu ketinggian diambil itu ambil kira keselamatan sebab bukit dia punya *structure* itu *very loose*, kajian yang macam mana siapa yang buat dan semua ini akan jadi masalah masa depan sekiranya berlaku runtutan atau hakisan dan saya nampak kalaulah *precedent* ini yang kita buat dan kita telah mengorak langkah kepada Pulau Pinang untuk menghadapi masalah-masalah di luar jangka. Saya mohonlah dengan jasa baik Ahli-ahli Mesyuarat MMK *consider*, tarik baliklah perkara ini sebab ini akan mengundang malapetaka masa depan untuk Negeri yang kita cinta ini.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih YB. Telok Bahang. Saya bersetuju dengan pandangan Telok Bahang, apabila adanya perumahan di atas bukit tentulah ia membawa kemudharatan. Kita tidak nafikan bukit memberi pemandangan yang indah, cantik tetapi bahaya yang menanti adalah lebih besar daripada kenikmatan yang akan kita perolehi. Kita tidak nafikan bahawa rumah yang dibina di atas bukit ia berkemungkinan untuk roboh disebabkan tanah yang lembut dan terhakis dan bukan saja orang yang di atas bahaya, begitu juga dengan penduduk-penduduk di kaki bukit oleh yang demikian adalah menjadi harapan kami di Barisan Nasional malah kawan-kawan yang lain juga agar sebarang pembangunan di atas bukit sekiranya berada di dalam cadangan eloklah kita sama-sama bersetuju untuk dihentikan sama sekali.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan YB. Bertam. Terima kasih sedarkah Yang Berhormat bahawasanya di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang terdapat 28 lokasi yang telah pun digondol secara haram, 28 projek tapak yang telah digondol secara haram, ini berdasarkan jawapan yang diberikan kepada saya dan di Seberang Perai pula terdapat empat (4) kawasan lokasi yang telah pun digondolkan. Satu (1) jumlah yang cukup besar, yang cukup mengejutkan dan kita berharap kepada pihak Majlis Perbadaran Pulau Pinang memandang serius dengan begitu banyaknya sekali kawasan-kawasan yang digondol secara haram ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan. Yang di-Pertua saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Pulau Betong terkandung dalam jawapan dan kalau katakan lokasi atau tapak memang sesuai digunakan istilah itu kalau kata projek ianya, cuma saya rasa kebanyakan untuk pertanian kecil-kecilan tak membabitkan apa-apa projek perumahan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Benar. Saya katakan lokasi dan tapak, tapi ini cukup membimbangkan dan memang ada tulis di sini ada di sini, General Accomplishment so ada projek dan dia ada tapak yang telah digondolkan secara haram, so ini menunjukkan keseriusan kepada perkara ini so kita minta kepada Kerajaan Negeri memberikan pemantauan berterusan sebab kalau kita tahu *structure* atau pun *condition* jika sekiranya tidak dipandang serius dibiarkan ianya akan merebak menjadi kawasan lebih besar lagi, jadi ini kita harus mengambil perhatian.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih Pulau Betong. Saya sebenarnya ada juga soalan kepada YB. Padang Kota berkenaan dengan bukit-bukit botak ini. Sebelum ini kita menyatakan ianya satu pencerobohan di mana bukit-bukit tersebut digondolkan dan kita juga menggunakan perkataan seperti kerja-kerja haram. Jadi saya sebenarnya sedikit keliru. Kalau kita nak katakan pencerobohan mereka adalah tuan tanah yang berdaftar. Kalau nak kata kerja-kerja haram mungkin kalau Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota bersetuju dengan saya, disebabkan mereka tidak memohon permit untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Walau bagaimanapun apa yang saya dapat daripada artikel ini ialah kenyataan yang jelas menyatakan di sini (dengan izin) Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri "*It was previously reported in an English Daily that the surrounding 23 hectare hill was rezoned from hill land to low density housing land in 2012. However, ini depa punya silaplah kot. The Daily sited sources and the later was not sited until now.* Cuma di sini saya punya *concern* satu sahaja Yang Berhormat, kalau betul tanah-tanah atas bukit tersebut telah di *rezoned*, dan sekiranya *the rezoning* itu adalah merupakan kecuaiian, atau satu kesilapan yang kita boleh terima sebagai *human error*, cuma kita minta di sini sebarang permohonan untuk memajukan tanah-tanah tersebut untuk dijadikan perumahan haruslah kita hentikan. Sebab sebagaimana yang saya sebutkan tadi kerosakan yang menanti, keburukan yang menanti adalah lebih besar daripada kebaikan yang kita rasakan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Kalau mengikut apa Yang Berhormat kata saya kurang faham. Ini menunjukkan pada hari ini sudah tidak ada *high control*. Yang kedua adakah *high control selective* atau kumpulan tertentu atau peniaga tertentu ataupun bila kita telah melanggar had control sehingga 950 kita benarkan. Adakah terbuka kepada semua syarikat. *Precedent* itu kita telah buat. Sekiranya ada syarikat lain yang nak buat adakah mereka diberi kelulusan atau pun kita selektif, kita pilih, yang mana kita suka yang mana kenalan yang mana sahabat, yang mana kaya terus dikayakan. Mereka ini mendapat *special approval* macam mana. Saya tak faham. Saya minta jawapan supaya kita *clear* sebab kita tidak mahu dalam masyarakat ini peniaga-peniaga dianaktirikan. Setengah syarikat boleh, setengah syarikat tak boleh ataupun kita ikut mood kita. Bagaimanakah proses ini dijalankan. Itu saya perlu sedikit penjelasanlah untuk kefahaman saya.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat saya minta kalau boleh mana celahan daripada sahabat-sahabat yang melibatkan jawapan daripada EXCO sekiranya boleh kita jawab semasa penggulungan. Kalau boleh.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Cuma sebab hujah-hujah ini diulangi banyak kali, jawapan pun diulangi banyak kali Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon izin untuk menjelaskan sekali lagi. Seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bunga, lot asal ini satu lot, pada tahun 1996 memang di bawah pelan dasar MPPP pada masa itu. Lot berkenaan dizonkan perumahan ketumpatan rendah

keseluruhannya. Tetapi selepas itu butir-butir saya rasa saya perlu rujuklah. Lot berkenaan dipecah kepada dua (2) dengan diberikan dua (2) nombor lot. Satu kekal dengan zon perumahan ketumpatan rendah, satu(1) lagi di zon semula di rezone tanah bukit pula. Dalam kes ini syarikat atau pemilik dalam permohonan ingin meminta atau merayu kerajaan membetulkan apa yang dikatakan silap semasa lot-lot itu dipecahkan kepada dua (2). So pada asalnya tahun 1996 pelan dasar pembangunan MPPP keseluruhan lot itu adalah zon perumahan ketumpatan rendah dan pemilik pun adil dalam rayuan dia cukai tanah yang dibayar atas lot yang di zon sebagai tanah bukit itu dibayar mengikut kadar perumahan dan bukan mengikut kadar bukit. Jadi dalam permohonan itu dia nak membetulkan apa yang silap dilakukanlah dalam rayuan mereka.

Jadi atas pertimbangan memandangkan lot asal itu keseluruhan maka dibenarkan rayuan untuk membetulkan zon. Itu sahaja. Tetapi dengan zon-zon pun apa-apa pembangunan pun masih tertakluk kepada PM, kepada majlis atau pihak berkuasa tempatan. Sehingga kini tak ada permohonan sedemikian. Apa yang dilakukan adalah kerja-kerja tanah tanpa kelulusan. Sekian.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Berbalik kepada soalan mitigasi. Kita tidak nafikan bahawa.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Kita harap isu zon ketumpatan ini dapat *clear* sebab jangan ulang-ulang perkara yang sama. Kalau kata mitigasi itu susulan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota nak *release* sikit. Jika sekiranya kita mendapati bahawasanya kekhilafan dalam penzon projek perumahan di kawasan lebih daripada 250 meter tidak buat pembetulan dibatalkan supaya tidak ..di tempat lain. Adakah terlambat untuk kita *cancel zone* itu yang dipanggil zon bukit supaya tidak ada pembangunan langsung di kawasan itu dan ini akan menjadi *precedent* kepada kawasan-kawasan lain. Boleh tak yang itu dilakukan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Kita tak dapat jelas sebab memang ikut pelan dasar itu 1996 year ia dizonkan sebagai perumahan. Ia ada hak untuk diberikan kepada pemilik tanah dalam zon atas dibenarkan dalam *zoning plan* majlis. Jadi kalau atas *our own free will* tak adalah. Kekal sehingga ada apa-apa permohonan. *On its own I think our council will not alter any zoning* melainkan dalam RS Cycle dalam *local planning* dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):**

Jika sekiranya pihak Kerajaan Negeri pihak SPC boleh beri kelulusan di luar zon untuk dibangunkan kenapa tidak SPC juga dibuat *reverse* untuk menarik balik zon itu kepada zon bukit bukan zon perumahan.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Membangkitkan isu mitigasi la. Kalau ada tindakan untuk *take away* tentang *zoning right* daripada mana-mana tanah sebab dia ikut *zone plan* memang zon itu. Itu hak yang diberikan kepada dia melalui *zoning control* tetapi tiba-tiba diambil membelakangkan keputusan itu kemungkinan isu perundangan akan mengikutlah sebab dia akan merasakan hak dia diambil oleh pihak *development control* sama ada PBT atau JPBD.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota, kenapa isu bukit botak ini kerap kali ditimbulkan dan tak pernah putus sebab ini adalah merupakan bantahan kita secara peribadi dan juga secara menyeluruh bukan kata disebabkan bukit itu dibotakkan tanpa kebenaran tetapi kita tidak mahu sebenarnya sebarang pembangunan di atas bukit yang ketinggiannya melebihi 250 meter. Sebab itu jawapan yang diberikan Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota merisaukan dan haruslah dilakukan sesuatu untuk mengambil tindakan supaya perkara ini boleh kita mencapai satu keputusan mana-mana pembangunan di atas bukit yang mencecah lebih 250 meter tidak akan dilaksanakan terus dan ini dijadikan dasar oleh kerajaan yang memerintah sekarang.

Jadi berbalik kepada pelan mitigasi saya tidak nafikan sampai hari ini semua orang bercakap terutama tadi daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bunga botak masih botak. Kalau 2013 kalau kita mencukur kepala hari ini rambut itu dah sampai ke buku lali dah. Tapi bukit tetap botak. Ini disebabkan saya rasa mungkinlah disebabkan beberapa sebab yang dikemukakan oleh pemaju sampai hari ini pelan mitigasi masih dalam perbincangan, masih diperhalusi dan sebagainya. Cuma ingin saya nyatakan disini bahawa untuk kita dimasa hadapan mencegah mana-man pemaju mengambil sebarang tindakan tanpa melalui saluran yang betul orang kata melangkau kepada pihak-pihak yang berkenaan kita dah bersetuju sebenarnya hukuman yang berat sahaja yang mencegah mereka ini daripada melakukan kesilapan.

Mungkinlah undang-undang yang ada sekarang ini tidak mencukupi. Mungkin sebab itu kita nampak habis sahaja bukit botak dikemukakan pula oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Pulau Betong tadi melalui jawapan bertulis beliau kepada Ahli Kawasan Padang Kota tadi terdapat 28 plot-plot tanah bukit yang dibotakkan walaupun untuk tujuan pertanian dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran Kerajaan Negeri. Yang ini kita minta supaya kita harus bertegas. Saya sebenarnya ingin merujuk kepada walaupun perbandingannya mungkin berbeza tetapi ketegasan yang diamalkan di Melaka sepatutnya kita contohi. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (dengan izin) juga laporan daripada Sunday Time bertarikh April 19 2015 yang berbunyi "*Fine RM966,000 for cutting down trees. Malacca a property development company was fined RM966,000 for cutting down 19 trees that more than 30 years old at Melacca Raya last month. The Malacca Historical City Council Secretary Mohd Derus Che Mat Sit was ordered to replant the trees within two weeks.*" Dahlah dikenakan denda RM966,000 kerana memotong 19 pokok diberikan arah yang begitu tegas supaya menanam pokok-pokok itu kembali hanya dalam tempoh dua (2) minggu. Sebab itu didalam masalah kita hari ini pun saya mengharapkan satu ketegasan yang tidak berbelah bahagi kepada mana-mana yang merosakkan ekosistem bukit kita yang kita jaga, kita belai kehijauan yang indah dan sebagainya supaya tindakan tegas ini dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati. Saya percaya pandangan yang saya berikan, perbahasan yang kita majukan bukit, alam sekitar dan sebagainya tujuannya hanya satu untuk menjaga Pulau Pinang tanpa mempunyai niat yang lain. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian cuma sebelum saya masuk ke topik lain saya cuma berkongsi juga soalan-soalan dengan kawan-kawan kita di dalam Dewan, cuma saya nak minta penjelasan Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota atas jawapan yang diberikan yang saya anggap mengelirukan. Mungkin saya tersilap, mungkin saya kurang faham. Jadi memandangkan Yang Berhormat ada di depan saya Yang Berhormat tentu boleh menjawab soalan bertulis yang berbunyi:

“Apakah tindakan yang diambil untuk menghentikan tindakan pencerobohan tanah di Bukit Relau dan gondolan tanah yang tidak mendapat kelulusan jabatan-jabatan tertentu. Ini jawapan yang saya minta ahli-ahli Yang Berhormat perhalusi.”

Pertama, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mengambil tindakan untuk menghentikan pencerobohan tanah di bukit Relau. Tanah tersebut melibatkan lot 1136, lot 271 dan Lot 277 Mukim 13, Daerah Timur Laut. Tindakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang berdasar kepada lot berkenaan adalah seperti berikut:

Lot 11396 Mukim 13, DTL. Pemilik tanah Lot 11396 di Bukit Relau telah dikenakan Notis Mengkehendaki Kerja Tanah Diberhentikan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Seksyen 70A pada 11 Julai 2013. Pemilik tanah telah disabitkan dan dikenakan hukuman sebanyak RM30 ribu. Pemilik tanah telah dijatuhkan hukuman maksima RM50 ribu setelah Timbalan Pendakwa Raya membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Putrajaya pada 27 Ogos 2013 iaitu tahun yang sama memandangkan denda yang dikenakan kurang memuaskan. Ini apa yang telah kita faham. Apa yang dilaporkan dan keputusan mahkamah.

Kemudian perenggan ketiga, ini saya nak minta penjelasan mungkin saya tersilap faham itu saja. Majlis Bandaraya Pulau Pinang tadi dah kata telah ambil tindakan dan dah saman, dah dapat hukuman dan dirayu dan dinaikkan hukuman, tapi ada pula perenggan ketiga ini Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan mengambil tindakan pendakwaan pada pemilik tanah kerana gagal mematuhi syarat-syarat notis mengkehendaki kerja tanah diberhentikan bertarikh 25 April 2013 dan kes ini ditetapkan di Mahkamah Seksyen pada 22 April 2015. ...(gangguan). Tak apa Yang Berhormat, saya baca saja, saya cuma mohon penjelasan. Lot 271 Mukim 13, DTL, Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kerja Tanah Diberhentikan kepada pemilik tanah pada 25 September 2013. MBPP telah mendakwa pemilik tanah di mahkamah di mana pemilik tanah telah mengaku salah pada 1 Oktober 2014 dan dijatuh hukuman denda sebanyak RM30 ribu. Ini pun tak apa, kita ada lagi satu Lot, 277 Mukim 13, MBPP telah mengeluarkan notis mengkehendaki kerja tanah diberhentikan kepada pemilik tanah pada 5 Julai 2013, dan tarikh sebutan akan dimaklumkan oleh mahkamah itu saja. Yang berkenaan dengan lot-lot ini mungkin ada kekhilafan kalau ada saya bersedia untuk mendengar tapi kalau ada penjelasan tolong jelaskan, sebab saya perlukan penjelasan, sila.



### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Yang Di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ahli Bertam, kes pertama yang dirujuk oleh Yang Berhormat Bertam telah selesai sehingga rayuan dibuat denda ditambah oleh mahkamah rayuan, kes yang kedua mensabitkan sebab dalam notis yang pertama dikehendaki melakukan pelan midikasi jadi kes yang kedua yang mensabitkan kegagalan dalam mematuhi perintah untuk melakukan kerja-kerja medikasi jadi oleh kerana pada masa kes itu di bawa ke mahkamah, kerja-kerja medikasi masih belum dilakukan jadi kes kedua itu muncul daripada kegagalan melakukan kerja-kerja midikasi.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Jadi kes pada 22 April 2015 adalah kes sebab gagal melaksanakan medikasi betul? Tak apa Yang Berhormat, terima kasih penjelasan Yang Berhormat saya terima kalau saya tak puas hati saya akan jumpa Yang Berhormat sendiri terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Timbalan Speaker yang saya hormati semalam di dalam perbahasan ucapan oleh Yang Berhormat Seri Delima, menyentuh tentang Perdana Menteri dan isteri, dan apa yang disebut oleh Seri Delima turut di sokong oleh sahabat-sahabat yang ada di sini dan juga dibangkang oleh pembangkang-pembangkang yang ada di dalam Dewan ini. Antara isu yang jelas yang diperkatakan semalam adalah Perdana Menteri dilabelkan tidak prihatin terhadap masyarakat atau rakyat di Pulau Pinang terutama apabila keperluan untuk mendapatkan hospital-hospital baru, keperluan kesihatan tidak diberi perhatian Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia sebaliknya Perdana Menteri dilabelkan menghabiskan masa dan wang untuk peribadi. Jadi semalam saya juga telah menyatakan bahawa apa yang dinyatakan oleh Seri Delima merupakan satu tuduhan. Saya tidak menggunakan perkataan liar tapi tetap saya mengatakan satu tuduhan.

Begitu juga dengan Yang Berhormat dari Jawi yang mengatakan bahawa beliau mempunyai pengalaman membawa ayahnya untuk mendapatkan rawatan di Hospital Seberang Jaya tetapi dimaklumkan bahawa tidak ada katil bagi membolehkan ayahnya dimasukkan ke dalam wad. Dan hari ini kita difahamkan bahawa blok tambahan di Hospital Seberang Jaya yang bernilai RM400 juta akan dibina malangnya hasrat murni Kerajaan Persekutuan untuk membina hospital tersebut dianggap sebagai satu janji kosong pilihan raya.

Saya juga menyatakan di dalam ucapan saya bahawa apabila kerja-kerja pecah tanah telah dilakukan tentulah publisiti yang meluas kita dapat tapi berilah peluang pihak yang ingin melaksanakan untuk melaksanakan projek tersebut. Dua (2) tahun daripada sekarang andai kata projek tersebut tidak dilaksanakan maka bolehlah kita memperakui apa yang diperkatakan oleh Seri Delima itu betul, bahawa ini adalah merupakan sekadar janji. Tetapi berbalik kepada ucapan dan pandangan Seri Delima begitu juga sahabat saya daripada Jawi yang mengatakan bahawa Perdana Menteri gagal untuk mengambil kira keperluan rakyat Pulau Pinang terutama bidang kesihatan dan sebagainya. Tetapi *Alhamdulillah* semalam saya telah pun menjawab dan semalam juga semasa saya menyediakan ucapan saya untuk hari ini rupa-rupanya apa yang dibincangkan dalam Dewan semalam berada di dalam soalan bertulis saya dan soalan bertulis saya rupanya telah pun dijawab dengan kemas oleh saudara saya juga Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin.

Izinkan saya membaca soalan bertulis saya sebab ini menjawab kerisauan sahabat-sahabat saya yang menyatakan bahawa Perdana Menteri leka dengan urusan peribadinya hingga lupa bahawa rakyat di Pulau Pinang memerlukan bantuan memerlukan sokongan di bidang kesihatan dan sebagainya. Soalan saya berbunyi Perkhidmatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang ini soalan bertulis saya.

- (a) Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk menaik taraf hospital yang memerlukan penambahbaikan. Jika ada senaraikan nama hospital dan cadangan naik taraf mengikut daerah dan kos. Saya mengambil kira bagi menghormati Kerajaan Negeri menggunakan soalan apakah Kerajaan Negeri cadangan dan sebagainya.

Soalan kedua saya berapakah kos pembiayaan perkhidmatan kesihatan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Saya letak lagi Negeri, ingin saya mengatakan bahawa tentulah sebagai sebuah negeri yang berdaulat kita juga turut mengambil kira kesihatan rakyat kita dan sebagainya. Huraikan mengikut jabatan, dan

- (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang aktiviti-aktiviti bagi mencegah denggi, tapi apa yang ini tidak ada kena mengena.

Jawapan daripada Yang Berhormat Adun Seberang Jaya selaku EXCO Kesihatan menjawab bagi pihak Y.A.B. Ketua Menteri satu (1) jawapan bagi saya yang cukup ikhlas, yang cukup baik dan cukup terang. Jawapan beliau.

Menaik taraf hospital adalah dibawah bidangkuasa dan pembiayaan Kerajaan Persekutuan, cadangan....(gangguan), ya terima kasih YB. Padang Lalang, betul, sebab saya tengok Yang Berhormat pagi tadi letih mungkin sejujukan kut, saya tengok... (gangguan), sejujukan, sejujukan, tak apa. Tiba-tiba saya dengar sebut betul, takut juga tengah sakit kah? Apakah? terima kasih YB. Padang Lalang. Ini jawapan daripada EXCO kita cadangan menaik taraf hospital mengikut daerah dan kos yang terlibat bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

- (i) Kompleks hospital wanita dan kanak-kanak hospital Pulau Pinang daerah Timur Laut kos RM250 juta ini Kerajaan Persekutuan dah *commit* di Daerah Timur Laut.
- (ii) Naik taraf perkhidmatan transplan Hospital Pulau Pinang Timur Laut juga RM6.0 juta. Ini menjawab soalan semalam mengatakan bahawa projek Hospital Seberang Jaya sekadar janji politik, janji pilihanraya. Blok Multi Storey Hospital Seberang Jaya dah dijawab Seberang Perai Tengah RM300 juta. Naik taraf Jabatan Kecemasan Dan Trauma Serta Unit Forensik Hospital Balik Pulau Barat Daya RM20 juta naik taraf sistem bekalan elektrik Hospital Bukit Mertajam Seberang Perai Tengah RM4 juta dan pembinaan kuarters anggota Hospital Pulau Pinang Timur Laut RM75 juta.

Semua ini telah pun berada di dalam pengetahuan EXCO, jadi apabila mengatakan bahawa projek-projek ini adalah janji janji kosong. Saya nyatakan ini adalah satu tuduhan liar daripada Yang Berhormat yang berkenaan dan ini menarik tuan-tuan. Semalam YB. Seri Delima mengatakan bahawa projek -projek ini diberikan sebab kerana pilihan raya, saya nak maklumkan pada tuan-tuan, puan-puan Timur

Laut ini daerah yang dapat ini Timur Laut, Timur Laut, Seberang Perai Tengah tidak akan nak ada pilihan raya tak ada, kita tetap akan melaksanakan dan kita menyebut di dalam Dewan untuk kita masukkan ke dalam hansard kita. Dr. Afif terima kasih jawapan Dr. membantu saya sebenarnya Kos pembiayaan saya ada tanya tadi berapakah kos pembiayaan perkhidmatan kesihatan oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri huraikan mengikut jabatan.

YB. Jawi sahabat saya kos pembiayaan perkhidmatan kesihatan dibiayai sepenuhnya, oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 kos tersebut adalah seperti berikut tolong bawa keluar kalkulator kira. Program perubatan RM688,602,56.00 di Pulau Pinang Kerajaan Persekutuan sayang kat kita, ini sakit apa pun pergi lah hospital bayar RM1 kita tak tanya, pesakit dari parti mana. Kencing manis kalau pergi hospital kerajaan akan bawa balik ubat sebakul. Saya sering pergi melawat ke rumah orang sakit, ubat penuh di meja, makan pun tidak, sebab dapat percuma. Cuma ubat itu tak boleh dibuat kuih kalau tidak depa buat cucur, jamu habis tetamu yang mai sampai macam itu, makannya tidak pergi ambil saja sebab percuma *The same amount of* ubat kalau kita pergi ke farmasi berapa kita kena bayar ini bayar RM1. Beranak tak berhenti, pun berapa ringgit sangat, setiap kali masuk hospital beranak, beranak, beranak pun Kerajaan tanggung RM688,602,56.00 juta besar tak Tok Mud? Besar! Kemudian program kesihatan ini suruh rakyat *exercise* dan semua ini RM153 juta, Jumlah keseluruhan RM879,474,156 cukup besar. Tapi orang kata bagi ubat dah bagi dah, kesihatan pun diambil kira. Tetapi kerajaan tetap prihatin gigi pun dia jaga, pergigian RM30,574,100.00 jumlah untuk 2015 yang diberikan jawapan kepada saya sumbangan Kerajaan Persekutuan yang diluluskan oleh Perdana Menteri kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah RM879,474,156.00 satu jumlah yang besar dan *insya-Allah* dengan adanya peruntukan yang sebegini besar kita akan hidup sihat di Pulau Pinang. Kita akan hidup dalam keadaan aman dan damai. Ya, silakan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Haji Abdullah bin Ahmad Badawi pernah buat janji juga, dia akan bina LRT di Pulau Pinang, itu nampaknya janji kosonglah. Bila janji ini akan ditunaikan, saya tak tahulah. Mungkin Bertam ada idea kah? Bila janji ini akan ditunaikan . Lagipun penduduk-penduduk di Pulau Pinang semua bayar cukai. So, apa salahnya kalau untuk perubatan Kerajaan Pusat beri kemudahan. Ini semua orang bayar cukai. *Where is our previous money is going?*

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat, saya setuju.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Mohon laluan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ya, silakan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam membacakan jawapan kerana kita bercakap atas dasar fakta, dan betul fakta itu bahawa Kerajaan Persekutuan belanjakan sekian banyak. Tetapi adalah tidak adil untuk membandingkan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri belanjawan pun kita bentangkan tak sampai RM1 bilion. Perdana Menteri bentang belanjawan RM297 billion. Sekejap, sekejap, sabar. Dan Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa tanggungjawab kesihatan itu di bawah Kerajaan Persekutuan. Tetapi, saya nak bagitahu, sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008 sehingga sekarang. Sebelum ni tak pernah buat. Tadi, sebelum ni Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar dok sibuk sebut yang pernah dibuat oleh BN. Pemeriksaan mamogram percuma, yang ini dimulakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk rakyat Pulau Pinang. Kemudian....(gangguan), dengar dulu mana yang Kerajaan Negeri peruntukan juga, kemudian kita ada pusat dialisis sendiri yang dikelola sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan kita dalam usaha untuk mewujudkan ke setiap daerah. Jadi, kalau nak banding, kalau kata Kerajaan Persekutuan sanggup bagi kami RM50 bilion pun bajet, kami boleh jaga perkhidmatan kesihatan sendiri.

Sebagai Kerajaan Negeri tapi tidak berlaku kerana perbezaan itu. Jadi, saya ucap terima kasih kerana membacakan fakta itu. Cuma isu di Pulau Pinang ini, isu paling utama bukan bukan soal, saya pernah berkhidmat di Hospital Pulau Pinang, memang dari segi latihan hospital ini memberi latihan yang terbaik untuk para doktor dan semua kakitangan di situ. Tetapi kesesakan yang kita hadapi di Pulau Pinang ini sangat luar biasa. Bukan hanya di Hospital Pulau Pinang, malah di Hospital Seberang Jaya. Saya dimaklumkan oleh Jabatan Kesihatan, Hospital Seberang Jaya ini adalah hospital yang paling *busy* sekali. Paling sibuk sekali selepas Hospital Klang. Maknanya dari segi kepadatan dia tu. Bahkan, kelahiran di Hospital Seberang Jaya ni lebih tinggi daripada Hospital Pulau Pinang bukan kata orang belah pulau kurang beranak, tapi maknanya hospital kerajaan itu, Seberang Jaya itu lebih tinggi dan *it's long overdue* penambahbaikan ini, dan telah lama kita minta, Ahli Parlimen sebelum ni di Permatang Pauh dah minta benda ini. Masa kami dalam pembangkang kita dah minta naik taraf ini. Sebab itu bila dibangkitkan masa pilihan raya baru nak umum sebab cadangan projek ini saya dah dengar 3 tahun sudah. Contoh projek hospital kanak-kanak tadi, masa saya jadi *Huffman* di Hospital Pulau Pinang saya dah dengar dah hospital tu nak roboh, sampai sekarang tak *start* buat lagi, baru nak buat, itu yang kita minta, kita minta ni supaya Kerajaan Persekutuan percepatkan. Jangan hanya waktu pilihanraya umum, waktu ini umum lepas itu tak buat. Itu yang kita bangkitkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih. Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya, EXCO Kesihatan. Saya sebenarnya tidak menafikan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di dalam perlembagaan Kesihatan adalah merupakan bidang yang harus diambil dan dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Persekutuan. Saya tidak pernah menafikan. Cuma apa yang saya bahaskan adalah untuk merujuk kepada ucapan sahabat-sahabat saya semalam yang menyatakan bahawa kerana sibuk dengan urusan peribadi Kerajaan tidak pernah mengambil kira langsung tentang khidmat kesihatan di Negeri Pulau Pinang dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di sini bahawa saya percaya hasrat Kerajaan Persekutuan ingin membina bangunan-bangunan yang kita sebutkan di sini akan tetap terlaksana. Mungkin mengambil masa sedikit. Kita boleh tengoklah bagaimana Jambatan Kedua Pulau Pinang pun yang dilaksanakan dan disiapkan. Bagaimana dengan Butterworth Central tetap kita laksanakan walaupun projek-projek tersebut adalah merupakan projek-projek yang kita cadangkan semasa di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Tetapi ini merupakan *Public interest*. Untuk kegunaan semua dan kita laksanakan. Kita akan jalankan. Cuma hari ini kita dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri minta supaya projek-projek yang dicadangkan ini dipercepatkan dan kita akan bawa hasrat murni ini kepada pengetahuan pihak-pihak yang berkenaan.

Dan saya juga ingin nyatakan di sini bahawa saya ingin membawa isu tempatan sebenarnya. Isu tempatan saya adalah berkenaan dengan Kompleks Hoki dan juga parkir awam di Pasar Kepala Batas. Saya sebenarnya telah beberapa kali bertanyakan kepada pihak yang berkenaan, pihak EXCO yang berkenaan mengenai padang hoki Kompleks Sukan di Bertam. Banyak kali dah daripada 2013, 2014 dan 2015. Jadi jawapan yang saya terima adalah Majlis Perbandaran Seberang Perai telah memohon peruntukan sebanyak RM2.3 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri yang telah pun dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Kuala Lumpur. Pelaksanaan adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan tersebut dan pengurusan padang hoki tersebut adalah di bawah tanggungjawab Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Saya sebenarnya ingin merujuk, begitu juga saya telah memohon untuk mendapatkan ruang parkir yang lebih luas di Pasar Awam Kepala Batas dan saya juga telah dimaklumkan bahawa tanah telah pun, pengambilan telah selesai. Cuma pelaksanaan parkir tersebut belum dapat disempurnakan sebab tidak ada kos. Dan saya sebenarnya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati saya nak merujuk kepada perenggan, izinkan saya membaca sedikit ucapan Tun Yang Terutama Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, *paragraph 6*, saya difahamkan melalui lebihan belanjawan sebanyak RM453 juta sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri melaksanakan program-program bantuan sosial dengan peruntukan sebanyak RM280 juta dan sebagainya. Ini disebut, baki lebihan belanjawan digunakan untuk melaksanakan projek-projek untuk kegunaan awam seperti jalan raya, longkang, dewan orang ramai, rumah mampu milik dan perumahan awam, taman rekreasi, gelanggang futsal dan sukan serta menaik taraf pasar awam.

Antaranya, memperuntukkan RM5 juta bagi menaik taraf tiga (3) buah pasar awam termasuk Pasar Awam Samagagah di Permatang Pauh. Saya juga dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga sedang merancang untuk membangunkan semula 4.5 ekar pasar awam dan kompleks penjaja bandar Seberang Jaya yang akan menelan belanja RM12.0 juta. Jumlah ini adalah yang paling besar untuk menaik taraf pasar awam dan kompleks penjaja dalam sejarah pentadbiran negeri di Malaysia. Di samping itu, RM11.0 juta dibelanjakan bagi pembinaan SPA atau Seberang Perai Arena di Seberang Jaya yang merupakan di antara dewan paling lengkap dibina oleh kerajaan.

Di sini saya sebenarnya ingin meluahkan perasaan saya bahawa betapa pentingnya Kompleks Hoki, Kompleks Sukan di Kepala Batas diperbaiki dengan segera. Andai kata kita membiarkan Kompleks tersebut tidak dibaiki, kerosakan akan berlipat kali ganda dan ini akan menyebabkan kos yang terlibat adalah satu kos yang

semakin meningkat. Oleh yang demikian, saya mengharap sangat sekiranya pihak Kerajaan Negeri tanpa perlu bergantung kepada peruntukan daripada persekutuan sahaja, carilah satu penyelesaian bagi membolehkan Kompleks Hoki ini diperbaiki. Sekiranya ada lebihan belanjawan yang kita sebut-sebut....(gangguan). Kejawatan Yang Berhormat biar saya habis.

Begitu juga di pasar awam, Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota, tadi saya dah sebut ketiga-tiga yang begitu besar, RM12.0 juta di sini, RM5.0 juta di sana, tetapi saya faham bahawa ini adalah di kawasan yang ditadbir, yang diperintah oleh ADUN-ADUN Kerajaan Negeri tapi ingin saya nyatakan di sini bahawa pasar awam Kepala Batas amat memerlukan sebuah tapak parkir yang luas bagi membolehkan bukan sahaja peniaga-peniaga tetapi juga pembeli-pembeli untuk meletak kereta dan sebagainya. Ini adalah luahan daripada rakyat yang terdiri daripada pengundi-pengundi berbilang parti di Kepala Batas. Oleh yang demikian, saya berharap sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Bilakah kali terakhir Yang Berhormat pergi melawat ke pasar Kepala Batas ini. Cuma saya nak tahu.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya hanya akan pergi kalau adalah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya tanya bilakah tarikh terakhir?

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Bulan sudah, bulan sudah.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Sila datang ke pasar Kepala Batas. Tanah seluas 1.7 ekar itu telah ditambun tanah dan ditabur dengan *crusher run* sepenuhnya dan digelek sehingga dia rata. Cuma kita akan menjalankan pembinaan parkir kereta ini berperingkat-peringkat. Kita buat tambun tanah, kita buat *crusher run*, dan kita akan buat *premix* kemudian. Buat masa sekarang bila-bila masa sahaja kita akan buka untuk diparkir. Jadi, Yang Berhormat sila melawat ke pasar dan kawasan Yang Berhormat dengan lebih kerap lagi.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Boleh, boleh. Terima kasih Yang Berhormat. Ke pasar ini kalau kita punya banyak masa. Tetapi sebagai Yang Berhormat kita melaksanakan apa yang sepatutnya. Parkir di Pasar Awam Kepala Batas sebagaimana yang telah dijawab kepada saya. Saya tak nafikan tanah telah diambil, kerja-kerja tanah telah dilaksanakan, itu adalah di dalam jawapan bertulis Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota kepada saya.

Cuma saya mengatakan bahawa kita memerlukan sebuah parkir yang sempurna. Maksudnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal, tapi sebagaimana yang Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota kata kita memerlukan kos tambahan. Inilah kos yang saya maksudkan. Sila, Ahli Kawasan Padang Lalang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam, saya rasa ahli Yang Berhormat Bertam pun sedar bahawa ini Kompleks hoki ini dibina apabila kita nak adakan Sukan SUKMA 10 tahun yang lalu dan memang kita memerlukan padang hoki. Kita tak ada padang hoki untuk latihan sekarang. Hanya di USM kerana tak boleh dipakai lagi dan memang saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Bertam tahu sebelum pilihanraya 2008, memang Kerajaan Persekutuan sudah meluluskan sejumlah wang untuk menaik taraf padang hoki ini tetapi setelah kita menang dan Barisan Nasional kalah, Pulau Pinang dia tarik balik peruntukan ini. Ini sama dengan menaik taraf Hospital Seberang Jaya. Memang dia dalam Rancangan Malaysia Ke-9 tapi di *delay, delay, delay* sampai sekarang. Jadi, saya nak tanya adakah Kerajaan Pusat masih bertanggungjawab kepada semua rakyat di seluruh Malaysia kerana Kerajaan Pusat masih kutip *income tax* dari semua rakyat Pulau Pinang. Dan sekarang *GST* lagi, tapi apakah, berapa banyaknya cukai yang dikutip itu dikembalikan kepada negeri Pulau Pinang ini. Negeri Pulau Pinang membayar banyak cukai *income tax* berapa yang dia bayar balik?

Jadi Yang Berhormat, yang saya mahu tunjukkan ialah tak boleh kata kita sekarang ialah Kerajaan Pulau Pinang negeri ini jadi kita patut buat semua. Kerajaan Persekutuan yang tak mahu buat dan katakan kita mesti buat, kalau begitu bagilah cukai, kami *collect* cukai sendiri. Boleh tak? Jadi yang tidak patut ialah duit sudah diperuntukkan, tapi setelah kalah tak mau bayar. Inilah kita katakan adalah janji kosong. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Bertam padang hoki itu ialah untuk seluruh negeri dan juga di tempat Kawasan Bertam.

Jadi Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat juga boleh bantu untuk meyakinkan rakan di Pusat untuk memberikan peruntukan yang telah dijanjikan. Ini tidak betul. Sudah janji tapi tarik balik kerana kalah tapi *you* menang. Yang Berhormat menang di Bertam dan juga di Pusat, Barisan Nasional yang menang yang mengutip semua cukai. Saya ada jumpa, hari itu saya bertemu dengan Menteri Belia dan Sukan, dia kata *last year* itu *last year* dia kata peruntukan *last year* telah habis nanti *next year* saya tengok ada peruntukan tidak, tapi sampai sekarang tidak ada *news*. Berapa kali sudah pun beritahu kepada dia, jadi macam mana saya hendak beritahu bahawa sekiranya Kerajaan Pusat Barisan Nasional yang begitu tidak bertanggungjawab sudah janji tidak mahu bagi dan kami akan cuba, akan buat, kita akan dapat wang.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya ucap syabas itu janji yang saya hendak dengar daripada Padang Lalang sebab jawapan yang saya terima selama ini cuma permohonan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat, tapi hari ini saya telah diberi pengakuan oleh Padang Lalang bahawa sekiranya Kerajaan Pusat tidak mahu buat Kerajaan Negeri akan buat. Satu janji Yang Berhormat. Jadi saya harap supaya ianya dapat dilaksanakan dan ianya jangan dijadikan sebagai janji yang kosong. Saya minta sangat-sangat.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Yang Berhormat, Yang Berhormat rakyat akan tahu pada pilihan raya yang akan datang siapa yang mereka patut pilih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat izinkan saya ada satu (1) jam. Saya tidak ingin beri laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan kerana ini berkenaan dengan Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Sila.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Sedarkah bahawa ada satu tempat di Bertam panggil Vision Park? Sedarkah kerajaan pusat telah janji RM3.0 juta untuk membina *Vision Park* itu? Apakah terjadi pada kewangan itu? Janji kosong, duit itu telah ditarik balik kerana Pak Lah telah turun. Duit itu telah salur pergi mana? Ini bukan tuduhan kerana *you* tidak tahu *you* duduk SPU sendiri punya rumah pun tidak tahu jaga hendak cakap. Sedarkah manakah RM3 juta itu? *Vision Park*. Apakah Kerajaan Pusat akan bayar balik kepada MPSP kewangan dalam buat untuk *consultant* untuk lukis pelan-pelan semua dekat janji hendak bagi balik kewangan itu sampai hari ini tidak bagi balik kerana RM3.0 juta itu telah tarik balik. Sedarkah Ahli Yang Berhormat Bertam? RM3.0 juta.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Sedarkah Ahli Yang Berhormat Sungai Puyu bahawa *Vision Park* berada di dalam KADUN Pinang Tunggal? Pinang Tunggal. Ini adalah penerangan yang jelas jadi izinkan saya Dato' Timbalan Speaker, saya ingin merujuk terus kepada ucapan perasmian T.Y.T. berkenaan dengan pembinaan sebuah Dewan Undangan Negeri yang baru dan saya percaya sebagai insan yang cukup berpengalaman tentu saranan beliau telah pun beliau mengambil kira pelbagai aspek. Beliau juga adalah merupakan bekas Ahli Dewan ini dan tentu masa yang berlalu menyebabkan beliau mencadangkan supaya sebuah Dewan Undangan baru dibina. Saya secara peribadi menyokong, menyokong sebab sebuah Dewan Undangan perlu mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih baik, ruang-ruang terutama sekali ruang ibadah yang lebih baik dan saya tidak nafikan satu pembaikan telah dibuat kepada surau tetapi mungkin terdapat sedikit kecuaiian menyebabkan ruang surau tersebut lebih kecil daripada ruang surau sebelum



ini. Bagi sesiapa yang telah menunaikan solat di dalam ruang surau baru kita dapati bahawa ruang tersebut tidak *friendly* untuk kita menunaikan solat jemaah. Di mana apabila imam berada di hadapan saf yang di belakang amat sesak mungkin kita boleh bertahan untuk tiga tahun lagi sehingga sebuah Dewan Undangan baru dibina yang turut melibatkan pembinaan surau, tempat makan yang lebih selesa.

Saya juga ingin merujuk kepada lokasi yang di cadangkan oleh Tuan Yang Terutama dan saya percaya ini hanya pandangan daripada beliau untuk pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan ataupun pihak Kerajaan Negeri mempunyai lokasi yang lebih elok. Sebagaimana yang di sebut oleh YB. Telok Ayer Tawar, YB. Sungai Acheh dan juga YB. Pulau Betong yang mengatakan bahawa pembinaan bangunan di atas tempat pelupusan sampah memerlukan kajian yang menyeluruh memerlukan kerja-kerja tanah orang kata hendak *rehabilitate* tanah tersebut. Saya difahamkan mungkin Sungai Puyu boleh perbetulkan, tapak pelupusan sampah ini dikatakan mempunyai gas *metana whatever*. Jadi saya minta itu saja dipertimbangkan yang lain itu saya amat bersetuju dengan pembinaan sebuah Dewan Undangan negeri yang baru dan saya juga menyokong ucapan T.Y.T. yang merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam termasuk angkatan Tentera, Polis, Bomba yang telah berusaha tanpa mengenal erti penat dan lelah dalam memastikan kemakmuran dan keselamatan rakyat di negeri ini.

Akhir kalam, saya ingin sekali mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mengizinkan saya berucap pada petang ini dan tentu saya ingin menzahirkan rasa syukur yang teramat kehadiran *Allah s.w.t.* yang mengizinkan kita untuk melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan ke atas kita. Seterusnya saya mendoakan *Allah s.w.t.* memberikan kesihatan yang baik kepada insan yang kita sayang, tidak lain dan tidak bukan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman bin Haji Abbas berserta isteri Toh Puan Hajah Majimur. *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Selepas ini Sungai Acheh

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Salam sejahtera, salam reformasi saya ucapkan kepada semua ahli-ahli mesyuarat. Sebelum saya memulakan perbahasan saya pada petang ini ingin saya bangkit dua pengalaman yang telah saya sendiri alami sejak pagi tadi.

Pertama adalah tentang banjir yang berlaku di KADUN Machang Bubuk sejak pukul 3.00 pagi tadi. Memang sekali lagi Machang Bubuk telah menjadi tumpuan di media arus perdana pada hari ini kerana banjir kilat ini. Banjir kilat pada hari ini pagi ini

telah menjejaskan beberapa kawasan termasuk Kampung Machang Bubuk, Kampung Tok Konan, Kampung Bukit Teh, Taman Jambu, Kampung Berangan 9, Jalan Kulim dan Jalan Gajah mati dan beberapa kawasan taman perumahan yang tidak teruk tetapi kawasan-kawasan yang saya sebut tadi telah disebabkan oleh kuantiti hujan lebat dari sebelah Kulim dan limpahan air yang telah keluar disebabkan oleh Sungai Machang Bubuk yang cetek.

Oleh itu Dato' Timbalan Yang di-Pertua saya di sini ada beberapa cadangan untuk ditujukan kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mengambil iktibar yang telah berlaku bencana banjir di Kelantan dan Pantai Timur pada akhir tahun yang lepas.

Pertama adalah tentang pengurusan bencana banjir yang lebih menyeluruh dan sistematik kerana kita nampak apabila kesedaran penduduk yang rendah terhadap macam mana ingin menangani bencana banjir dan juga kapasiti daripada pihak jabatan-jabatan Kerajaan termasuk JPS, JPAM dan beberapa lagi jabatan yang bertindak termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu mangsa-mangsa yang menghadapi masalah ini. Untuk jangka masa pendek ini saya di KADUN Machang Bubuk kita ingin memohon satu peruntukan khas yang kecil iaitu berjumlah RM500,000 untuk melaksanakan projek-projek menaik taraf perparitan kecil dan mempertingkatkan ban sungai tebing-tebing sungai memandangkan kebanyakan kawasan yang mengalami banjir ini adalah kawasan-kawasan kampung yang tidak mempunyai sistem perparitan yang sempurna.

Ketiga adalah cadangan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan juga MPSP iaitu dalam penyelenggaraan sungai-sungai dan parit-parit yang khasnya di kawasan berisiko tinggi banjir. Kita mendapati laporan bahawa Sungai Machang Bubuk ini adalah cetek disebabkan ada mendapan pasir-pasir. Ini bermaksud tiada penyelenggaraan berkala di kawasan tersebut dan sekiranya ini dapat dibuat mengikut jadual maka banjir yang berlaku pada pagi ini mungkin tidak seteruk dengan apa yang berlaku pada pagi ini.

Terakhir saya rasa untuk jangka masa panjang, saya ingin sekali lagi menyeru supaya Kerajaan Negeri mengkaji semula tentang cadangan untuk membuat empangan atau kolam tadahan rekreasi di hulu Sungai Machang Bubuk yang bersempadan dengan kawasan Kulim di mana saya rasa pernah dibangkitkan di sidang Dewan yang mulia ini pada tahun yang lepas. Walau pun cadangan tersebut tidak dapat di terima tetapi saya rasa perlu ada satu kajian yang terperinci berkenaan dengan cadangan ini supaya satu jalan penyelesaian yang jangka masa panjang dapat dikenal pasti.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih. Saya dimaklumkan pagi tadi Ahli Yang Berhormat Seberang Jaya ada membuat pengumuman bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM11 juta kalau betul untuk menyelesaikan masalah banjir dan untuk tebatan banjir dan perparitan. Jadi, kalau betul mungkin ini dapat menyelesaikan antaranya masalah-masalah yang dihadapi oleh YB. Machang Bubuk dan bukan sahaja janji kosong.

### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Mohon laluan YB. Machang Bubuk. Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar baca *Facebook* saya. Saya bukan buat pengumuman, saya komen dalam *Facebook* je. Itu memang projek yang saya ingat telah diumumkan oleh YB. Padang Kota tentang masalah banjir di Taman Guru sehingga Permatang Rawa dan juga sehingga Padang Lalang. Itu yang saya maksudkan. Saya rasa yang tempat YB. Machang Bubuk ini mungkin kawasan yang berlainan, berbeza. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada YB. Seberang Jaya yang telah menjelaskan perkara ini. Memang saya juga bangkitkan isu, saya ingin mengalu-alukan projek-projek penebatan banjir yang ini perlu diadakan tetapi memang ada banyak keperluan sehingga perlunya ada keutamaan yang perlu dibagikan. Untuk berlaku adil kepada Kerajaan Negeri juga, memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan beberapa projek *high impact* untuk menangani banjir-banjir ini. Salah satu juga telah diadakan telah mula dipecah tanah iaitu menaik taraf rumah pam tinggi di kawasan Permatang Tinggi di mana satu parit lencongan yang akan dibuat untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan perumahan Alma dan projek ini dijangka akan siap pada tahun 2016. Maka, kita berharap projek ini dapat mengurangkan masalah banjir ini. Dan pengalaman saya yang kedua pada pagi ini iaitu berkenaan dengan pengangkutan awam.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Yang di-Pertua, saya ingin memohon maaf juga atas kelewatan saya hadir ke sidang DUN ini kerana beberapa sebab. Pada pagi ini saya bertolak dari Seberang Jaya pada pukul 8.30 pagi. Biasanya, saya biasanya akan membawa kereta dan akan mengambil 30 hingga 45 minit untuk sampai ke DUN. Tetapi malangnya bila saya bertolak ke Dewan, ia telah mengambil masa 30 minit untuk sampai ke Tol Jambatan Pulau Pinang. Apabila kesesakan yang serius, maka saya mendapati maklumat bahawa dengan menggunakan *waze* dan mendapati Jambatan Pulau Pinang telah ada lori rosak di atas jambatan kesesakannya sepanjang 10 km dan kelajuan kereta hanya dapat mencapai 10 km/jam.

Maka, saya membuat keputusan untuk patah balik dan guna feri. Saya ingat mungkin feri boleh cepat sikit. Akan tetapi apabila sampai ke terminal feri Butterworth, saya mendapati kesesakan juga teruk. So, saya memutuskan untuk letak kereta saya diletakkan di terminal feri kemudian jalan kaki ke terminal feri. Apabila saya sampai ke stesen kereta api, saya tengok ada papan tanda *free shuttle* ke feri. Malangnya tiada *free shuttle* ke feri. Saya kena jalan kaki lagi. Kena jalan kaki ke terminal feri untuk penumpang, mengambil saya 10 minit untuk sampai ke terminal feri orang ramai. Masukkan tambang RM1.20, saya tak ada *coin* tukar RM1.50 bagi juga, ia tak ada baki, tak boleh dapatkan baki kecuali *you* menyediakan *coin* yang mencukupi. So, RM0.30 saya kira untuk derma la kepada Syarikat Feri.

Kesemua, ini sudah mengambil, kira-kira setengah jam saya sampai ke terminal. Lepas itu saya kena tunggu lagi. Ramai penumpang yang di sana kata kena tunggu 30 minit. Saya kena duduk tunggu 15 minitlah. Saya naik ke atas feri pada pukul 10 pagi. Feri datang pukul 10 pagi. Ambil 20 minit sampai ke terminal di Pulau. Kemudian saya jalan kaki lagilah dari terminal feri sampai ke sini 15 minit. Maka sampai ke Dewan kira-kira sudah 10.40 pagi. Saya lewat 1 jam 10 minit. Saya juga ada berkongsi pengalaman ini di laman *Facebook* dan memang ramai yang bagi respon di mana

menyatakan bahawa Yang Berhormat ini hari pertama menaik feri, biasalah. Jambatan sesak pun sudah biasa. Memang ramai rakyat yang menggunakan pengangkutan awam ini mengalami keadaan seperti ini, dan kesulitan setiap hari. Macam kata ada *free shuttle*, tapi tak ada. Macam di sana ada letak *WiFi*, papan tanda *WiFi* feri, bukan Penang *wifi*. Penang *WiFi* di sana pun tak ada. Saya tak faham kenapa Penang *WiFi* tak ada di feri, ia tak berfungsi. Bagi saya tanda telah diletak untuk *WiFi*, jangka masa yang sangat panjang. Maka, saya rasa cadangan untuk mengadakan *sky cab* ini atau teksi ini atau pun kita tadi semalam pun ada membincangkan tentang perkhidmatan feri yang tidak memuaskan. Memang kesemua ini saya rasa tujuan kita adalah untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Sikit sahaja sebelum Yang Berhormat lari ke topik yang lain. Kemarin saya telah bangkitkan isu ini tetapi YB. Telok Ayer Tawar tidak memberi jawapan. Perkara-perkara yang dibangkitkan ini semuanya adalah di bawah kawalan dan kawal selia Kementerian Pengangkutan. Saya telah bangkitkan persoalan mengapa perkhidmatan-perkhidmatan ini tidak ditingkatkan tetapi Kementerian mempunyai wang untuk membelanjakan, membayar kepada Penasihat. Perkara ini adalah perkara yang saya sedang terus *pursue* .....(dengan izin) dan tidak mahu lari daripada pengetahuan orang ramai bahawa kalau Kementerian itu mempunyai Menteri iaitu Datuk Seri Liow Tiong Lai Kementerian yang sama juga mempunyai Penasihat khas iaitu Tan Sri Kayveas yang dibayar RM35,000 gaji dan juga di antara bukan termasuk elaun-elaun lain. Mengapa tidak wang tersebut digunakan. Dan saya pun tidak ketahui bila kita cari dalam laman web Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, tidak ada sebarang diskripsi diberikan bagi tugas beliau. Apakah tugas beliau. Kalau sudah ada Kementerian, ada Menteri apakah tugas Penasihat beliau. Serupa macam Menteri yang ditugaskan khas. Samy Velu dibayar gaji oleh Kerajaan Malaysia tetapi untuk buat projek-projek di luar negara. Membina jalan raya dan sebagainya di Bangladesh, di India, di Pakistan dan sebagainya. Mengapa tidak wang itu digunakan oleh Kementerian Pengangkutan, Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan lagi pengangkutan feri umpamanya membaik pulih feri-feri yang ada dan memastikan sekurang-kurangnya tiap masa ada sekurang-kurangnya lapan (8) atau sembilan (9) feri yang berulang alik. Masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat tadi adalah kerana disebabkan oleh kekurangan feri. Apakah pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Seri Delima. Saya rasa inilah masalahnya apabila sebuah kerajaan yang tidak berhemah....(gangguan), nanti saya jawab dulu, yang tidak berhemah dalam segi pengurusan kewangan dan menyebabkan ketirisan yang berlaku dengan memberikan gaji-gaji yang begitu tinggi kepada pengurusan tetapi tidak melaksanakan projek-projek untuk yang benar-benar salur kepada kepentingan rakyat kita. Oleh itu, saya rasa perkhidmatan feri ini memang sudah lama. Masalah perkhidmatan feri ini tidak dipertingkatkan, sejak dari dulu memang kita banyak bincang di Dewan yang mulia ini, cuma disebabkan kekangan kuasa kita, Kerajaan Negeri sampai hari ini kita tidak dapat mengambil alih. Saya rasa ini adalah satu contoh di mana apabila satu perkhidmatan awam yang tidak diuruskan dengan baik, tiada tatasusila yang baik, maka masalah ini dan mangsanya biasanya adalah penduduk-penduduk atau rakyat biasa yang menggunakan perkhidmatan awam ini.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. YB. Machang Bubuk, saya nak tanya Machang Bubuk satu saja. Sejak jadi Wakil Rakyat dan berulang alik dari Pulau Pinang ke Seberang Perai, berapa kali agaknya yang jadi macam pagi tadi. Insiden kelewatan disebabkan oleh kekurangan pengangkutan atau pun disebabkan oleh kesesakan lalu lintas. Dan kita pun dah tahu bahawa perkhidmatan feri ini memang menghadapi kerugian dan terpaksa mungkin dikurangkan perkhidmatan feri ini untuk menjimatkan atau mengurangkan kerugian yang dihadapi oleh Penang Port.

Tapi saya rasa kalau perkara yang ditimbulkan oleh YB. Seri Delima ini, yang saya kata kita semua tak boleh jawab, suruh Y.A.B. Air Putih bawa ke Parlimen. Insiden berlakunya kesesakan lalu lintas bukan selalu terjadi dan di luar kawalan kita. Tambahan lagi, masalah banjir yang berlaku di kawasan bukan saja di sini, tapi di Penanti. Penanti teruk sampai habis tenggelam kereta. Dan semua orang dok tanya mana pergi Ahli Parlimen yang baru minta mandat, yang baru dipilih begitu popular sekali di Permatang Pauh. Dah hilang. Anak dia yang datang tengok. Dia ada *proxy* pula. Tapi dah dimaklumkan kalau jadi masalah Y.A.B. Ketua Menteri nak pergi tolong selesaikan untuk Parlimen Permatang Pauh.

Jadi di sini, masalah kesesakan lalu lintas memang berlaku. Saya pun dah bercakap semasa perbahasan saya. Perlu diselesaikan secara menyeluruh dan isu hari ini yang berlaku kesesakan luar biasa adalah kerana hujan lebat dan semua orang naik kereta. Dan bukan saja Machang Bubuk sangkut, saya pun sangkut. Pergi ke feri jem, lari ke jambatan pun jem juga. Jadi, ini isu yang menghantui Pulau Pinang perlu diselesaikan secara menyeluruh. Mengkaji dari segi pengangkutan yang ada dan bagaimana untuk mempertingkatkan khidmat-khidmat untuk rakyat yang perlu diatasi.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Terima kasih Machang Bubuk. Saya ingin berkongsi sedikit maklumat yang saya ada melalui keratan akhbar ini yang mengatakan bahawa *the ferry service ... (dengan izin), has suffered severe losses in revenues since the two bridges were built*. Itu sebab semasa Bagan Jermal, saya ada bertanya semasa hari kelmarin. Saya ada bertanya sama ada pengguna feri meningkat atau pun turun sejak dibinanya dua (2) jambatan Pulau Pinang. Memang saya dapat maklumat ini daripada akhbar dan untuk pengetahuan semua, *the ferry service suffered severe losses in revenues since the two bridges were built from 11 million pedestrians in 1984, only 1.5 million in 2014*. Jadi maknanya pada tahun 1984, pengguna sebanyak 11 juta. *11 million pedestrians* dan pada 2014 hanya 1.5 juta yang menggunakan perkhidmatan feri. *And from 3.5 million motorcycles in 1984, it was just 1.2 million last year* jadi ini menunjukkan penurunan yang amat ketara sekali sejak dibinanya Jambatan Pertama dan Kedua dan itulah sebab saya rasa yang menyebabkan kerugian kepada perkhidmatan Feri. Dinyatakan di sini juga *every trip cost RM1100 and PPSB losses an average of 700 dollars a trip*. Jadi ini menyebabkan saya rasa yang Perkhidmatan Feri itu susah nak dimajukan sebab banyak lagi laluan-laluan lain daripada Seberang ke Pulau. Sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Penaga...(gangguan).

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Tentang Feri insiden yang happen *traffic jam* dekat Jambatan Pulau Pinang bukan pertama kali berlaku dan kebanyakan orang akan pilih *alternative* pergi ke Feri tetapi mengapa *question* saya adalah mengapa Feri dan Jambatan Pulau Pinang punya *company* tak ada koordinasi untuk *increase the frequent of ferry* untuk lebih banyak feri untuk jalan pada masa yang samalah dulu mungkin 20 minit atau 30 minit mungkin kepada 10 minit atau 5 minit, kita mempunyai lapan buah feri so lapan buah feri ini boleh lagi cepat orang lagi boleh cepat sampai Pulau Pinang atau dari Pulau Pinang ke Seberang.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Penaga dan KOMTAR saya rasa pandangan-cadangan tersebut adalah sangat-sangat berguna untuk disampaikan kepada Pihak Pengurusan dan cuma saya rasa memanglah ini bukan kali pertama Jambatan Pulau Pinang Jambatan Pulau Pinang ini dalam keadaan yang sesak tetapi ini telah menguji menguji tahap mutu perkhidmatan feri kepada kita disebabkan pengurangan penumpang mengapa pengurangan penumpang adalah kerana mutu perkhidmatan itu, ada orang rela untuk menggunakan Jambatan kerana ingin sampai ke destinasi lebih cepat dan sekiranya feri ini nak guna feri kena ambil masa lebih daripada satu jam atau dua jam maka pilihan untuk menggunakan feri itu akan menjadi pilihan yang terakhir tak ada pilihan baru pilih.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua urus tadbir dan tata kelola yang baik yang perlu dilaksanakan dalam semua peringkat Kerajaan termasuk Agensi Kerajaan sehingga ke JKKK. Kesemuanya berperanan penting dalam merealisasikan dasar-dasar Kerajaan berasaskan slogan Kerajaan iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). Walau bagaimanapun kita masih mempunyai banyak ruang untuk mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam dan mengeratkan hubungan dengan rakyat dalam memberi maklumat yang mencukupi kepada penduduk di setiap kawasan, sebagai seorang Wakil Rakyat walaupun saya sentiasa mengambil peluang untuk memperkenalkan dan mempromosikan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat sikit sahaja saya nak komen berkenaan hal ini. Berbalik kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar berkenaan keadaan yang di Penanti dan juga Ahli Parlimen yang baru dilantik, untuk makluman Yang Berhormat beliau tidak bermain Golf di mana-mana bukan seperti kejadian di Kelantan, Yang Berhormat daripada Kajang saya percaya berada di Kajang dan mungkin akan balik, walau bagaimanapun pegawai-pegawai Kebajikan telah pun ke sana dan untuk perhatian Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, Yang Berhormat Penanti kurang sihat dan sedang mendapat rawatan di Hospital dan kedua-dua bukan bermain Golf di mana-mana. Terima kasih. ....(gangguan).

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Minta laluan sedikit terima kasih saya *break time*, tadi sebenarnya saya telah turun padang dan saya berada di sana tadi dan itu janji kami untuk membantu Parlimen Permatang Pauh. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Pantai Jerjak dan Seri Delima kerana memberi penjelasan yang saya rasa mencukupi dan memang Pakatan Rakyat sentiasa turun untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi rakyat ia bersatu padu. Balik kepada polisi Kerajaan Negeri selain daripada pembantu-pembantu dalam Pusat Khidmat dan JKKK kawasan saya mengesyorkan Kerajaan memperkasakan *mechanism* dan fungsi JKKK agar mereka boleh memainkan peranan yang lebih penting untuk memastikan semua polisi Kerajaan boleh disampaikan ke semua lapisan masyarakat, urus tadbir baik termasuk juga kecekapan Kerajaan dalam mengurus sumber manusia. Oleh sebab itu kita kena memastikan sistem untuk menilai prestasi setiap Ahli-ahli JKKK adalah sempurna dan seterusnya memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat tempatan. Itu adalah baik semangat berpasukan adalah penting untuk menunjukkan keihlasan Kerajaan negeri untuk melaksanakan sesuatu polisi, dengan itu saya berharap lebih banyak sumber kewangan dan sumber manusia boleh dilaburkan dalam usaha memperkasakan semua ahli-ahli JKKK dan seterusnya memberi lebih banyak idea dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti yang memanfaatkan penduduk-penduduk tempatan. Selain itu saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan supaya memberi skim insurans hospital dan kemalangan kepada setiap anggota JKKK di seluruh Pulau Pinang bagi menjamin kebajikan pemimpin-pemimpin tempatan, saya pernah menerima aduan di mana terdapat pengerusi JKKK yang telah masuk ke Hospital apabila menjalankan tanggungjawab mereka dan mereka tidak ada sebarang insurans atau insurans untuk melindungi mereka.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, kita boleh melihat pembangunan yang semakin pesat dalam Pulau Pinang dengan penambahan projek-projek perumahan, kompleks beli belah dan tapak perindustrian kita tidak boleh menafikan bahawa pembangunan ini boleh membantu menarik minat pelabur-pelabur asing juga memberi lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya menambah rezeki kehidupan semua rakyat. Namun begitu sebagai sebuah Kerajaan ataupun seorang warga Malaysia yang bertanggungjawab kita tidak boleh hanya mementingkan pembangunan ekonomi malah kita juga perlu mengambil berat tentang nilai *gross national happiness* iaitu nilai GNS yang dijadikan KPI untuk memastikan Polisi Kerajaan yang dilaksanakan bukan sahaja memanfaatkan rakyat dari segi infrastruktur tetapi menunjukkan Kerajaan juga menjaga kualiti kehidupan dari segi kesihatan mental, pengurusan tekanan hidup dan keharmonian masyarakat. Seperti mana yang dimaklumkan dalam visi kita 'menuju sebuah negara yang berpendapatan tinggi' kita memerlukan pembangunan ekonomi yang pesat tapi kita juga perlu juga mempelajari pengalaman daripada negara lain yang telah mencapai status negara membangun atau negara maju yang berpendapatan tinggi di mana rakyat mereka juga menghadapi tekanan hidup yang tinggi dan tidak berpuas hati serta tidak hidup dalam keadaan yang gembira, yang sejahtera.

Oleh itu tambahan pula kesejahteraan masyarakat kita adalah sangat penting Kerajaan perlu memastikan sesuatu polisi itu boleh membantu kebanyakan rakyat terutama mereka yang masih belum mencapai taraf kehidupan yang memadai masyarakat setempat, kalau kepentingan golongan sederhana dan miskin ini tidak dapat dijaga. Maka kemajuan masyarakat yang kita boleh capai adalah sangat-sangat terhad kerana ketidaksaksamaan dalam masyarakat ini menyebabkan pelbagai masalah sosial dan boleh mengancam keamanan dan keselamatan masyarakat kita ini.

Dengan ini dengan pengenalan pelaksanaan cukai GST oleh Kerajaan Pusat sejak 1hb April yang lalu banyak aduan telah diterima dan juga tentang tekanan hidup yang berat sehingga semalam kita juga dalam surat khabar kita mendapati seorang peniaga atau pekedai *hardware shop* di Teluk Intan yang disyaki kerana tekanan GST dia menghadapi satu tekanan hidup yang serius ada *depression* sehingga membunuh diri dan kemalangan ini atau tragedi ini yang telah menunjukkan banyak pengaruh atau impak buruk ini daripada cukai GST ini. Saya rasa ramai pembuat-pembuat dasar atau polisi mereka pun tidak sangka, cukai GST ini boleh sampai ke tahap boleh membunuh orang. So ini adalah satu polisi yang bagi kita adalah satu polisi yang tidak baik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Boleh bagi tahu di mana...(gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Semalam.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Surat khabar mana.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Surat khabar Cina, Chinese paper Kwong Wah .....(gangguan), cuba bunuh diri.

**Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Cuba bunuh diri.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Di Perak dan mengikut mengikut komen daripada ahli-ahli keluarga mereka, pekedai itu memang menjadi sangat runsing dan juga tekanan yang tinggi apabila pelaksanaan cukai GST ini. Inilah salah satu contoh yang kita lihat, kita tak sampai sekarang kita tidak dapat tengok apa kebaikan cukai GST, tetapi keburukan itu kita sudah nampak banyaklah, dan saya rasa inilah salah satu contoh apabila Kerajaan yang mempunyai kuasa dan untuk membuat dasar tidak mengambil kira tentang apa keadaan sebenar yang berlaku di akar umbi, rakyat yang biasa, yang menghadapi tekanan-tekanan dan keburukan cukai GST ini.



Topik yang seterusnya saya ingin membangkit di sini adalah tentang kedaulatan makanan atau *food sovereignty*. *Food sovereignty* adalah mengenai hak rakyat untuk menentukan sistem makanan mereka sendiri pertanian perlu dijadikan asas untuk kedaulatan makanan memandangkan kita mempunyai banyak sumber bahan dan kepakaran dalam sektor pertanian. Pulau Pinang boleh dijadikan hak untuk industri pemprosesan pertanian dengan menggembelng tenaga dengan pengusaha yang berkecimpung dalam peniagaan sektor pertanian, sistem makanan yang sempurna juga bergantung kepada polisi Kerajaan terutamanya dalam era globalisasi ini. Kita berdepan dengan pertandingan yang sengit dalam semua sektor dengan khasnya dari segi pemprosesan makanan. Negara kita mempunyai banyak sumber pertanian yang ada keistimewaan tersendiri yang unik dan boleh ditambah baik dengan penjenamaan dan sistem pemasaran yang berkesan. Konsep Patrick ini juga boleh diperkenalkan dalam usaha membantu lebih banyak pengusaha kecil dalam sektor pertanian dengan konsep *green collar economy* yang giat diperbahaskan di kalangan negara antarabangsa.

Kerajaan kita perlu menyediakan diri dalam arus pembangunan ini supaya di mana semua polisi kerajaan boleh memenuhi ketiga-tiga ciri itu iaitu hak asasi rakyat yang saksama dipertahankan peluang yang saksama di antara rakyat dijamin dan juga menghormati kehadiran semua kehidupan dalam dunia ini. Kerajaan perlu lebih sensitif semasa melakar pelan tindakan polisi dan juga memastikan rakyat diberi *platform* untuk menyalurkan pandangan mereka. Ketelusan informasi adalah sangat penting dalam usaha menyempurnakan sesuatu polisi kerajaan. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada usaha Kerajaan Negeri yang telah melaksanakan Enakmen Kebebasan Maklumat (FOI). Ini adalah langkah pertama yang sangat penting dan perlu dijadikan teladan untuk Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri negeri lain. Cuma ada beberapa penambahbaikan yang perlu diambil perlu dipertimbangkan khasnya dari segi yuran dan kadar yang terlalu tinggi bagi orang awam yang ingin mendapat maklumat.

Dalam era *big-data* atau *open government*, memang maklumat-maklumat dalam kerajaan ini akan dibuka kepada semua rakyat melalui internet kerana kesemua data-data itu sebenarnya adalah diperolehi atau diusahakan oleh kakitangan atau pegawai-pegawai kerajaan yang telah mendapat gaji daripada pembayar cukai dan adalah hak untuk setiap pembayar cukai untuk mengetahui maklumat-maklumat seperti ini. Dengan sumbangan idea rakyat dalam sesuatu polisi itu bukan sesuatu yang baru dalam era ini. Kemudahan teknologi juga memudahkan rakyat untuk menyertai dalam proses membuat keputusan dan juga melakarkan dasar-dasar kerajaan.

Kerajaan Negeri perlu menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan teknologi untuk berinteraksi dengan rakyat dan pandangan kepakaran rakyat boleh dipertimbangkan dalam proses membuat sesuatu polisi. Semasa kita berbangga dengan pencapaian negara kita dari segi ekonomi, kita juga boleh menjaga alam sekitar dan memastikan kualiti kehidupan adalah seimbang dari aspek ekonomi dan suasana tempat kehidupan. Dengan ini saya juga ingin menyeru supaya Jabatan Alam Sekitar dapat mengambil langkah yang lebih proaktif khasnya dalam usaha menjaga alam sekitar serta mengambil tindakan yang serius ke atas masalah pembakaran terbuka dan juga memantau industri-industri yang memproses bahan-bahan yang mungkin membahayakan dan memudaratkan keselamatan dan kesihatan penduduk seperti sistem kumbahan yang tidak berkesan, tidak efektif serta pembinaan logi pembancuh simen yang perlu dipantau juga.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, isu tentang pengusiran penduduk di Kampung Permatang Tok Subuh masih tidak dapat diselesaikan dengan sempurna kerana pemilik tanah yang enggan bersetuju dengan rumah ganti rumah malah mereka telah membuat permohonan ke mahkamah untuk milikan kosong. Walau pun penduduk masih berdepan dengan masalah pengusiran tanah, mahkamah telah berpihak kepada pihak tuan tanah di mana Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa penduduk-penduduk 26 keluarga di Permatang Tok Subuh ini perlu memberi hak milik kosong kepada tuan tanah bila-bila masa sahaja. Walau bagaimanapun, penduduk Permatang Tok Subuh telah tetap akan meneruskan perjuangan mereka untuk mempertahankan hak rumah mereka. Selain daripada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit Yang Berhormat, tadi tentang ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan GST sebelum lari topik berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh peniaga. Saya ingin mendapatkan pendapat Yang Berhormat berkenaan masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut di universiti di mana baru-baru ini kita lihat salah seorang menteri Barisan Nasional telah pun menggalakkan penuntut-penuntut di universiti untuk memasak makanan sendiri daripada pergi dan membelanjakan wang. Saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat berkenaan isu yang dihadapi oleh penuntut-penuntut khususnya yang datang daripada keluarga-keluarga yang besar. Kerana kalau di Universiti Sains Malaysia banyak juga yang mendampingi pusat khidmat saya untuk mengetahui kalau Kerajaan Negeri boleh memberi apa-apa subsidi kerana maklumlah ada yang datang dari Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Pahang dan semuanya datang daripada kawasan-kawasan pedalaman di mana ayah dan ibu mereka ada yang bekerja. Sebagai penoreh getah, ada yang kerja di kelapa sawit, di mana wang yang dihantar kepada mereka itu adalah hanya wang yang terhad sahaja bagi mereka membelanjakan.

Dengan masalah GST yang dihadapi kita tahulah ada yang Menteri-menteri Barisan Nasional yang membuat kenyataan bukan bodoh tetapi kurang pandai meminta mereka memasak sendiri dan makan. Apakah pandangan Yang Berhormat jika Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan bagi penuntut-penuntut Pulau Pinang yang berasal daripada Pulau Pinang yang menuntut di universiti di luar negeri di dalam negara Malaysia diberi subsidi tiap-tiap tahun mereka belajar. Mungkin dalam pemberian wang begitu sahaja atau melalui satu pinjaman dapat menampung perbelanjaan mereka sehingga mereka mendapat ijazah. Apakah pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Sangat mudah. Cukai GST adalah tidak wajar dan tidak patut dilaksanakan pada peringkat sekarang dan memang kita sudah luluskan satu usul tergepar pada tahun lepas. Dan memang kita rasa Malaysia belum bersedia lagi dan cadangan-cadangan itu seperti apa yang dicadangkan oleh Seri Delima saya rasa dia tidak dapat menyelesaikan masalah itu. Yang kita nak selesaikan masalah itu, adalah cukai GST yang perlu dibatalkan dan tidak perlu dilaksanakan kerana kita bukan satu negara yang miskin tambahan pulak sampai hari ini Perdana Menteri masih tidak dapat menerang, menjelaskan bahawa apa kegunaan cukai-cukai GST hasil yang dikutip dari cukai GST itu. 42 juta tiap-tiap hari.....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat nanti boleh bahas dalam topik itu.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

So saya hanya bagi respon saya rasa tak perlu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit Yang Berhormat, berkenaan dengan kegunaan wang GST itu, kelmarin bila saya baca Malaysia Kini, difahamkan Perdana Menteri akan memberi penjelasan kepada cawangan-cawangan UMNO dalam satu mesyuarat tertutup. Tetapi hari ini bila saya baca semuanya gembira dan hanya beraksi memotong kek sahaja, tidak ada sebarang penjelasan diberikan. Mungkin kita boleh berbahas tentang GST ini dengan lebih lanjut lagi semasa usul GST. Tetapi saya berterima kasih, sekurang-kurangnya pandangan Yang Berhormat lebih bernas kalau berbanding menteri yang membuat cadangan yang kurang pandai itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Berbalik kepada Permatang Tok Suboh, selain daripada Kerajaan Negeri boleh membuat satu ketetapan di mana sebarang kelulusan permohonan kebenaran merancang atau tukar syarat yang dibuat, dipohon oleh tuan tanah itu tidak diluluskan selagi isu penempatan penduduk-penduduk Permatang Tok Suboh itu tidak diselesaikan. Saya juga dalam soalan bertulis saya kepada Kerajaan Negeri berkenaan dengan isu pengusiran, saya ada bertanya satu (1) soalan di mana bolehkah Kerajaan Tempatan mengeluarkan notis henti kerja ke atas perobohan rumah-rumah orang kampung itu. Jawapan yang diberikan kepada saya adalah Kerajaan Tempatan tidak boleh mengeluarkan notis henti kerja ke atas perobohan rumah-rumah orang kampung. Walau bagaimanapun, notis henti kerja hanya boleh dikeluarkan jika terdapat isu-isu lain yang melibatkan ketidakpatuhan terhadap pelan yang diluluskan ke atas kemajuan tersebut. Jawapan ini saya mencadangkan sekali lagi kepada Kerajaan Negeri supaya boleh mengkaji semula agar notis henti kerja itu boleh dikeluarkan ke atas perobohan rumah-rumah memandangkan tuan tanah pun belum ada apa-apa rancangan untuk membangunkan kawasan tersebut, maka penduduk-penduduk kampung yang telah tinggal di sana berpuluh-puluh tahun boleh terus dapat tinggal di sana supaya kita boleh pertahankan penduduk.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya nak berikan penjelasan sedikit Yang Berhormat. Yang Berhormat telah bersama dengan Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Mertajam yang telah begitu prihatin tentang kes ini dan penduduk-penduduk pun telah berjumpa saya di pejabat saya. Pada masa itu Yang Berhormat tidak ada bila saya berjumpa penduduk. Kami pun telah jelaskan bahawa selagi mereka tidak membuat permohonan kepada Kerajaan Tempatan. Kita tidak ada sebarang kuasa ke atas sebarang tindakan yang diambil. Kalau kita sebut di bawah undang-undang tanah mereka hanya boleh mengambil tindakan sekiranya mereka mendapat atau memperolehi perintah mahkamah untuk mengusir penduduk-penduduk tersebut dan selagi mereka menjalankan kuasa diluar perintah mahkamah sememangnya Kerajaan Negeri tidak

boleh campur tangan. So, itulah keadaan undang-undang. So dalam aspek kita henti kerja kita hanya boleh henti kerja untuk sesuatu projek bila Pihak Berkuasa Tempatan telah mengeluarkan *Development Order*. Kalau *Development Order* belum dikeluarkan macam mana kita boleh mengeluarkan arahan henti kerja. Ini tidak mungkin boleh berlaku. Dan tentang kuasa tuan punya tanah mengeluarkan penduduk mereka akan menggunakannya dibawah perintah mahkamah. So saya harap perkara ini boleh jelas. Kita tak mahu berikan harapan palsu kepada penduduk. Bantu tetap bantu. Tapi kalau kita cakap kita boleh gunakan kuasa Kerajaan Negeri untuk halang mereka, usir penduduk keluar saya rasa itu tidak benar. Memang kita tidak ada kuasa dan untuk menyatakan ini boleh dapat saya rasa tindakan sedemikian dianggap kurang bertanggungjawab. So saya berharap perkara ini boleh difahami bukan sahaja Yang Berhormat tetapi juga penduduk-penduduk. Kita kena tahu setakat mana had kuasa kita. Dan bila mereka usir penduduk di bawah kuasa perintah mahkamah kita tidak boleh campur kerana kalau kita campur bukan sahaja kita hina mahkamah, kitapun sebagai sebuah kerajaan tidak menghormati kedaulatan undang-undang. Sebagai sebuah kerajaan kita mesti menegakkan kedaulatan undang-undang. Sekian, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan saya rasa perkara ini memang dan saya setuju dengan pendirian Kerajaan Negeri dan juga undang-undang dan cuma saya bangkitkan perkara ini disebabkan kita ada banyak perbincangan penduduk-penduduk di kampung dan ini juga merupakan harapan daripada penduduk-penduduk di sana. Walau bagaimanapun, kita berharap satu tuan tanah yang sangat degil dan juga seolah-olah mempunyai satu kuasa besar di belakang mereka untuk lembut hati berbincang dengan Kerajaan Negeri dan juga penduduk-penduduk kampung supaya boleh mendapat satu *win-win situation* untuk memastikan bahawa kepentingan hak rumah untuk penduduk-penduduk di Permatang Tok Suboh itu dapat dijaga.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, isu yang saya nak bawa adalah tentang prosedur dan syarat kelulusan permit korek jalan di kawasan perumahan ini perlu dikaji semula. Penguatkuasaan dari Pihak Berkuasa Tempatan perlu lebih pro-aktif dalam memantau kerja-kerja korek jalan oleh kontraktor-kontraktor utiliti atau kontraktor-kontraktor TNB kerana saya telah menerima banyak aduan dan kacau ganggu daripada penduduk-penduduk setempat yang berlakunya kerja-kerja korek tanah itu dibuat pada waktu malam atau lepas pejabat. Dan masalah juga apabila kerja-kerja penurapan semula itu tidak dijalankan dengan sempurna maka adalah menimbulkan banyak masalah kepada penduduk-penduduk setempat. Terdapat juga jalan-jalan yang telah dirosakkan dan tidak dibaiki dan kos untuk memulih jalan tersebut juga memakan perbelanjaan yang tinggi dan secara tidak langsung akan membebankan perbelanjaan untuk Kerajaan Tempatan.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan *Penang Future Foundation* yang tepat pada masanya. Ini telah menunjukkan komitmen kerajaan yang mementingkan pembangunan modal insan serta menghargai kepakaran dalam usaha membangunkan ekonomi dan negara. Usaha ini juga menyediakan peluang kepada rakyat Pulau Pinang untuk sosial mobiliti dan keluar dari belunggu kemiskinan. Dalam isu mengenal pasti dan mendapatkan tapak yang bersesuaian untuk pembinaan bangunan baru Dewan Undangan Negeri, saya berpendapat bahawa bangunan Dewan yang bersejarah ini memang sangat-sangat ada nostalgia memandangkan DUN ini

juga kita hanya guna pakai dua (2) kali setahun dan memang saya nampak DUN masih ini dapat berfungsi dengan baik dan selesa. Oleh itu bagi saya fungsi Dewan untuk wakil rakyat serta suara akar umbi dapat didengar oleh kerajaan. Oleh itu tak kiralah Dewan sekarang yang telah berada di mana, di tempat yang baru atau di tempat yang lama, yang penting adalah ia berdekatan dengan penduduk, ia dapat dijadikan satu tempat di mana perdebatan demokrasi itu dapat dijalankan dan juga keterbukaan mereka. Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah memberi kerjasama dan sumbangan mereka kepada KADUN Machang Bubuk dan saya dengan ini saya memohon untuk menyokong.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam CAT, salam CAT. Selamat hari ibu, satu cat, banyak cat-cat. Terima kasih Dato' Timbalan Speaker. Saya baru ini rasa bertuah dapat pergi satu Majlis Istiadat Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan Yang di-Pertua Pulau Pinang di Seri Mutiara pada 28 April 2015 bersamaan 9 Rejab 1436H. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada T.Y.T. Yang di-Pertua yang telah disambung perkhidmatan untuk kali keenam bermula 1 Mei 2015. Yang Berhormat Dato' Timbalan, saya tadi saja saya sebut salam cat, saya nak tengok sejauh mana respon kawan-kawan, mula-mula agak kabur dan hambar, mungkin Seri Delima nak marah, tapi setelah dia buka kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, dia faham CAT itu adalah Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Salam banyak-banyak cat.

Dato' Timbalan Speaker, saya amat gembira bila pergi ke majlis ini. Cuma agak kurang seronok Dato' Timbalan Speaker, sebab dalam majlis tersebut kalau hari ini saya sebut salam cat, tapi yang Y.A.B. Kawasan Air Putih, dia sebut salam bersih. Sedangkan itu merupakan satu majlis rasmi yang cukup kita banggakan oleh Negeri sebab anak dan cucu saya juga kata bila sebut saja bersih dia gambarkan dan membayangkan perkataan itu diletak di baju warna tertentu bukan dicatkan warna, dalam satu majlis demonstrasi. Jadi seolah-olah kita bawa perkataan dan pengertian itu ke dalam rumah Seri Mutiara yang cukup dimuliakan. Jadi itulah saya nak lahirkan rasa dukacita sikit.

Dalam saya bersuka, saya juga dukacita lagi sebab kawan saya tak di *address* kan iaitu Dato' Timbalan Speaker, sedangkan Dato' Speaker disebut, yang paling menarik Dato' Yang di-Pertua Majlis Agama Islam pun disebut. Sayang Dato' Permatang Pasir tak mai, tapi seronok, jadi macam mana Y.A.B. Ketua Menteri sebut nama dia. Saya ni buat andaian. Kalau silap jangan marah. Mungkin nak tarik, kerana hendak pilihan raya di Permatang Pauh kena sebut nama supaya PAS menyokong Pakatan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta penjelasan. Kejap saja.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tadi saya sebut Air Putih, saya tak sebut Air Itam lagi.

### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Kejap saja, tadi Sungai Aceh kata paling mendukacita dan saya rasa juga dalam majlis begitu mulia itu kita juga tak ada kehadiran Ketua Pembangkang, betul? Dukacita. Saya rekodkan.

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih. Saya ingat Ketua Pembangkang dan Timbalan Pembangkang ada urusan masalah negara di Kuala Lumpur waktu itu dengan maaf...(ketawa). Dato' Timbalan Speaker, dalam ucapan perasmian Dewan oleh Tun baru ini, Tun menyarankan supaya dibina Dewan Undangan Negeri yang baru sebab Dewan ini telah digunakan sejak 1959 yang kebetulan Tun juga merupakan bekas Speaker. Betul tak Yang Berhormat, betul, bekas Speaker kan. Jadi atas perasaan itu, setelah beliau melawat beberapa tempat Dewan Undangan Negeri, beliau rasa eloklah Pulau Pinang juga ada Dewan yang baru. Untuk itu, saya nak mencadangkan supaya Dewan Undangan Negeri yang baru ini dibuat di Batu Kawan, sebuah kawasan yang akan terus membangun. Justifikasi mengapa saya mencadangkan di situ.

Yang pertama, saya ulang balik, kawasan ini sedang membangun, yang kedua, Jambatan Kedua telah siap. Yang ketiga, bila saya kira-kira, Ahli Dewan Undangan Negeri lebih banyak di sebelah Seberang ada 21. Lebih satu (1) majoriti kami sebelah Seberang, tak kira Pakatan apa, tapi kami 21 di Seberang dan yang paling menarik Dato' Timbalan Speaker, yang keempat dalam KADUN Dato' Speaker dan dekat pula dengan KADUN Timbalan Speaker.....(gangguan), ya tak apalah kenangan. Jadi saya mencadangkanlah menyokong saranan Tun supaya dibina Dewan ini di buat di kawasan tersebut.

Dato' Timbalan Speaker, saya ingin bercakap pula mengenai permohonan lampu awam. Saya ada buat soalan lisan, lebih kurang maksud soalan saya. "Apakah sumbangan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada pembayar cukai daerah ini yang memerlukan lampu awam demi menjaga keselamatan penduduk."

Jawapannya. "MPSP memberikan pelbagai sumbangan kepada warga Seberang Perai hasil daripada cukai taksiran ianya termasuk mendirikan tiang lampu awam demi menjaga keselamatan penduduk berdasarkan permohonan oleh Yang Berhormat Parlimen ADUN, penyelaras kawasan, Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Majlis. 2014 belanja RM8 juta kos pendawaian elektrik 2013 dan sebagainya." Yang lebih penting itu saya nak tekankan MPSP memberi pelbagai sumbangan kepada warga Seberang Perai hasil daripada kutipan cukai ianya termasuk mendirikan tiang lampu awam.

Dato' Timbalan Speaker, saya pun sedih sebab dulu pun saya pernah jadi Ahli Majlis, kali ini bila depa MPSP mungkin mesyuarat *council* dan sebagainya saya kena bayar bil rakan-rakan Pulau Betong saya kena bayar, dia nak pasang lampu ADUN Sungai Aceh kena bayar tiga (3) dah JKKK minta. Di sini jawab ianya termasuk mendirikan tiang lampu awam yang akan dibiayai oleh Majlis. Kalau saya ingat inilah maknanya sedih, dengan Dato' Timbalan tak kena kot. Dia angguk tak kena. Jadi saya kena, saya tahu kerana wakil rakyat belah lain tiga (3) saya kena beribu, ada RM2,000, RM3,000, RM4,000 supaya duit itu boleh guna nak bantu yang lain itulah keadaanya minta Padang Kota.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Minta Penjelasan, saya agak tomahan itu tak betul saya sebagai ADUN kawasan, apabila saya memohon untuk pemasangan lampu awam, kalau tiang sudah sedia ada maka saya di perlukan untuk membayar kos lampu itu sahaja. Kalau tiang langsung tiada, saya diperlukan untuk membayar penanaman tiang dan juga lampu tersebut saksama, sama rata tiada berat sebelah itu adalah pengalaman saya Dato'.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Bagan Jermal jadi makna jawapan ini tak betullah. Ini satu lagi silap ini, silaplah, jawapan ini saya ulang. "MPSP memberikan pelbagai sumbangan kepada warga Seberang Perai hasil daripada kutipan cukai taksiran ianya termasuk mendirikan tiang lampu awam demi menjaga keselamatan penduduk." Jadi makna bercanggah Padang Kota dengan Bagan Jermal, JKR selalu bercanggah.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan daripada Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Oh, Jawi nak tolong, sila Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya nak maklumkan memang ada dua (2) jenis tiang lampu satu jenis tiang lampu yang besi adalah tiang lampu dibekalkan oleh MPSP yang ada *sticker* warna hijau muda dan juga kuning, maka satu (1) lagi jenis tiang lampu yang konkrit itu yang label warnanya biru muda dan merah itu adalah TNB. So maka mungkin jawapan itu mereka tujui bahawa tiang-tiang lampu seperti di kompleks makanan MPSP di pasar awam, ataupun di tempat-tempat yang dibina besinya memang dibekalkan oleh MPSP tapi kawasan saya pun kena, ada minta MPSP tiang lampu yang nak pasang di jalan-jalan kampung yang gelap dan kos kena bayar RM2 ribu lebih kerana tak ada tiang tak ada kabel dan juga tak ada lampu maka saya kena bayar juga kepada TNB bukan kepada MPSP yang lepas itu TNB akan pasang tapi bil elektrik itu dibayar oleh MPSP. Sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih penjelasan Jawi tapi maknanya Timbalan Speaker, ini jawapan tak betul saya nak sebut la ni, yang ini jawab kepada saya, macam itu tak akan saya silap baca. Jadi makna Dewan yang mulia apakah sumbangan bukan Padang Kota jawab ini? Terlupa la apakah sumbangan Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada pencukai dan ini memerlukan lampu awam demi menjaga keselamatan penduduk. Silap katakan silap, demokrasi. Tak apa. Nak gulung lagi tak payah gulung, memang tak betul dah, jadi janganlah Dewan yang mulia ini kita bagi jawapan, saya pun seronoklah, itu saya bawa yang ini kalau kita jawab wakil rakyat kena bayar, macam Jawi dengan JKR saya tak tanya dah ini tanya buat apa, tapi saya tanya pasal bercanggah dengan ini jadi mintalah perbetulkan, kacau juga ini.

Kemudian satu lagi yang ini Padang Kota nak minta tolong sebab kalau boleh reka bentuk taman permainan kanak-kanak yang alat-alat itu Dato' Timbalan Speaker, yang nak naik cunggit apa itu, alat-alat itu boleh *design* dia itu elok tidak bahaya mesra, sebab kesian budak-budak terkapit tangan di Taman Sungai Aceh, Bomba tolong kesian macam mana depa sapa kata rosak...(gangguan), tak rosak bila kena baru rosak lah, bomba terpaksa rongkah, kesian kita buat untuk keselesaan rakyat anak-anak bayar cukai tak lagi? Pak dia bayar cukai, kita buat begitu kesian dia jadi mangsa jadi mintalah direka bentuk cantik. Di Taman Sungai Aceh benda itu sudah rosak Padang Kota tolong catit di Taman Sungai Aceh.

Kemudian ada mereka bercakap sama ada sahah atau tidak tapi saya kena menyampaikan dia kata betulkah Dato', nak kerja dengan MPSP, ini kerja buruh, syarat dia kena jadi Ahli Parti? Batu Maung gelak dia tak buat kerja kot. Tak apalah kalau lawak kita buat boria lepas ini, depa buat soalan kat saya, saya kata tidak kut. Dah cekap, telus, mana nak Kerajaan ini nak buat begitu, dia kata tak, ada, saya tanya dia tak mau habaq dia takut, sebab kalau habaq nama dia, dia kena buang pulak, kena isi, dia *check-check* pula kata hang jadi Ahli UMNO ini depa kata, *Allah* Dato' Timbalan Speaker, tapi Dato' Timbalan Speaker tak buat saya tau. Tapi janganlah sampai ke peringkat itu kalau kita cekap jangan sampai peringkat itu minta tolonglah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta penjelasan. YB. daripada Sungai Aceh terima kasih. Saya nak minta Yang Berhormat adakah apa bukti yang boleh dikemukakan kerana kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat ini adalah satu perkara yang, saya sendiri memandang serius saya percaya kita tidak boleh memberi layanan istimewa kepada mana-mana ahli parti khususnya dan memang perkara itu tidak pernah di menjadi pra syarat dalam perkhidmatan MPPP ataupun MPSP memang kita tidak pernah mendiskriminasi, saya boleh memberi akur janji tentang perkara tersebut, kalau berlaku saya boleh ambil tindakan perkara tersebut, saya minta Yang Berhormat kalau boleh mengemukakan kerana ini adalah perkara serius yang akan memberi satu persepsi yang kurang baik tentang Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kalau Yang Berhormat ada saya minta dengan hormatnya mengemukakan bukti, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan Yang Berhormat Sungai Aceh. YB. Sungai Aceh perkara yang sama pernah saya sebutkan apabila saya menyatakan tentang permohonan borang perumahan kos rendah penggal yang lepas, tapi dinafikan oleh YB. Datok Keramat, sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Speaker, benda ini berlaku mungkin diluar pengetahuan Ahli Yang Berhormat semua, mungkin perkara ini di bawahan pegawai sana, so saya minta ini, ini berlaku di Sungai Aceh kita bukan mereka cerita ini mungkin dimaklumkan kepada semua petugas-petugas di pejabat masing-masing supaya jangan ada sikap yang sebegini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya amat setuju sekalilah dengan pandangan Pulau Betong mengenai perkara ini sebab bagi kawasan saya pun saya ingin menyatakan bahawa saya mendapat aduan begitu juga di mana seperti yang dikatakan oleh Sungai Aceh tadi nampaknya saya tak nak menuduh tetapi ini adalah perbualan atau pun cakap-cakap di bawah



untuk menjadi pekerja atau pun *staff* MPSP, saya cakap pasal MPSP disebabkan kawasan saya di bawah kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai, katanya seolah-olah sekiranya tidak menjadi Ahli PKR, peluang untuk dilantik dalam jawatan amat tipis sekali atau pun mungkin tidak ada peluang langsung ini perbualan di bawah sebenarnya dan mungkin seperti diminta oleh YB. Seri Delima tadi bukti memang susah kita nak buktikan tapi ini adalah cakap-cakap di bawah dan saya amat setuju sekalilah dengan Pulau Betong apabila beliau menyuarakan mungkin peringkat atasan tidak tahu perkara ini tetapi perkara-perkara ini berlaku di bawah dan menjadi satu perbualan di kalangan penduduk-penduduk setempat. Sekian.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri selaras dengan peruntukan Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya memohon supaya masa persidangan hari ini 12 Mei 2015 Selasa dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 12 Mei 2015 hari Selasa dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lebih suara bersetuju usul dipersetujui. Teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tak mahu gunakan peraturan, tapi nasihat saya tadi, kalau ia menyakitkan hati saya, kalau tidak ada bukti kita teruskan dengan topik lain kerana ini tuduhan yang serius saya tidak mahu menggunakan peraturan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dato' Timbalan Speaker seterusnya berkaitan dengan banjir. Disebutkan tadi macam-macam punca yang berlaku sama ada perparitan dan sebagainya itu menyebabkan banjir. Bagi parit, longkang yang telah pun berdaftar masa yang ada nama tentulah ia dapat diselenggarakan oleh agensi-agensi yang berkaitan. Tapi Dato'

Timbalan Speaker ada juga parit-parit yang wujud tanpa nama, yang tak ada pemilik dan tuan. Kadang-kadang ada agensi yang menjadi pak sanggup untuk membersihkan parit-parit ini yang sebahagian punca banjir juga datang dari parit-parit ini. Jadi saya pohon Dato' Timbalan Speaker agensi berkenaan dari pihak tertentu supaya memandang serius mendapat maklumat terperinci parit-parit yang wujud sama ada dalam kampung, tepi jalan atau luar kampung, sebelum ini mungkin kita tidak perhati, kita kena ambil daftar dan serah kepada agensi tertentu untuk membantu. Sebab kadang-kadang bila saya minta tolong agensi dia tak ada peruntukan khusus kerana parit ini tidak dimasukkan ke dalam senarai untuk pembersihan.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkaitan dengan Jawatankuasa Mendengar Bantahan, tak silap saya Yang Berhormat Datok Keramat hari itu sebut atau Yang Berhormat Padang Kota sebut jadi sudah tentulah ada bantahan yang ditolak dan ada yang diterima dan ada yang diterima. Tetapi ada atas alasan apakah ianya ditolak? Dan atas alasan apa pula ianya diterima? Saya nak rujuk sebagai contoh pembinaan stesyen minyak yang pernah saya bawa dulu di hadapan Taman Pekaka itu sama ada ianya dirujuk kepada jiran atau tidak dan ada bahan tahan atau tidak? Dan kalau ada bantahan, terima atau tidak? Kemudian berkaitan dengan *billboard* kekal saya ada buat soalan di sini *billboard* kekal untuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan *committee* negeri adakah perlu pelesenan untuk *billboard* ini? Saya minta rakan-rakan pembangkang ambil perhatian. Jawabannya:

“Berdasarkan Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001 dan Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000 dan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar di Negeri Pulau Pinang semua cadangan untuk sebelum didirikan semua cadangan untuk pemasangan *free standing billboard* perlu mendapatkan lesen iklan sebelum didirikan termasuk oleh JKR, pengecualian hanya diberikan kepada *billboard* sementara iaitu bersaiz kecil dengan ukuran 12 kaki x 8 kaki atau pun 10 kaki x 9.6 inci yang tidak berunsur komersial, contohnya *billboard* yang memaparkan program Kerajaan Negeri.”

Dato' Timbalan Speaker, kalau *billboard* yang nak paparkan program Kerajaan Negeri dikecualikan. Bagaimana pula *billboard* yang kami dirikan untuk memaparkan program Kerajaan Pusat? Bolehkah ianya dikecualikan? Sebelum ini saya pernah memberi teguran sebab sebagai contoh *banner-banner* yang kita pasang, yang hak kami punya selalu cepat dibuang katanya kena ambil lesen. Ambil lesen pun kena terbang, tapi sahabat-sahabat kekal sehingga musimnya selesai. Jadi saya pohon pertimbangan sewajarnya sebab tadi saya dah bagi salam C.A.T “Cekap, Akauntabiliti dan Telus.” C.A.T Melayu lah Yang Berhormat Batu Maung. Saya tak kata *sound* kucing saya kecil hati kawan-kawan. C.A.T peraturan saya kena pula.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebelum Yang Berhormat beralih isu lain setujukah Yang Berhormat meminta Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya *banner-banner* perayaan contohnya Chinese New Year, Christmas New Year, Hari Raya dan sebagainya diberi pengecualian dan dibiarkan digantung dalam tempoh masa tertentu dan selesai perayaan, *because* ini adalah ucapan daripada pemimpin kepada rakyat tanpa mengira parti sempena hari perayaan, jadi saya minta dipertimbangkan supaya *banner-banner* ini dibenarkan diletakkan dalam tempoh tertentu bukan kita letak satu (1) hari pasang langsung ditarik turun dan saya rasa ini membazirkan wang pada hal kita hendak merayakan sesuatu perayaan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong saya yakin pihak Kerajaan Negeri setuju sebab apa takkanlah kita nak pasang *banner* itu pun nak kena bayar cukai. Mereka dah menentang GST yang itu pun mereka nak kebas lagikah? Jadi eloklah semangat keharmonian ini.

Dato' Timbalan Speaker...(gangguan), anakanda gelak pasal apa. Dato' Timbalan Speaker Pelan Tempatan SPS di peringkat kajian. Yang ini Yang Berhormat Datok Keramat beritahu hari itu, cuma saya nak buat soalan, supaya anak buah saya di luar dengar, saya bertanya kenapa lewat? Sebab bila berlaku kelewatan menyebabkan pembangunan wujud tidak terancam, di merata dia dah berlaku di tempat saya ini. Kawasan bendang saya dah pun naik bangunan. Perlingkungan semula Yang Berhormat Datok Keramat kata lebih kurang sebarang permohonan akan di rujuk kepada Jabatan Teknikal contohnya pertanian, dan lain-lain jabatan berkaitan. Lepas itu akan rujuk pula kepada Yang Berhormat khas kawasan. Sepanjang yang saya tahu Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebagai wakil rakyat tak pernah dirujuk dan *rezoning* telah berlaku di kawasan saya dah buat rumah, tak rujuk. Dan bila saya bercakap dengan Jabatan Teknikal tertentu ada jabatan contohnya saya pinjam, Jabatan Pertanian dia tidak sokong, tak sokong sebab dia tahu bendang itu penting padi, beras makanan utama kita walaupun kita mengeksport ke luar negara beberapa *percent* dan kita nak kekalkan banyak padi dan bendang.

*Sorry import, sorry, dia import* jadi yang ini semua di bawah (SPC) *State Planning Committee* dulu juga mana ada satu kuasa lain saya nak cabar anakanda Ahli Kawasan Seberang Jaya sebagai EXCO Pertanian kita nak membela nasib orang luar bandar. Petani yang buat bendang nak bagi kita makan yang kita besar termasuk Yang Berhormat Seberang Jaya besar pun kerana makan nasi makanan utama, tunjukkan kuasa yang ada, yang ini Dato' Timbalan Speaker kata mengapa saya ini malam penamaan calon sebelah Pakatan, anak saya buka *you tube* dia buka-buka. Dato' ini, wan, ini ayah siapa dia hebat dia jadi juru acara, tengok-tengok anakandaku Yang Berhormat Seberang Jaya fizikal dia hebat, saya dok ingat dia nak jadi calon sama. Jadi saya pun nak bercakap, cara bercakap hebat. Anak saya dan cucu saya pun kata hebat, memang hebat tapi sayang dia tak dipilih menjadi calon. Buktikan kehebatan Seberang Jaya, bela habis-habiskan jangan benarkan *rezoning* di kawasan bendang, kalau berlaku juga sayang seribu kali sayang. Ulaslah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Ada soalan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ulaslah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Soalan ini sikit.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ulas soalan kepada saya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Boleh saya tahu tanah lot berapa? Yang Berhormat Sungai Aceh bangkitkan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Sungai Aceh, saya tertarik dengan perbincangan yang dibawa oleh Sungai Aceh sebenarnya. Pada penggal yang lepas ketika itu Dato' Speaker adalah EXCO Pertanian, dalam satu kes di Balik Pulau di mana sekeping tanah di tepi Jalan Besar di Sungai Nipah telah ada permohonan untuk tukar, keluarkan daripada gazet pengairan ditukar kepada hendak membuat kandang kambing. Tak sampai 10,000 kaki persegi, saya rasa itu tak logik kerana tepi jalan yang kecil nak buat kandang kambing.

Laporan tak salah saya daripada Jabatan Pertanian tidak membenarkan dengan JPS tetapi keputusan dibuat untuk diberi kelonggaran ini dan dibiarkan, hari ini saya dapati bangunan struktur di situ bukanlah untuk saya rasa bukan untuk kandang kambing. Sebab tiangnya tiang besi bumbungnya metal dan bumbungnya setinggi 20 kaki.

So, ini contoh-contoh bahawasanya mereka menggunakan *connection* yang ada saya rasa untuk mendapatkan kelulusan dan ditambah dengan tanah bendang itu dan ditukar untuk kegunaan yang lain. Benda ini akan membuat *precedence* untuk kes yang lain. Baru-baru ini juga di Kampung Perlis juga ada usaha untuk menambun tanah sawah dan cepat-cepat kita pergi tahan supaya jangan menambun kerana tak ada kelulusan, tapi ini yang berlaku kerana ada yang mula buat dibenarkan, orang lain pun akan ikut. Sebab itu penguatkuasaan haruslah mengambil kira pandangan teknikal jabatan-jabatan berwajib berkaitan dengan satu perkara itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong. Dato' Timbalan Speaker, Lot Dato' Timbalan Speaker, kita buat soalan berbulan-bulan jabatan cari ini saya pentadbir pun nak tanya masa sekarang nak jawab macam mana. Setakat ubat panadol saya boleh jawab sekarang.....(gangguan), ya, boleh, boleh. Tak bagi, tak bagilah, tak apalah saya akan cari, lama lagi nak jadi EXCO, bukan hari ini nak jadi EXCO kalau hari ini saya jawab sekaranglah. Dato' Timbalan Speaker, ini fasal anakanda saya jugalah ikan mati teruk di Sungai Kerian. Dato' Timbalan Speaker tahukan ini berlaku di Sungai Kerian. Jadi saya pun bertanya lebih kurang apa tindakan? Lepas itu jawapan kejadian ikan mati di Sungai Kerian Ampang Jajar di SPS berlaku 19 Mac 2005 dan hanya melibatkan ikan duri, melibatkan ikan duri, bukan tandoori. Jawi tak taukah?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Tahu.

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Jawi, kelip-kelip sungai ni jugak. Sungai ni la kelip-kelip. Tau? Bagus. Jadi, kejadian ikan mati Sungai Kerian berlaku pada 19 dan hanya melibatkan ikan duri. Jabatan Alam Sekitar, Jabatan SPS dan Jabatan Perikanan telah membuat pemeriksaan di tapak pada 20 haribulan dengan mengambil *sample* air dan ikan mati. *sample* telah di hantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan masih belum menerima maklumat. Tak terima maklumat lagi. Tapi kesian Dato' Timbalan Speaker, yang ini nelayan sungai. Nelayan sungai ini ada banyak. Ada yang *full*, ada yang tak penuh, yang tak penuh contoh yang kerja buruh. Ahli Kawasan Pantai Jerejak? Bumiputera yang kerja buruh, petang-petang pergi mengail udang galah, bila jadi macam ni kurang lah sikit pendapatan. Jadi elok dah sama ada Seberang Jaya atau Pantai Jerejak atau Batu Maung bantu sikit la nelayan kita. Bila ada ikan mati itu, kurang lah pendapatan sikit. Buat lah kajian, dapat maklumat berapa nelayan terlibat di kawasan tu, lepas itu bagilah sumbangan, tak akan nak cerita dalam Dewan bagi takat pukut berapa kali itu sahaja. Yang Kerajaan Pusat nak bayar RM300.00 sebulan. Tolong pertimbangkan.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Adakah Sungai Aceh sedar masalah ikan mati ini bukan sekadar kematian ikan sahaja? Kerana kalau berlaku kejadian macam itu, perlu dibuat analisa, perlu disiasat punca kejadian itu dan kemungkinan besar kita tak tahu dan perlu di siasat, ada bahan-bahan toksik yang menyebabkan ikan itu mati dan bahan-bahan ini bukan sahaja membahayakan ikan tetapi juga membahayakan manusia. Siapa-siapa sajalah yang menggunakan air dan air menjadi sumber air kepada kita semua. Jadi, pihak-pihak yang menyebabkan masalah ini perlulah diambil tindakan dan perlu diawasi untuk memastikan bahawa perkara ini tidak akan berulang dan menyebabkan masalah yang lebih besar kepada rakyat di kawasan itu.

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dato' Timbalan Speaker, saya cuba nak olah sikit, ada kemungkinan Seberang Jaya, ada kemungkinan. Saya tidak menuduh, ada kemungkinan. Sebagaimana disebut oleh Telok Ayer Tawar sebab di kawasan tu ada kilang-kilang juga. Saya tidak menuduh tetapi ada kemungkinan. Jadi tak payah tunggu lama sangat keputusan, so kita lihat sama ada industri di kawasan itu dia terlepas. Saya tidak tuduh tapi kena sebut ada kilang-kilang di kawasan itu, tolong ambil perhatian.

Dato' Timbalan Speaker, saya nak rujuk ucapan bajet 2014 pada 29 November... (gangguan), tak apalah muka surat 14 dalam ucapan bajet Ahli Kawasan Air Putih, dia sebut lebih kurang macam ini lah:

No. 30: Kerajaan Negeri bercadang menganjurkan Tahun Melawat Pulau Pinang 2015 - 2017. Ini memerlukan perancangan teratur dan pelaburan besar dalam infrastruktur asas untuk mewujudkan produk baru, acara baru dan pengalaman yang kekal abadi dalam minda pelancong. Demi memastikan bahawa produk dan acara di Pulau Pinang ini mesti bertaraf antarabangsa, maka Kerajaan Negeri bercadang untuk mengenakan *levi* RM2.00 bagi setiap malam di bilik penginapan di hotel yang bertaraf satu (1) hingga tiga (3) bintang manakala *levi* RM5.00 akan dikenakan bagi bilik hotel yang bertaraf empat (4) bintang dan ke atas. Apa yang saya rasa pelik, saya tak faham bila soalan saya bertanya berkaitan ini, jawapannya, pelaksanaan kutipan fi kerajaan tempatan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.”

Bezakah yang ni? Yang dibentang hari itu yang mana? Yang kena ini yang mana? Saya tak faham dari segi undang-undang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang bentang *levi*, yang kena fi.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Jadi susah ni. Kalaulah kata yang bentang *levi*, yang kena fi, maknanya sekali lagi Ahli Kawasan Air Putih tersilap sebut. Bila tersilap sebut seolah-olah tidak menghormati Dewan yang mulia ini. Ayat itu saya kata. Dari segi undang-undang. Mungkin la lepas rujuk-rujuk, rujuk kat pakar undang-undang kata silap. Tak tahulah, saya agak lah. Jadi, *confuse* ni. Saya pun dok habaq, woi hangpa kena pi hotel kena bayaq *levi*. Dak Dato', kami pi depa tulis fi. Dia dah pamer kertas tu, fi. *Pronounce* dia betul ka? fi..f.i., *levi* tapi ada "i" dihujungnya. Ni yang kata cekap, yang saya dok saran cat-cat ini. Ini pakar bahasa Professor, tolong nasihat undang-undang tak apalah. Jadi yang inilah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Adalah, boleh.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya mungkin salah tetapi saya minta pencerahan daripada Kerajaan Negeri. Setahu saya, kutipan *levi* bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadi kalau *levi* lah yang dikutipkan seperti mana yang dikata di dalam ucapan bajet, itu telah menyalahi undang-undang kerana perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat kelulusan kutipan *levi* dan kalau telah dikenakan *levi*, maka ianya telah menyalahi undang-undang Persekutuan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Timbalan Speaker. Isu tanah kerajaan atau tanah tumpangan sementara. Saya difahamkan dalam Pulau Pinang ini yang dapat *Temporary Occupation Licence (TOL)*, dalam Bahasa Melayunya Lesen Pendudukan Sementara (LPS). Ada juga yang duduk atas tanah kerajaan yang tidak berlesen. Tapi saya nak cakap yang dapat lesen, yang dapat lesen, dia tak ikut peraturan Seksyen 425(1)(a)(b) Kanun Tanah Negara:

"Berbunyi mana-mana orang yang tanpa wibawa yang sah menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau perlombongan atau membersihkan, membajak, menggali, mengepungi atau menanam mana-mana tanah sedemikian atau sebahagian darinya, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh jika disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000 atau penjara untuk satu (1) tempoh yang tidak melebihi setahun atau kedua-duanya

sekali. Seksyen 426(a) Kanun Tanah Negara juga memberi kuasa kepada Pegawai Tanah tanpa waran boleh menangkap sesiapa yang didapati melakukan atau cuba melakukan kesalahan tersebut.”

Jadi haraplah, Dato' Timbalan Speaker, ambil tindakan, sebab saya difahamkan ada juga mereka-mereka yang telah dapat lesen tidak ikut peraturan. Contoh, ini tidak betul, contoh, kalau kata suruh buat kediaman dia buat kilang. Kalau suruh buat kilang, lebih kurang begitulah. Jadi, tolonglah. Ini bukan sebut di tempat saya, ini secara keseluruhan. Mereka bercakap soal itu pasal depa pun tau saya reti sikit sebanyak pasal tanah sebab dulu dok kerja pejabat tanah. Jadi saya nak kena bagi tahulah.

Seterusnya Dato' Timbalan Speaker, berkaitan bantuan bina rumah urus zakat. Terima kasih urus zakat yang sentiasa membantu. Lazimnya, pemberian bantuan untuk membina rumah ini kita bagi mengikut asnaf. Betul tak Dato' Timbalan Speaker? Makna bahasa mudah, miskinlah, miskin, miskin tegar. Jadi, kita dah bagi kepada orang miskin, kita buat rumah. Bila mai nak masuk air, nak masuk elektrik, kena bayar sendiri. Bukan *wiring* dalam rumah, di luar. Kena bayar sendiri. Jadi depa mai jumpa wakil rakyat. Takdak masalah lah, tapi nak sampai mesej, kita dah bagi kepada orang miskin, kita bagilah betul-betul, pasal apa penutup nak bagi dia susah? Bukan sikit. Ada 2,000 3,000. Saya pi tanya dah. Hari itu ada saya pergi buat kutipan, tapi kalau boleh Urus Zakat pertimbangkan, kita bagi seterusnya.

Contohnya TNB, saya rasa TNB pun dia ada bayar zakat kan? Ada? Bayar pun. PBA ada bayar zakat tak? Siapa pun tak mengaku pasal apa, bayar kut, Dato' SUK sudah anggu, saya tahu. PBA bayar zakat tak?, tak tahu, tak apa, ini pandangan, bagi YB. Malek sebut. Jadi, apa salahnya bila TNB dah bayar zakat, bagilah sikit peruntukan itu duit pasang lampu, untuk pasang elektrik. Macam PPK bayar zakat, zakat bagi kepada duit PPK untuk bayar kepada ahli dia. Dia kena ada macam itulah. Ini berlaku di Terengganu. Terengganu buat macam tu, di Terengganu, Tenaga Nasional buat macam itu. Tak apa kalau tak mahu bagi pun, gunakan yang urus zakat terima daripada zakat-zakat tadi. Nak tolong orang miskin, tolong sungguh-sungguh, orang ini kalau lepas itu dia tak akan cari, dia tak boleh cari? Dia tak boleh cari itu, kita tak boleh buat. Jadi mintaklah pertimbangkan benda ini. Satu lagi Dato' Timbalan Speaker, OSC (*One Stop Center*). Yang ini ada agensi-agensi Kerajaan dia minta, kalau boleh dapat kelulusan kepada mereka, kelulusan utiliti ini diberi serentak. Contoh, hari ini dia bagi paip air masuk, baru lulus sedangkan kerajaan ada perancangan masa depan, dia tak boleh masuk lagi. Dalam mesyuarat *one stop* itu, terus bagi kebenaran api masuk, air masuk, Telekom masuk. Jangan kita tunggu baru kita nak buat, ini esok nak korek. Ini berlaku yang lama-lamalah, sekarang saya tak tahu, kalau dulu bila nak, sat ini Telekom masuk, korek jalan, tutup. Lepas dua (2), tiga (3) hari air pula nak masuk, korek, tutup, pembaziran berlaku. Jadi kalau dapat diselaraskan dalam mesyuarat OSC.

Dato' Timbalan Speaker, terima kasih saya dapat jawapan daripada Kerajaan Negeri peruntukan Kerajaan Negeri dalam KADUN, banyak dapat. JKR, Pertanian, Pejabat Daerah, buat jalan banyak. Tapi saya yakinlah. Akan di *confirm* oleh oleh Bagan, Jermal kalau penyelenggaraan jalan ni banyak banyak dapat duit *federal* juga melalui MARRIS, hari dah khabar dah berapa juta, terima kasih walaupun bila saya tanya kata depa buat tidak mengapalah, tetapi kena khabar jugalah duit kerajaan Pusat satni depa tak tahu tadak marah tidak mengapa begitulah.

Okey Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang saya nak timbulkan sekarang, boleh tak diselaraskan sebab contohnya, saya dah mintak buat Jalan A, tak lama lagi agensi lain datang nak buat jalan itu juga, dalam itu ada nama Chenaam contohnya saya pun nak buat Chenaam juga satu pembaziran. Apa salahnya mailah kita bincang walaupun kita berlainan tapi nak buat pembangunan dah tak kira, kita buat elok-elok, kan elok kalau saya buat Chenaam, lulus pulak Chenaam pindah pula pergi tang lain, ubah tajuk, banyak kawasan boleh untung banyak termasuk juga pembaikan rumah, dulu saya dok ingat sat lagi Pantai Jerejak sensitif pula nak cerita. Sungai Pinang asam putih sudah sesuai, yang itu Kerajaan Pusat buat di bawah Ocean apa itu, *Blue Ocean* di Kerajaan Pusat, MPPP buat, Dato' Pantai Jerejak tidak pergi pun, Yang Berhormat Pantai Jerejak pergi pada malam nak pergi perbaik, niat tak perbaik tapi Kerajaan Pusat buat, mati dah kesian dekat dia. Ini hendak cerita Pantai Pinang, saya pun mintak nak buat peruntukan saya tahu yang Pantai Pinang kalau ikut memang *totally* adik beradik saya, memang dia berat belah sana sikit, adik beradik saya, tapi saya mintak nak buat, dia kata saya pun lulus, Dato' rakan saya daripada dia nak buat, nasib baik dia dulu, buat nasib baik dia mai beritahu, saya kata silakan buat, saya boleh pindah di lain. Jadi kita selarastah walaupun kami tidak dibenar masuk di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, di luar itu datanglah jumpa semua kawan-kawan, dapat diterima secara adil dan saksama, semuanya bayar cukai tidak depa sebut membazir. Itulah harapan kita.

Yang Berhormat Dato Speaker. Yang pengabis sekali hilanglah, yang ni nombor, ini pasai *no* plat PENANG pasal di Hong Kong kereta Hong Kong...(tunjuk gambar), kereta di Hong Kong guna plat Penang, tapi di sini kena ambil plat Penang tak boleh. Jawapan ini apa nama, ada tulis .....(gangguan), (tunjuk gambar), dia di sini plat Penang tidak dibenarkan guna, tapi Pulau Betong ada tanya:

“Apakah penggunaan plat kereta Penang di Hong Kong mendapat kebenaran Kerajaan Negeri. Buktikan siapakah pemilik kereta tersebut?” Jawabannya:

“Setelah semakan dibuat Kerajaan Negeri tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak untuk menggunakan plat kereta Penang di Hong Kong, malah pengeluaran nombor pendaftaran kenderaan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan tidak berkait langsung dengan Kerajaan Negeri.” .... (gangguan), depa ganggu saya ada peraturan tak? Depa tidak menghayati saya bercakap,...(gangguan). Malah pengeluaran nombor kenderaan berkenaan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan dan tidak berkait langsung dengan Kerajaan Negeri, keputusan membenarkan mengguna nombor plat di Hong Kong adalah tertakluk kepada peraturan negara ini. Tidak begini sebab Air Putih ada sama, macam mana kata tidak ada kaitan dengan Kerajaan Negeri. Ini Yang Berhormat Jawi nak tengok? Penang di Hong Kong. Kalau Yang Berhormat nak boleh, boleh saya *recommence*.... (ketawa). Jawi bolehlah ...(gangguan). Soalan bagus juga. Kenapa Ahli Kawasan Air Putih ada di sini? Tak apalah jawablah sekejap lagi bagitahu sajalah, kereta pun cantik, kereta lain kot dia bawa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan dalam gambar itu siapa yang ada Sungai Aceh, saya tidak dengar.



**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Air Putih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okey, saya nak minta penjelasan mungkinkah kereta itu disediakan khas oleh Kerajaan Hong Kong bagi orang-orang yang melawat bagi tujuan tersebut. Saya cuma begitu bagi tujuan itu kot, saya cuma ingin memberi penjelasan sahaja, jangan membuat salah tanggapan, mungkin menjemput persepsi yang tidak baik, mungkin di sediakan oleh Kerajaan Hong Kong khas bagi Ketua Menteri ataupun ini kena rujuk balik kepada Kementerian Pengangkutan Hong Kong. Terima Kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tak apalah saya buat soalan, saya bukan tuduh, dia Yang Berhormat Seri Delima ini, kawan baik saya, tadi di wakil Padang Kota, ini dia wakil Air Putih, layak, memang layaklah lepas ini bukan takat EXCO itu, Ketua Menteri pun dia layak. Dia boleh jawab semua, terima kasih....(ketawa).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah satu (1) jam.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Okey, dah satu jam dah, akhir sekali akhir kata Kerajaan Negeri memang prihatin kepada warga emas, sebab dalam ucapan T.Y.T. pun, ada sebut peruntukan RM28 juta untuk bantuan sosial, dia bubuh warga emas dulu, baru OKU, baru anak emas, cucu emas apa semuanya, anak tiri emas semua ada. Terima kasih saya cukup gembira, tapi Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya *frust*, kefrusatan yang teramat sangat dan terlalu dukacita, saya warga emas seolah-olah telah dihina dan dipersenda, saya warga emas seolah-olah telah dihina dan dipersenda, Wahai Yang Berhormat Pulau Jerjak, semalam kau berkata bukan? ...(gangguan), wahai Yang Berhormat Pengkalan Kota semalam kau berkata kepada aku, aku adalah warga emas ....(gangguan), tak apalah engkau berkata atau tidak, katalah, katalah buka hansard sebentar lagi, tak apa saya tak marah, saya bukan marah, saya tak marah, saya dukacita yang pertama Yang Berhormat Padang Lalang dah puji saya, Yang Berhormat Berapit dah puji saya, Air Itam pun puji, saya punya rambut cantik *handsome*.... (ketawa), dia tanya saya umur berapa saya kata 67 tahun, oh ingat macam 47 tahun, yang tidak terima saya sahabat saya Dato' Roslan, dia kata macam Myanmar. Tadi puji, okey ....(ketawa). yang paling dukacita Yang Amat Berhormat Timbalan Dat'o Speaker, sebelum saya tutup. Pada 11.02.05 kemarin lebih kurang pada jam 10.05 minit saya sedang bercakap dalam Dewan yang mulia ini lampu elektrik padam dan Yang Berhormat Dato' Speaker tangguh persidangan dan itulah yang paling saya dukacita. Sekian terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Mohon menyokong. Seterusnya ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ya, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Salam sejahtera dan salam reformasi saya ucapkan saya ucapkan kepada semua dan terima kasih kepada Dato' Timbalan Yang di-Pertua Timbalan kerana memberikan peluang kepada saya bagi turut serta dalam sesi perbahasan usul terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana berkenaan kerana membenarkan kepada Dewan ini pada Khamis lalu. Saya di sini ini terlebih dahulu ingin mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada golongan ibu yang sentiasa berkorban untuk anak-anak. Pertama sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pengundi Permatang Pauh atas kebijaksanaan mereka dalam terus memberi mandat kepada Parti Keadilan Rakyat dalam pilihan raya dalam pilihan raya kecil yang berlangsung pada Khamis lalu. Kemenangan ini menunjukkan rakyat dahaga dan inginkan keadilan dalam semua aspek terutamanya dalam pentadbiran Kerajaan. Dengan ini saya ingin melihat tengok pentadbiran Kerajaan Negeri yang telah diterajui oleh Pakatan Rakyat ini kita tidak haruslah berasa selesa dan leka, ingatlah ini adalah hakikat bahawa prestasi pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat mendapat pujian dan pengiktirafan Ketua Audit Negara, walau bagaimanapun kita harus bekerja dengan lebih kuat lagi bagi mengekalkan prestasi cemerlang ini saya percaya kita tahu mengekalkan prestasi cemerlang untuk satu tempoh yang lebih lama adalah lebih mencabar daripada kita mencapai untuk kali pertama.

Dalam ucapan perasmiaan Tun Yang Terutama tempoh hari telah menyentuh tentang perlunya satu bangunan Dewan Undangan Negeri yang baharu dengan mengambil kira pertambahan kerusi Dewan Undangan Negeri pada masa yang akan datang, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi beberapa cadangan berkenaan dengan bangunan Dewan Undangan Negeri yang baharu tersebut. Berdasarkan pengalaman bersidang dalam bangunan DUN yang sedia ada di sini, saya berharap untuk bangunan DUN terutamanya Dewan sidang itu dilengkapi dengan skrin besar dan juga projektor, untuk tujuan penyampaian maklumat yang berkesan dan juga boleh meningkatkan mutu perbahasan Ahli-ahli Dewan. Sebagai contoh sebagai pengalaman saya hendak mengemukakan soalan sama ada dia mendapat soalan lisan atau jawapan bertulis, saya kena fikir kalau jawapan tersebut dalam bentuk carta, bentuk jadual itu, saya terpaksa menghantar soalan tersebut untuk mendapatkan jawapan secara bertulis, kerana kalau kita minta jawapan lisan kita akan dapat saya akan dibekalkan seperti dalam lampiran itu sahaja. Jadi kalau ada skrin kita boleh paparkan terus paparkan dalam skrin dan dia juga boleh memberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan yang lain untuk menanyakan soalan tambahan, itulah tujuan dan tambahan lagi pula semasa ucapan bajet ataupun ucapan perasmian Tun yang pertama itu, *point-point* atau isi kandungan yang penting itu kita boleh paparkan dalam skrin projektor tersebut supaya untuk manfaat semua-semua orang termasuklah Ahli-ahli Dewan dan juga para pekerja dan kakitangan kerajaan dan juga para media, para wartawan, mereka boleh dapatlah maklumat-maklumat itu serta merta dan bukan tunggu sehingga penghujung ucapan tersebut.

Selain itu saya juga ingin mencadangkan agar dalam bangunan Dewan Undangan Negeri yang baharu tersebut dapatlah menyediakan ruang kerja yang dilengkapi dengan peralatan pejabat supaya memudahkan Ahli-ahli Dewan membuat kerja terutamanya semasa sidang DUN ini dilangsungkan dan juga saya ingin mencadangkan agar dengan perpustakaan yang lengkap dengan pelbagai bahan rujukan agar dia dijadikan satu (1) Pusat Sumber bukan sahaja kepada Ahli-ahli Dewan dan juga menjadi pusat sumber kepada para penyelidik, mahasiswa-mahasiswa dan juga pertubuhan bukan kerajaan. Perpustakaan yang sedia ada di dalam bangunan ini kurang, saya nampak jarang digunakan oleh mana-mana pihak mungkin kerana kurang bahan rujukan dan sebagainya dan itulah saya berharap dalam bangunan DUN yang baharu itu perpustakaan itu boleh dilengkapi dengan lebih banyak lagi bahan rujukan. Saya berharap bangunan DUN yang baharu itu bukan kita pentingkan dia mewah ataupun cantik dari segi luaran, tetapi yang penting tu dia adalah satu bangunan DUN yang dapat kita bangga sebagai untuk memainkan peranannya sebagai institusi pengubah undang-undang tertinggi di Negeri Pulau Pinang ini.

Seterusnya saya ingin membawa isu infrastruktur, terutamanya penaiktarafan jalan-jalan utama untuk perhatian Dewan dan juga mendapat tindakan segera Kerajaan Negeri. Dalam sidang DUN yang lepas saya juga pernah membangkitkan isu penaiktarafan dua (2) jalan utama iaitu Jalan Negeri nombor P176 iaitu Jalan Juru bermula dari simpang Jalan Persekutuan 1 ke persimpangan 4 laluan persimpangan lampu isyarat laluan Juru. Jalan Kedua adalah Jalan Negeri nombor P 183 Jalan Kebun Baharu Juru bermula dari Simpang Empat lampu isyarat Ladang Juru tersebut sehingga ke tapak utara Taman Sains Pulau Pinang yang boleh menyambung ke Taman Sains Pulau Pinang dan seterusnya ke Jambatan Kedua Pulau Pinang. Keadaan lalu lintas di kedua-dua jalan sekarang ini sememangnya agak sesak dan banyak kenderaan-kenderaan menggunakan kedua-dua jalan tersebut kerana kedua-dua jalan tersebut adalah jalan utama yang menghubungkan banyak taman perumahan dan juga kawasan perindustrian, sama ada kawasan perindustrian berat ataupun kawasan perindustrian sederhana ringan dan yang lebih penting itu ialah jalan-jalan kedua-dua jalan tersebut dapat menghubungkan kedua-dua kawasan itu kepada kawasan lain boleh menghubungkan kepada Butterworth, Bukit Mertajam, Nibong Tebal serta juga boleh ke Kawasan Perindustrian Perai dan sebagainya.

Berhubung dengan ini saya pernah menulis surat kepada Yang Berhormat Kawasan Bagan Jermal dan saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Bagan Jermal telah mengarahkan pihak JKR meneliti cadangan penaiktarafan kedua-dua jalan tersebut dan di sini ingin menyeru tindakan meneliti cadangan tersebut dapat dipercepatkan kerana sememangnya keadaan lalu lintas tersebut adalah cukup sesak dan dapatlah kerja-kerja penaiktarafan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Selain itu saya difahamkan bahawa peruntukan telah disediakan untuk kerja-kerja melaksanakan projek penaiktarafan Jalan Tok Kangar, dan menurut jawapan kepada soalan saya fasa 1 kerja-kerja penaiktarafan tersebut iaitu fasa kerja-kerja membina jambatan sepanjang 205 meter dijangka bermula pertengahan September tahun ini dan dijangka juga tender akan dikeluarkan pada pertengahan bulan ini.

Berhubung dengan ini saya berharap agensi pelaksana projek ini iaitu PDC dapat memantau projek ini dengan lebih rapi dan lebih ketat lagi supaya kerja-kerja tersebut dapat dilakukan dengan jadual kerana Jalan Tok Kangar ini juga adalah merupakan sambungan jalan kepada dua (2) jalan yang saya sebutkan tadi dan Jalan Tok Kangar juga boleh menghubungkan kawasan tersebut kepada jambatan Pulau

Pinang dan juga Lebu Raya Utara-Selatan dan saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini dan juga tindakan segera Kerajaan Negeri iaitu pelebaran Jalan Nangka dengan meluluskan Jalan Nangka.

Untuk makluman Dewan ini di satu hujung Jalan Nangka tersebut projek jejantas yang menghubungkan Jalan Nangka ke Bandar PERDA sudah pun siap dan telah di buka kepada pengguna jalan raya, tetapi di satu hujung Jalan Nangka yang menyambungkan kepada Jalan Song Ban Keng keadaan jalan tersebut lebih kurang 300 - 400 meter daripada simpang Jalan Nangka yang menyambungkan Jalan Song Ban Keng keadaan jalan tersebut adalah berselekeh tajam, saya boleh cakap berselekeh tajam dan saya telah, ia dia cukup berbahaya kepada pengguna jalan raya pada waktu malam dan saya telah tulis surat kepada Kerajaan Negeri agar jalan tersebut dapat diluluskan dengan melebarkan bahagian jalan yang berselekeh tersebut dan saya telah dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah membuat anggaran kos yang melibatkan kerja, kos pengambilan balik tanah sebahagian tanah yang melibatkan lima (5) lot dan kos tersebut adalah lebih kurang hampir kepada RM7 juta dan juga dianggarkan bahawa kos kerja penaiktarafan adalah lebih kurang RM20 juta.

Dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan ataupun menyediakan peruntukan tersebut memandangkan dengan terbukanya jejantas yang merentasi jalan kereta api untuk menyambung ke bandar PERDA tersebut banyak kenderaan yang akan menggunakan Jalan Nangka itu untuk terus ke Jalan Song Ban Keng dan seterusnya ke Lebu Raya Utara Selatan dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan menyediakan peruntukan tersebut untuk melaksanakan projek pelebaran tersebut.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, dalam ucapan Tuan Yang Terutama tempoh hari juga menyentuh tentang Kerajaan Negeri dengan kerjasama Penang Sentral Sdn. Bhd. sedang dalam peringkat pertimbangan satu projek kabel yang menyambungkan bahagian Seberang Perai dengan bahagian Pulau yang kita kenali sebagai *Penang Sky Cab*. *Penang Sky Cab* ini dikatakan merupakan satu produk pelancongan yang boleh menjadi *mod* pengangkutan awam. Saya difahamkan bahawa *Penang Sky Cab* ini tidak terkandung dalam Pelan Induk Pengangkutan Negeri. Maka *Penang Sky Cab* ini tidak akan bersambung dengan jajaran LRT atau MRT yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Negeri. Di sini saya ingin merakamkan kerisauan saya terhadap cadangan kerta kabel *Penang Sky Cab* ini.

Bagi saya, projek ini kita perlulah memberi satu peranan yang lebih jelas. Sama ada dia ada satu produk pelancongan, ataupun dia dilaksanakan untuk bertujuan memainkan peranan sebagai *mod* pengangkutan awam yang merupakan alternatif kepada perkhidmatan dari sekarang. Kalau kita tengok memandangkan *Penang Sky Cab* ini tidaklah terkandung dalam Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang, maksudnya stesen dia di Seberang ataupun di Pulau, dia tidak bersambung dengan jajaran MRT atau LRT yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan tersebut, maka kalau kita naik *Penang Sky Cab* sampai ke bahagian Pulau, dia tiada sambungan pengangkutan-pengangkutan awam untuk membolehkan penumpang-penumpang tersebut terus ke destinasi yang mereka ingin tujukan.

Jadi saya amat risau sama ada projek ini dapat berfungsi sebagai satu *mod* pengangkutan awam yang menjadi alternatif kepada perkhidmatan feri yang sedia ada ini. Dan sekiranya kita melaksanakan projek *Penang Sky Cab* ini sebagai satu produk

pelacongan yang untuk menarik pelancong-pelancong datang ke Pulau Pinang, dengan melihat kos yang tinggi iaitu dianggarkan kos projek ini adalah di antara RM250 juta sehingga RM300 juta, bagi saya mungkin wang yang sebanyak tersebut boleh kita gunakan dalam produk-produk pelancongan yang lain ataupun kita boleh gunakan duit tersebut untuk kita memelihara kawasan warisan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Penjelasan. Cadangan projek *Sky Cab* ini adalah satu tindakan *midterm* yang kita sedang merancang terowong iaitu link ketiga. Dan kita sedang mendengar banyak teguran mengenai perkhidmatan feri yang tidak berkesan. Jadi *Sky Cab* ini boleh dilaksanakan untuk dua (2) tujuannya. Iaitu satu (1) untuk pelancongan dan satu (1) untuk pengangkutan awam. Dan perbelanjaan ini mungkin akan dibiayai oleh pihak swasta. Kerajaan Negeri cuma memberi kemudahan dan memberi mungkin tapak atau tanah untuk mereka mendarat dan jajarannya seperti yang diketahui adalah dari Penang Sentral untuk sampai ke Gat Lebuh Noordin di sebelah sini mungkin Kerajaan Negeri kena membeli tanah dan di sebelah Lebuh Sentral telah sedia ada projek Sentral itu. Jadi Yang Berhormat tidak perlu risau sangat mengenai perbelanjaan yang begitu besar yang perlu ditanggung oleh Kerajaan, itu bukan ya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Terima kasih atas penjelasan atas Yang Berhormat Bagan Jermal. Walau bagaimanapun, pendapat saya adalah walaupun ianya dibayar oleh pihak swasta, tetapi bagi saya pembiayaan tersebut, wang yang jumlah besar tersebut mungkin kita boleh pertimbangkan sekiranya sama ada kita yakin bahawa ia boleh menjadi mod pengangkutan awam yang berkesan. Sekiranya kita yakin mungkin kita boleh laburkan wang sebanyak tersebut. Kalau kita kurang yakin, bagi saya ia lebih sesuai untuk kita gunakan duit yang sebegitu banyak walaupun dia dibiayai oleh swasta untuk tujuan pemeliharaan kawasan warisan yang terbukti menjadi daya tarikan pelancong-pelancong asing ke Pulau Pinang ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit Yang Berhormat, mengenai isu ini. Saya cuma nak tanya pendapat Bagan Jermal apakah peluang pekerjaan yang akan diwujudkan jika *sky cab* ini mula beroperasi? Adakah kita berpeluang untuk melihat rakyat ataupun graduan-graduan daripada Pulau Pinang bukan sahaja menjawat jawatan-jawatan tapi juga untuk dilantik bekerja di dalam kerja-kerja seperti menyelaras, operasi, pembinaan, *maintenance*, dan sebagainya? Adakah peluang pekerjaan juga diwujudkan apabila *sky cab* ini mula beroperasi? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Dia tanya kepada Bagan Jermal, saya ingat Bagan Jermal nak jawab tak apa. Baik seterusnya Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya ingin membawa isu mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada Januari tahun ini. Menurut jawapan kepada soalan saya, setakat ini, sejak pelaksanaan Enakmen tersebut, cuma ada tujuh (7) permohonan di mana empat (4) permohonan telah diluluskan dan dibekalkan maklumat yang dipohon dan tiga (3) telah ditolak dan tiga (3) ditolak tersebut tiada sebarang rayuan dibuat. Saya masih ingat semasa Enakmen Kebebasan ini diluluskan dalam Dewan ini, ia diluluskan

sebagai semangat bahawa dengan adanya Enakmen Kebebasan Maklumat ini, orang ramai boleh mendapat maklumat pentadbiran ataupun maklumat berkenaan yang dipegang oleh orang yang lebih mudah supaya pentadbiran Kerajaan Negeri dilihat dengan lebih telus, kerana orang ramai boleh memperolehi maklumat dengan lebih mudah.

Dan saya ingin memohon agar Kerajaan Negeri dapat membuat lebih lagi banyak hebahan berkenaan dengan pelaksanaan Kebebasan Maklumat ini dan juga saya difahamkan oleh pemohon kepada maklumat tersebut bahawa semasa mereka membuat permohonan, banyak lagi juga kekeliruan terhadap mekanisme permohonan dan juga mekanisme rayuan. Malahan ada pemohon di mana permohonannya ditolak, dia cuba membuat rayuan tetapi mekanisme rayuan tersebut kurang jelas, kabur dan itulah pemohon tersebut tidak beringin untuk membuat rayuan dan saya berharaplah Kerajaan Negeri dapat memperbaiki bukan sahaja hebahan tetapi juga dihad sama ada mekanisme permohonan ataupun mekanisme rayuan itu dapat kita susunnya dengan lebih teratur supaya tujuan kita menggubalkan Enakmen ini dapat dicapai dan kalau tidak mekanisme yang tidak jelas menghalang pemohon untuk mendapat maklumat itu ....(dengan izin) dia akan *fit the purpose of their enactment*.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Bukit Tengah. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Enakmen Kebebasan Maklumat ini, tadi saya juga ingin bangkitkan isu. Setujukan YB. Bukit Tengah bahawa tentang yang permohonan sejak Enakmen ini dilaksanakan, memang saya nampak bilangan dia sangat kurang. Adakah ini adalah salah satu faktor kerana yuran yang dikutip itu adalah sangat tinggi dan melalui jawapan yang telah diberikan oleh EXCO dari Perai, memang dia kata setiap yuran tersebut akan dikaji semula setiap tahun. Tapi saya rasa bolehkan kita di sini juga menyeru juga supaya Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan yuran untuk memperolehi maklumat itu dapat dikurangkan dengan memudahkan dan tidak membebankan rakyat di Pulau Pinang untuk mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan. Setujukah untuk mengurangkan yuran tersebut?

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Saya masih ingat semasa saya sendiri menganggotai Jawatankuasa Pilihan dalam Enakmen ini, kita telah menyatakan bahawa dalam jawatankuasa tersebut sebarang yuran permohonan tersebut sekiranya boleh, ia merupakan satu yuran yang cukup minimum. Itulah saya kalau saya ingat ini adalah dinyatakan dalam laporan Jawatankuasa Pilihan tersebut. Dengan dan akhir sekali saya ingin menyatakan di sini bahawa rakyat jelata pada masa sekarang adalah lebih bijak dalam membuat pilihan. Mereka boleh memperolehi banyak maklumat dari pebagai sumber dan mereka inginkan satu Kerajaan yang telus, jujur dan bertanggungjawab. Dan kita haruslah sebagai wakil rakyat ataupun barisan pimpinan di negeri ini, kita haruslah sentiasa ingat tentang prinsip perjuangan semasa perjuangan demi rakyat ini dimulakan. Dan tidaklah kita terbawa-bawa dengan pencapaian dan juga kuasa yang kita ada sekarang. Dengan ini saya mohon menyokong.

## **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya KOMTAR.

## **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan ucapan perbahasan terima kasih kepada ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang telah diisytiharkan sebagai sebuah Bandaraya yang Ketiga Belas di Malaysia dan tahniah saya ucapkan kepada Datuk Bandar di atas penganugerahan sebagai Datuk Bandar Wanita Pertama di Negeri ini. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya, MBPP masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan. Jadi dengan status baharu, MBPP dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan pengurusan untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat negeri ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MBPP kerana telah menjalankan banyak projek infrastruktur seperti membina jalan, longkang dan juga kerja-kerja naik taraf pasar kompleks makanan. Akan tetapi, kebanyakan projek yang dirancang telah mengalami kelewatan. Sebagai contoh, Projek naik taraf Pasar Chowrasta, kelewatan sebanyak tiga (3) bulan. Projek Pusingan-U di Jalan Masjid Negeri, kelewatan lebih satu (1) tahun, dan baru-baru ini Ahli Majlis adalah Ong Ah Teong telah maklumkan melalui surat khabar bahawa Projek Membaikpulih Bangunan *Infirmery* di Jalan Sungai juga menghadapi kelewatan sebanyak tiga (3) bulan dan projek-projek yang lain. Selepas pengisytiharan status Bandaraya, rakyat mempunyai harapan yang lebih tinggi terhadap MBPP oleh itu, Datuk Bandaraya sebagai pemimpin Majlis Bandaraya harus memainkan peranan yang penting dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan MBPP.

Oleh yang demikian, Datuk Bandar digalakkan sering turun padang bersama Pengarah-Pengarah Jabatan untuk memantau projek-projek yang ditawarkan, mendengar suara akar umbi dan memahami masalah yang dihadapi oleh rakyat. Selain itu, saya turut mencadangkan Datuk Bandar mengadakan Mesyuarat *Town Hall* dengan menjemput rakyat jelata bersama untuk memberi pandangan dan cadangan mereka tentang pembangunan MBPP. Tambahan lagi saya turut berpendapat bahawa MBPP dapat mempergiatkan lagi usaha supaya *Penang Local Plan* yang sering dipersoalkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini sekalian dapat diwartakan secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang berkait dengan MBPP iaitu tindakan kapit roda dan tunda kereta. Tindakan ini telah dimulakan pada Jun 2011 dengan berhasrat menambahbaik kelancaran sistem lalu lintas di bahagian Pulau bagi mengurangkan masalah halangan dan gangguan kepada pergerakan lalu lintas. Sehubungan ini, MBPP akan bertindak mengapit roda dan menunda kenderaan tersebut selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 48, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2011). Selepas tindakan ini dilaksanakan selama hampir lima (5) tahun, saya telah menerima banyak aduan dan tuduhan daripada orang ramai. Objektif tindakan ini sudah terpesong dari maklumat asal. Sebagai contoh, Pegawai Penguatkuasa menunggu atau orang ramai berkata

bersembunyi di tepi jalan dan setelah mengenal pasti kenderaan diletak di tempat yang tidak dibenarkan, maka mereka bertindak dengan cepatnya untuk mengapit roda kenderaan tersebut. Terdapat juga tuduhan berkata pihak penguatkuasa bertindak sedemikian bagi memenuhi kuota mengapit kereta. Penguatkuasa juga bertindak secara selektif mengikut kemudahan sendiri mengapit kenderaan tanpa mengira situasi keperluan. Tindakan ini ditafsirkan sebagai *double standard*. Rakyat berasa mereka ditindas dengan tindakan ini. Secara tidak langsung, mencalar imej Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBPP.

Pada pandangan saya, tindakan mengapit dan tunda adalah satu polisi yang baik dengan objektif asalnya yang amat efektif. Akan tetapi mendengar rungutan rakyat mengenai SOP yang dilakukan tidak jelas dan tindakan Penguatkuasa yang mengapit dan tunda sewenang-wenangnya sehingga rakyat berkata memilih Pakatan Rakyat bererti memilih tindakan untuk mengapit dan tunda kereta. Selalunya saya berkata, jika orang ramai bertepuk tangan atas sesuatu tindakan mengapit roda atau tunda kenderaan, maka tindakan yang dilakukan itu tepat sekali. Sebaliknya jika orang di sekitar mengutuk dengan tindakan tersebut, malah kita harus mengkaji semula dan meninjau rungutan yang disuarakan oleh rakyat. Meletak kenderaan di luar petak yang disediakan oleh MBPP memang tidak dibenarkan. Akan tetapi tidak bermaksud harus menggunakan tindakan yang sama iaitu menunda kenderaan tersebut tanpa mengambil kira situasi sebenar tanpa perlu dikira merujuk kes yang berbeza. Sebenarnya bukan sahaja tunda dan kunci kita boleh isukan saman. Oleh yang demikian, saya memohon PBT merumuskan SOP yang jelas mengikut situasi sebagai panduan untuk tindakan mengapit dan tunda.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih. Saya berkongsi pandangan dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat. Saya telah membangkitkan situasi yang sama dalam sidang-sidang Dewan sebelum ini. Cumanya kebanyakan orang yang sebenarnya mendapat kesan adalah warga emas yang kemungkinan tidak dapat turun dan berjalan jarak yang jauh bagi membeli keperluan harian. Saya tinggalkan perkara itu kepada Yang Berhormat. Tapi saya merujuk kepada satu laporan dalam surat khabar *The Star The People's Paper* dengan tajuk *An Act Of Bad Faith Temple Blasts Council For Tearing Blasdown Fence At Night*. Dan kejadian ini berlaku di kawasan Yang Berhormat. *Penang Island City Council has come under fire for tearing down the fence of the iconic Goddess of Mercy Temple at night* (dengan izin) Timbalan Dato' Speaker, pada waktu malam. (Dengan izin) *temple board of trustee chairman Datuk Seri Khoo Keat Siew decried the council's failure to give the temple notice of the action*. Jadi memang ini memberi satu persepsi yang begitu negatif tentang Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan, supaya Dewan tidak terus dipesong dengan pandangan-pandangan yang berat sebelah sahaja. Walaupun *The People's Paper* kita pun ambil kesempatan, minta Seri Delima baca ulasan dari pihak Kerajaan supaya adil kepada dua (2) pihak. Jangan baca yang hentam Majlis sahaja. Jadi saya rasa kita banyak kali jelaskan mengapa penguatkuasaan diadakan pada pukul lapan (8) malam. Sebab Yang Berhormat mungkin tak perhatikan tempat ini memang dikunjungi ramai pada siang hari. Adakah Yang Berhormat mahu penguatkuasaan diambil pada pukul tiga (3), pada pukul 12 tengah hari di mana peratus penganut agama kunjung tempat itu dan



melakukan penguatkuasaan dan menimbulkan kecoh di kalangan penganut-penganut. Jadi kita pilih masa di mana tokong, kuil itu pun sudah habiskan urusan agama dan mengambil tindakan tertentu. Jadi pagar itu pun pagar sementara diberi kelulusan sementara sahaja, janji oleh Lembaga Pemegang Amanah pun nak turunkan pagar itu sendiri apabila kerja-kerja ubah suai siap. Tetapi mungkir janji itu, berikan banyak notis. Saya rasa SOP Majlis memang sekurang-kurangnya dua (2) kalau tidak tiga (3), empat (4) notis sebelum tindakan penguatkuasaan diambil. Jadi kita Pemegang Amanah pun tak menganggap ini satu isu lagi. Mengapa Yang Berhormat masih menganggap ini satu isu?

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota untuk menjelaskan kes ini. Memang kes ini jelasnya *council* pilih waktu operasi yang betul. Jadi saya ingin menyeru Pihak Berkuasa Tempatan memberi perhatian terhadap isu ini. Isu tunda kapit pulalah. Seperti mana saya bangkitkan semasa saya dipilih sebagai Ahli Majlis, SOP tindakan tersebut perlu ditakrifkan dengan jelas dan disampaikan kepada Pegawai Penguatkuasa supaya mereka lebih memahami tugas mereka dan orang ramai juga untuk memahaminya.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Yang di-Pertua, seperti mana yang disebutkan dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, mewujudkan satu sistem pengangkutan awam dan jalan raya yang berintegrasi serta menyeluruh di seluruh Negeri Pulau Pinang, termasuk di Seberang Perai merupakan agenda utama Kerajaan Negeri sejak mula memerintah Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008. Saya berasa amat syukur kerana Ketua Menteri juga menyokong pelaksanaan Sistem Trem di kawasan bandar warisan seperti yang saya pernah cadangkan di ucapan perbahasan sebelum ini. Pembinaan Sistem Trem amat diperlukan di kawasan warisan.

Akan tetapi, saya ingin membahaskan sistem pengangkutan awam yang lain pada hari ini iaitu komuter dan feri. Keretapi Tanah Melayu merupakan satu sistem pengangkutan awam yang memudahkan perkhidmatannya pada pertengahan Ogos 1995 di Malaysia bertujuan memberi khidmat memuaskan dan mengatasi kesesakan lalu lintas di Lembah Klang. Komuter kini bergerak di atas landasan sepanjang 150 kilometer dari Rawang ke Seremban dan dari Batu Caves ke Pelabuhan Klang. Sekarang penggunaan harian mencatat lebih kurang 100,000 penumpang. Berbeza dengan perkhidmatan kereta api yang sedia ada, komuter menggunakan kuasa elektrik sepenuhnya. Komuter beroperasi pada kelajuan 120 kilometer sejam merentasi Bandaraya Kuala Lumpur setiap 15 minit pada waktu puncak dan iaitu di antara 20 hingga 30 minit pada waktu biasa. Perkhidmatan komuter yang cemerlang memastikan para penumpang dapat sampai ke destinasi tepat pada masanya dengan kadar tambang yang murah. Populariti penggunaan komuter dapat dilihat daripada jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan itu yang mencapai 98% setiap hari, manakala pada waktu puncak mencapai sehingga 100%.

Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik (EDTP) dari Ipoh ke Padang Besar sudah siap dibina dan dipercayai akan bermula beroperasi pada bulan September tahun ini. Seperti yang dicatatkan dalam Penang Transport Master Plan, perkhidmatan komuter tersebut terdiri daripada dua (2) landasan. Landasan Utara sepanjang 73 kilometer dari Pinang Tunggal ke Tasek Gelugor, ke Penanti, ke Bukit Mertajam, ke Bukit Tengah, ke Megamall, ke Butterworth. Landasan Selatan sepanjang

68 kilometer dari Nibong Tebal ke Simpang Empat, ke Bukit Minyak, ke Bukit Mertajam, ke Bukit Tengah, ke Megamall, ke Butterworth. Saya berharap komuter tersebut boleh beroperasi dengan secepat mungkin memandangkan landasan kereta api sudah siap dibina. Dari segi keselamatan, komuter dilengkapi sistem keselamatan yang canggih jika berlaku kerosakan kepada sistem aliran kuasanya, umpamanya wayar terputus yang tidak akan menyebabkan kemalangan atau bahaya kejutan elektrik kerana aliran kuasa akan mati secara automatik. Oleh itu, pengguna atau penduduk yang tinggal berhampiran landasan, tidak perlu khuatir terhadap keselamatan mereka. Dengan adanya perkhidmatan komuter, rakyat boleh bertolak ke tempat kerja atau destinasi yang diingini menggunakan perkhidmatan awam atau berjalan kaki sahaja tanpa menggunakan kenderaan persendirian.

Di samping itu, perkhidmatan *Park & Ride* juga perlu dibangunkan di stesen-stesen tertentu gabungan bersama perkhidmatan bas awam supaya penumpang-penumpang dapat sampai ke destinasi yang ditujui dengan selesa. Sebagai gantian kepada kereta api yang sedia ada, kereta api berkembar elektrik tersebut sepatutnya lebih menjimatkan masa dan perbelanjaan, malah ianya lebih dipercayai dan selamat. Jadi saya berharap kereta api tersebut boleh beroperasi dan sampai ke destinasi mengikut jadual yang dipaparkan. Seajar dengan peningkatan mutu perkhidmatan bas awam supaya dapat menggabungkan kawasan-kawasan utama di seluruh Seberang Perai bagi memudahkan penduduk bergerak ke destinasi dalam masa yang singkat dengan kos yang jimat. >

Seterusnya kemudahan kereta api juga perlu bergabung dengan perkhidmatan feri dan cadangan *sky cab* yang dicadangkan oleh Ketua Menteri yang menyambung Seberang Perai dan bahagian Pulau. Dengan adanya pelan ini kemasukan kenderaan ke kawasan Pulau dapat dikurangkan secara tidak langsung mengeratkan pergerakan masyarakat Seberang Perai dengan Pulau. Hal ini dapat direalisasikan dengan syarat perkhidmatan feri harus dipertingkatkan dahulu. Dengan wujudnya perkhidmatan komuter, maka stesen naik dan turun penumpang perlu dibangunkan secara tidak langsungnya di kawasan sekitar stesen, akan dijadikan lebih maju. Contohnya jika stesen didirikan di sekitar Megamall, kemerosotan aktiviti perniagaan di sekitar Megamall akan berubah dan bertambah pesat. Seperti yang saya sedia maklum, perkara tersebut telah disenaraikan dalam Pelan Induk Pengangkutan dan Pengurusan Lalu Lintas Pulau Pinang. Saya berharap rancangan ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, semasa saya membuat persediaan untuk membahas isu feri, saya telah pergi ke feri pada hari Sabtu dan juga telah melayari internet untuk mencari maklumat. Saya mendapati teks perbahasan YB. Bagan Jermal semasa membahaskan usul di bawah Peraturan 18(1) mengenai kenaikan tambang feri Pulau Pinang pada 25 April 2005 di Parlimen, pada masa itu beliau Ahli Parlimen Bagan. Kini sudah sepuluh (10) tahun, namun masalah-masalah yang beliau bangkitkan terhadap feri masih tidak dapat diselesaikan lagi. Di antaranya masalah dibangkitkan adalah naik taraf kedua-dua pangkalan. Naik taraf kepadatan ruang menunggu dan suasana keselesaan penumpang pejalan kaki. Laluan pejalan kaki ke pangkalan sangak juga tidak mesra warga emas, OKU dan pelancong yang membawa beg yang besar.

Kali ini saya ingat Yang Berhormat Machang Bubuk pun sendiri pergi rasa apa yang kesusahan orang yang menaik feri. Dua (2) minggu yang lepas, perakuan daripada Ahli Lembaga Pengarah *Penang Port Sdn Bhd (PPSB)*, Tan Sri Chua Soi Lek menyatakan bahawa perkhidmatan feri telah mengalami kerugian secara purata setiap tahun sebanyak RM20 juta sehingga RM23 juta untuk beberapa tahun ini. Mengikut jawapan soalan lisan yang saya terima, kerugian yang dialami oleh PPSB adalah disebabkan oleh kenaikan kos operasi pelabuhan di mana kos bahan api meningkat pada kadar purata 7.4% setiap tahun. Selain itu, kos kewangan yang membiayai projek pembangunan Terminal Kontena Butterworth yang di mana pulangnya akan dinikmati dalam jangka masa panjang juga merupakan faktor kepada kerugian.

Walau bagaimanapun, PPSB tidak sepatutnya menaikkan tarif feri dengan sewenang-wenangnya untuk menampung kerugian besar yang dialami olehnya setiap tahun. Sebab sudah jelas dinyatakan dalam jawapan soalan lisan bahawa kenaikan kadar tambang feri tidak akan dapat mengelakkan kerugian tetapi hanya mengurangkan kadar kerugian semasa yang dialami. Lagi pun, perkhidmatan feri adalah satu perkhidmatan sosial kepada rakyat dan cara penyelesaian lain seperti membebi subsidi bahan api atau yang lain-lain perlu dikaji dan dipertimbangkan. Dengan ini, saya ingin menyokong penuh hasrat Kerajaan Negeri bahawa cadangan kenaikan tambang perkhidmatan feri Pulau Pinang oleh PPSB yang akan menjejaskan golongan bawahan.

Mengikut statistik, bilangan pengguna perkhidmatan feri mencatat penurunan yang mendadak jika berbanding dengan tahun 1984. Kadar penggunaan feri yang semakin menurun mungkin disebabkan oleh pembinaan Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan terhadap perkhidmatan feri juga merupakan salah satu faktor. Jadi, wajar mutu perkhidmatan feri dipertingkatkan dahulu sebelum sebarang kenaikan tambang feri disyorkan. Bagi menarik kekerapan penggunaan perkhidmatan feri, PPSB harus fokus kepada tiga (3) unsur yang berikut, kecekapan kelajuan satu perjalanan, kekerapan beroperasi dan waktu operasi. Kelajuan feri dicadangkan 18.5 km/j secara purata, kekerapan beroperasi setiap 7.5 minit sekali perjalanan untuk memudahkan penumpang, dan waktu beroperasi pukul 6.00 pagi hingga pukul 1:00 tengah malam. Selain itu, umum mengetahui sebahagian besar feri yang digunakan sekarang telah berusia. Biasanya enjin lama memerlukan kos biaya penyelenggaraan yang tinggi. Jadi, adalah diperlukan pihak PPSB mempertimbangkan untuk menggantikan dengan feri yang baru dan memaksimumkan penggunaan feri. Kaedah pembayaran penggunaan perkhidmatan feri juga harus dipertingkatkan. Hari ini tiada bagi balik, bagi RM2.00, cas sahaja RM2.00. Seperti kad penggunaan kad *touch & go*, boleh dilaksanakan untuk melicinkan pergerakan masuk ke feri. Feri bukan sahaja merupakan pengangkutan awam yang menghubungkan kawasan Pulau dengan Seberang Perai, malahan ia merupakan satu ikon tarikan pelancong. Daripada pemerhatian, ramai pelancong asing ingin menaiki feri untuk menikmati pengalaman menaiki feri dan keindahan persekitaran Bandaraya Pulau Pinang.

Jadi, saya berharap pihak PPSB dapat melantik pihak pengurusan yang profesional untuk mengendalikan perkhidmatan feri. Jika tidak mampu menguruskannya, maka serahkannya kepada Kerajaan Negeri. Saya mempercayai sistem pengangkutan awam berintegritas yang sempurna dapat menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Oleh itu, kemudahan tempat letak kenderaan yang dekat dengan stesen pengangkutan awam perlu diambil kira juga supaya memberi keselesaan kepada semua pengguna.

Dengan projek pembinaan Penang Sentral bersama-sama dengan perkembangan perkhidmatan komuter, kadar penggunaan feri akan bertambah terutamanya bilangan pejalan kaki. Oleh itu saya berharap PPSB boleh membuat perancangan secepat mungkin untuk bergabung kesemua kemudahan dan memberi perkhidmatan yang bagus kepada penumpang. Yang Berhormat, Dato' Timbalan Yang di-Pertua, masalah pengabaian warga tua masih menjadi.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat KOMTAR, boleh sambung nanti pukul 8:00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersambung semula jam 8.00 malam.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.38 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidangan semula. Dipersilakan YB. KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Masalah pengabaian warga tua masih menjadi satu isu yang tidak dapat diselesaikan di negeri kita. Satu skim penjagaan yang komprehensif bagi menjamin masa depan warga tua perlu disediakan. Dahulu ibu bapa dapat menjaga dan menyara anak-anak mereka dengan sempurna namun yang mengecewakan kini walau pun mempunyai lima (5) orang anak tetapi tiada seorang pun yang mampu menjaga dan menyara orang tua mereka malah mereka dipinggirkan. Kini, pusat jagaan warga tua dioperasikan oleh pihak swasta atau NGO, pusat jagaan swasta mengenakan bayaran yuran bulanan sebanyak RM800.00 hingga RM1,500.00 sebulan. Kos yuran yang tinggi ini tidak mampu dibayar oleh golongan warga tua terutamanya mereka yang tiada sumber pendapatan atau tiada ahli keluarga.

Bagi pusat jagaan berasaskan NGO seperti *Silver Jubilee Home, Penang Home*, walau pun tiada bayaran dikenakan, namun warga tua yang memenuhi syarat-syarat tertentu sahaja dapat diterima masuk antaranya:

- 1) Berumur lebih daripada 65 tahun dan ke atas;
- 2) Tiada ahli keluarga yang tinggal;
- 3) Sihat tubuh badan dan masih boleh berjalan.

Sebagai contoh kes yang berlaku di KADUN saya di mana seorang warga tua yang terlantar di atas katil telah ditolak oleh pusat jagaan atas sebab sakit kronik dan juga warga tua tersebut masih mempunyai anak, walau bagaimanapun anaknya telah mengalami masalah kesihatan yang serius dikenali sebagai *Bilateral Varicose Veins* dan *Chronic Venous Ulcer* yang menyebabkan anaknya tidak dapat berdiri lama dan *wave, sorry wave* yang menyebabkannya tidak dapat berdiri lama dan kehilangan sumber pekerjaan. Ini merupakan salah satu contoh yang saya nyatakan di sini, masih terdapat kes-kes lain yang berkaitan seperti isu ini. Hal ini telah menyebabkan sekumpulan golongan tua terpinggir akan tetapi merekalah golongan yang amat memerlukan pertolongan, saya amat berterima kasih atas usaha Kerajaan Negeri yang memberi RM100.00 melalui Program Penghargaan Warga Emas selama ini. Akan tetapi program ini tidak banyak membantu kepada golongan tersebut.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya ada satu soalan tentang warga, rumah orang tua khusus di mana rumah orang tua di bawah Akta Pusat Jagaan 1953, tetapi saya difahamkan pada masa ini kita ada lebih kurang 100 orang warga emas, orang tua, tetapi 20 peratus lebih kurang di bawah NGO dan 80% perseorangan, tetapi tiada satu (1) senarai di mana ada di dalam pendaftaran oleh MPPP cuma 17. Saya juga diberitahu yang lain tidak dapat daftar kerana syarat-syarat atau garis panduan yang ditetapkan dalam SOP pendaftaran tidak cukup berkesan dan mereka juga tidak faham ini perlulah diambil perhatian supaya yang tidak didaftarkan itu didaftarkan supaya mereka beri satu (1) perkhidmatan kepada awam yang lebih selamat dan terkawal. Terima kasih.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Bunga, yang prihatin terhadap Pusat Penjagaan Warga Tua. Masalah ini bersama dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Pinang, mereka kebanyakan pusat-pusat ini didirikan di kawasan perumahan. Masalah yang utama adalah zoning, zoning itu adalah kediaman dan bukan untuk perniagaan, saya harap MBPP akan mengkaji bagi membolehkan pusat-pusat ini diadakan di kediaman dengan seperti apa yang diputuskan mereka kepada TASKA. So pihak taska adalah satu (1) kategori yang *special* yang boleh diadakan di kawasan perumahan *change of view* atau *completion fee* itu itu ada diberi 50% diskaun. Jadi saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri sebagai sebuah negeri yang menjaga kebajikan rakyat harus menubuhkan Pusat Jagaan Warga Tua milikan kerajaan. Saya percaya apa yang tadi senarai yang diberikan oleh Yang Berhormat Tanjung Bunga itu, kebanyakan semua itu NGO dan persendirian. Tiada satu pun oleh kerajaan, tidak kira Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat, Pusat Jagaan Warga Tua milikan kerajaan dengan memberi subsidi sepenuhnya atau separuh mengikut keperluan kes. Saya turut mencadangkan pusat jagaan tersebut ditubuhkan di setiap daerah bermaksud lima (5) buah pusat jagaan ditubuhkan di seluruh Pulau Pinang.

Untuk menjayakan projek ini Kerajaan Negeri boleh menyumbangkan tanah dan memohon dana daripada Kerajaan Persekutuan untuk membina pusat tersebut. Jika Kerajaan Persekutuan ingin bekerjasama, biarlah Kerajaan Negeri mengambil inisiatif memulakan projek ini atau sekurang-kurangnya menubuhkan satu (1) dana khas untuk kes tersebut supaya mengurangkan beban warga tua atau ahli keluarga warga tua yang benar-benar tidak berkemampuan. Pusat jagaan yang ditubuhkan hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan yang tertentu seperti kemudahan perubatan dan

penjagaan kesihatan yang sempurna. Warga tua yang merupakan sebahagian daripada warga masyarakat dan negara, diakui mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran. Mereka telah banyak memberi bantuan sumbangan selama ini dan masih diperakui mempunyai potensi menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian adalah wajar, mereka mendapat perhatian, penghormatan dan kasih sayang bagi menikmati kesejahteraan hidup sepanjang hayat. Jadi kerajaan harus mengambil berat penjagaan kepada warga emas dengan menghargai dan menyayangi mereka sehingga ke akhir hayatnya.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, secara tradisinya semasa penyelenggaraan sistem utiliti dilakukan setiap agensi mempunyai jadual penggalian yang tersendiri. Hal ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Acheh kerana dengan cara ini memakan kos yang tinggi dan memakan masa yang agak lama. Hari ini kita dapat melihat beberapa jalan utama di Pulau Pinang mengalami kerosakan permukaan jalan tidak sekata disebabkan penggalian berkala dan agensi utiliti yang terlibat, oleh agensi utiliti yang terlibat.

Contohnya di kaki KOMTAR, sepanjang Jalan Macalister, kita dapat melihat permukaan jalannya yang tidak sekata, *since last year* seorang pengguna jalan Macalister telah *suffer one year*. Hal ini harus diberi perhatian yang serius kerana secara tidak langsung ianya boleh mengundang malang tidak berbau terhadap penunggang basikal atau motosikal yang menggunakan jalan tersebut. Seperti yang saya sedia maklum pada jawapan soalan bertulis, saya amat gembira dan menyokong hasrat Kerajaan Negeri yang telah mengambil tindakan untuk membina perparitan utiliti bersepadu ini di seluruh Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan PDC Telecommunication Service Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, saya mencadangkan pelan membina perparitan utiliti bersepadu *command utility trenching*, ini dapat diselaraskan di bawah satu terowong utiliti. Dengan adanya terowong utiliti ini, pada masa yang akan datang saluran air, mungkin *future* ada gas, elektrik dan lain-lain juga boleh diselaraskan di dalamnya bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pembinaan dan penyambungan sistem utiliti di bawah tanah yang amat sistematik secara tidak langsung dapat mengurangkan pengaliran berkala. Sistem sebegini boleh digunapakai di kawasan pembangunan baru seperti Batu Kawan, Tanjung Seri Pinang, Bayan Mutiara, The Light Jelutong, atau pembangunan semula di kawasan-kawasan lain yang telah diimplimentasi oleh negara luar seperti Hong Kong dan Singapura.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya telah bertanya dalam soalan bertulis nombor 25 bahawa adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memindahkan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri dari Menara KOMTAR. Jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Ketua Menteri adalah tidak, akan tetapi saya ingin berkongsi cadangan saya di dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi, seperti apa yang dibangkitkan, apa yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang tentang cadangan ini dalam ucapan beliau kelmarin.

Pada satu masa ketika Kerajaan Barisan Nasional pernah mencadangkan bahawa pusat pentadbiran Kerajaan Negeri ingin pindah ke Bayan Mutiara untuk dibangunkan sebagai mini Putrajaya. Pada masa itu, kami sebagai pihak pembangkang bantah cadangan tersebut disebabkan oleh sebab faktor masa yang tidak betul iaitu dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa, sewa premis meningkat dan banyak penduduk asal terpaksa pindah keluar daripada George Town mengakibatkan kegiatan ekonomi dalam bandar merosot dengan mendadak. Jika pusat pentadbiran Kerajaan Negeri dipindah pada waktu masa itu situasi akan menjadi lebih teruk, tetapi

hari ini situasi bertukar selepas Kerajaan Pakatan Rakyat memimpin dan pengishtiharan George Town sebagai tapak warisan dunia pada tahun 2008, bilangan kemasukan pelancong semakin bertambah di George Town, kegiatan perniagaan berkembang pesat dengan banyak hotel, kafe, galeri telah dibangunkan dengan penambahan bilangan pelancong ke George Town, masalah lalu lintas telah menjadi terlalu serius terutamanya di kawasan bandar semasa musim cuti sekolah.

Bangunan KOMTAR yang dibangunkan pada tahun 1980-an merupakan satu-satunya bangunan bersepadu komersial dengan pusat pentadbiran Kerajaan, reka bentuk, petak ruang, di dalam podium KOMTAR agak ketinggalan zaman. Selepas pada tahun 1990-an, perniagaan di KOMTAR kian merosot, sekarang jika Yang Berhormat sekalian jalan-jalan di podium KOMTAR, Yang Berhormat akan mendapati lebih daripada 50 peratus kedai tidak beroperasi. Menurut jawapan bertulis yang saya dapat, tunggakan yuran penyelenggaraan yang dihutang oleh pemilik-pemilik premis KOMTAR adalah sebanyak RM15.5 juta setakat 31 Ogos 2014 yang melibatkan 389 unit. Dalam perbualan dengan peniaga, saya mendapati mereka tidak mampu membayar hutang tersebut kerana masalah tiada perniagaan dan mereka berharap PDC dapat memberi balik premis mereka.

Bagi jawapan soalan bertulis yang saya terima kali ini saya berasa bersyukur sebab mendapat tahu PDC sedang mengenalpasti dan meneliti kemungkinan untuk memberi semula beberapa unit premis yang terletak, yang telah dijual kepada pihak swasta di KOMTAR. Walau bagaimanapun, strategik pembelian semula unit-unit tersebut adalah tertakluk kepada faktor-faktor seperti lokasi yang strategik dan bersesuaian pembelian dilakukan secara pukal, harga yang berpatutan dan diluluskan oleh Lembaga PDC. Sehubungan itu, sekali lagi saya ingin mencadangkan PDC untuk membeli balik semua unit swasta dan memindah keluar pusat pentadbiran kerajaan untuk memberi ruang dan seterusnya merancang suatu strategik untuk pemulihan bangunan KOMTAR dengan konsep *built state investment trust* melalui konsep *real estate investment trust*, Bangunan KOMTAR boleh dijadikan hotel, *service apartment* dan podium KOMTAR diubah kepada sales galery, pusat beli belah yang bereka bentuk moden atau kolej. PDC dan Kerajaan Negeri boleh berkongsi pulangan melalui dividen, saya mencadangkan tapak baru pusat pentadbiran Kerajaan Negeri pindah ke tapak pelupusan sampah Jelutong seperti cadangan memindah bangunan Dewan Undangan Negeri yang disebutkan dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Tapak tersebut berlokasi amat strategik, walau pun terdapat pihak-pihak yang membangkitkan kerisauan tentang bahan-bahan buangan dalam tapak pelupusan tersebut, tetapi saya berpendapat bahawa pembinaan bangunan itu bukan sahaja terus bina di sana, apa-apa bahan buangan atau toksik atas gas di bawah akan di treatment dahulu sebelum projek pembangunan dijalankan.

Bangunan Dewan Undangan Negeri yang telah digunakan sejak 1959 ini sudah tidak mencukupi ruang. Pada ketika itu, hanya terdapat seramai 24 orang ADUN, kini jumlah ADUN adalah 40 orang dan ruang dalam bangunan ini memang tidak mencukupi. Jika nak menambah ruang di Dewan Persidangan ini untuk ADUN tambahan pun susah, tidak ada tempat untuk meletakkan ADUN tersebut, ruang makan makan, ruang untuk pemerhati, ruang untuk pemberita juga tidak mencukupi dan juga bilik rehat khas untuk Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri juga tidak dapat disediakan. Apabila Tun hendak masuk ke Dewan, sebelum masuk ke Dewan juga kena tumpang dekat Bilik Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, berkongsi satu (1) bilik dengan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Tambahan pula, ruang perpustakaan juga perlu ditumpangkan dalam bilik Ketua Menteri, so kalau Ketua

Menteri ada di sana buat kerja, kita pun susah sikitlah dan lagi pun bilik Ketua Pembangkang juga agak kecil, jika hendak buat *press conference* atau ahli-ahli pembangkang tempat itu juga tidak cukup. So lain-lain fasiti perlu ditambah. Jadi, sekali lagi saya menyeru pihak kerajaan supaya mempertimbangkan semula cadangan-cadangan yang saya bangkitkan tadi. Dengan ini saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Berapit silakan, sampai ke Yang Berhormat Permatang Berangan.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk melakukan ucapan perbahasan. Terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sebelum memulakan ucapan saya, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang kerana berjaya menarik jumlah pelaburan yang semakin meningkat dan menawarkan peluang pekerjaan yang luas kepada rakyat. Justeru Pulau Pinang mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding dengan kadar pengangguran di seluruh negara. Walau bagaimanapun, apakah kadar pengangguran bagi wanita dan belia di Negeri Pulau Pinang, adakah kadar pekerjaan kaum wanita dan belia di Negeri Pulau Pinang meningkat atau menurun dan apakah sebabnya. Menurut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2013, jumlah kemasukan wanita ke IPTA dan IPTS adalah melebihi 60%, namun begitu mengikut Laporan Pembangunan Manusia Malaysia Tahun 2013, kadar penyertaan tenaga buruh bagi kaum wanita adalah kurang daripada 50%.

Ini menunjukkan, walau pun lebih ramai wanita yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi tetapi jumlah wanita yang bekerja adalah rendah disebabkan pelbagai masalah yang dihadapinya seperti masalah keluarga atau pun menjaga kanak-kanak. Wanita adalah sumber tenaga buruh dengan jumlah angka yang besar, sekiranya tidak menggunakan sepenuhnya tenaga buruh wanita ianya menjadi kerugian yang besar bagi Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar pekerjaan untuk kaum wanita. Bolehkah Kerajaan Negeri menubuhkan pusat pemulihan pekerjaan untuk kaum-kaum wanita, untuk belia ke tempat bekerja. Sejak bulan April 2015, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan kadar percukaian yang baru iaitu Cukai Percukaian Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6%. Rakyat jelata telah berasa beban kerana pelaksanaan GST, kerana bukan sahaja pendapatan tidak meningkat tetapi kos kehidupan telah bertambah. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri kalau boleh menyediakan *platform* atau *train center* untuk wanita dan belia supaya menambahkan pendapatan hidup mereka dengan memberi mereka membuat perniagaan melalui corak perniagaan *culture and creative industrial* di Negara Jepun dan Taiwan industri pelancongan mereka berkembang dengan amat pesat kerana menggunakan idea-idea *culture and creative* untuk *rebranding* produk-produk pelancongan mereka dan tadi saya sudah nampak sedikit sebanyak idea-idea *culture and creative industrial* yang berlaku di Pulau Pinang *pecially* di area George Town dan saya harap Kerajaan Negeri lagi menumpu kepada *culture and creative industrial* ini untuk memupuk *value act* produk-produk pelancongan kita.



Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, walau pun Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukan sebanyak RM287 juta untuk warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, suri rumah tangga, pelajar sekolah rendah dan menengah, bayi yang baru dilahirkan, waris-waris warga emas, ibu tunggal serta OKU, mahasiswa-mahasiswa awam tempatan, nelayan, pemandu teksi, penarik beca dan bantuan untuk golongan miskin, tetapi bantuan ini tidak dapat membantu meningkatkan pendapatan golongan miskin. Kerajaan Negeri dapatkah data yang sebenar, bantuan ini telah mengurangkan keluarga-keluarga miskin yang sedang susah dalam pendapatan hidup seharian mereka.

Dalam sepanjang tahun ini di kawasan Bukit Mertajam bukan hanya setakat KADUN saya, tetapi dari lain-lain kawasan mereka datang ke pejabat saya untuk meminta pertolongan sebab dekat 200 sampai 300 keluarga golongan miskin yang kadang-kadang datang ke pejabat saya untuk bantuan khususnya kewangan untuk mengurangkan beban hidup mereka. Saya terpaksa menggunakan peruntukan saya untuk membantu mereka, tetapi ini bukan bantuan untuk jangka masa panjang kerana jumlah peruntukan saya terhad. Kebanyakan keluarga yang menghadapi masalah kewangan adalah disebabkan menghadapi kes-kes yang kecemasan seperti kematian ahli keluarga atau ahli keluarganya dijangkiti penyakit yang serius, kanser atau kemalangan yang mengakibatkan keluarganya tersebut tidak dapat bekerja dan terpaksa menanggung perubatan dan kos kehidupan yang tinggi. Adakah kerajaan terdapat mekanisme yang lebih sempurna untuk membantu keluarga-keluarga yang miskin ini dan meringankan kos perubatan. Saya amat bersyukur kerana di kawasan Seberang Perai Tengah khususnya di kawasan Bukit Mertajam terdapat banyak Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang membantu keluarga-keluarga yang menghadapi masalah kewangan akibat punca kecemasan. Sesetengah badan NGO membiayai kos perubatan dan sesetengah pula menanggung kos kehidupan keluarga miskin. Walau bagaimanapun, badan-badan NGO ini juga bergantung kepada dermaan daripada masyarakat untuk menjalankan tugas dan membiayai kos operasi mereka. Oleh itu saya mencadangkan Kerajaan Negeri supaya menetapkan satu mekanisme atau dasar dalam membantu keluarga yang menghadapi masalah kewangan dan kehidupan akibat menghadapi kes kecemasan atau pun bekerjasama dengan badan-badan NGO ini untuk membantu keluarga-keluarga ini dengan bantuan kewangan yang tetap secara tahunan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, sejak kebelakangan ini dalam Negara Malaysia berlaku banyak masalah dan perselisihan faham antara rakyat yang berlainan kaum dan agama. Ini timbul disebabkan pengaruh agama yang estimis, kejadian-kejadian yang baru-baru ini berlaku termasuk penduduk-penduduk Taman Medan, Petaling Jaya, yang meminta kerajaan menurunkan salib. Pada pendapat saya, perselisihan faham antara kaum di negara kita adalah disebabkan oleh pemimpin-pemimpin politik yang memainkan isu-isu perkauman dan agama. Sejak dahulu Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan banyak dasar yang berunsur perkauman seperti kes di Semporna lalu memecahbelahkan rakyat. Saya percaya ini kerana pemimpin-pemimpin politik bimbang kesatuan atau harmoni rakyat berbilang kaum akan mengancam kedudukan mereka. Dalam...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan.

### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Bagi saya habis dahulu Yang Berhormat dari Bertam. Dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 3(1), ianya tiada menyatakan bahawa Islam adalah Agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Malangnya walau pun berlaku banyak kejadian perselisihan agama dan kaum, Perdana Menteri negara kita, Y.A.B. Dato' Seri Najib tidak pernah menampilkan diri untuk menyatakan pendirian beliau dalam isu-isu pelaksanaan hukum hudud dan kejadian menurunkan salib di gereja. Beliau tidak dapat menjamin keharmonian pelbagai agama di negara kita. Apakah pandangan dan pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap hukum hudud. Adakah Kerajaan Negeri menyokong pelaksanaan hukum hudud ini di Pulau Pinang? Saya harap tidak. Silakan Yang Berhormat Bertam.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit, terima kasih saya ucapkan. Saya tertarik dengan perkataan Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa di dalam kawasan Yang Berhormat sendiri mempunyai 300 buah keluarga miskin, bagi saya satu jumlah yang cukup banyak dan Yang Berhormat juga menyatakan bahawa keluarga ini adalah keluarga-keluarga yang memerlukan bantuan kewangan dan setakat ini Yang Berhormat mengeluarkan peruntukan Yang Berhormat sendiri untuk membantu mereka. Jadi saya nak tanya adakah selain daripada bantuan yang keluar daripada peruntukan Yang Berhormat sendiri, keluarga-keluarga ini juga mendapat bantuan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), malah daripada pihak Kerajaan Negeri sendiri sebab jumlah yang disebut bagi saya adalah satu jumlah yang cukup besar. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Jawapan untuk soalan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam, ada keluarga yang dapat wang daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi kebanyakannya mereka tidak dapat peruntukan daripada Kebajikan dan seperti kebanyakan penyakit, pesakit-pesakit yang terjadi dengan kecemasan bukan macam insiden yang mereka perlu terus pergi buat *operation*. So mereka tidak dapat, dalam proses untuk meminta Kebajikan untuk menyalurkan peruntukan kepada mereka, tetapi *we are very lucky because* di kawasan Bukit Mertajam terdapat banyak NGO-NGO yang sudi memberi pertolongan, tetapi ini bagi saya bukan satu mekanisme yang begitu elok.

Kalau dari Kerajaan Negeri, EXCO yang menjaga kebajikan boleh duduk atau berbincang bersama-sama NGO-NGO ini untuk menolong atau memberi peruntukan kewangan dengan sepanjang tahun dengan tetap sebab kalau kita bagi peruntukan kepada NGO, NGO akan menolong Kerajaan Negeri, menolong lagi ramai rakyat yang perlu bantuan daripada kita. Yang sepanjang khidmat saya, saya bekerjasama dengan NGO-NGO, saya menjalankan *fund raising dinner for food fair* dengan kebanyakan NGO seperti Persatuan *Down Syndrome*, kanak-kanak *down syndrome* atau budak-budak dari St. Nicholas, so kita sama-sama menjalankan program-program untuk menjana wang kepada mereka. Dan dari pihak saya dulu saya ada menyalurkan tertentu untuk menolong mereka. Tetapi peruntukan kepada EXCO Portfolio Wanita, Keluarga dan Komuniti itu memang tak banyaklah yang boleh menolong mereka. So saya *suggest* kepada Kerajaan Negeri *at least form up a mechanisms* untuk menolong

pekerja bekerjasama dengan NGO. NGO sudah ada di Negeri Pulau Pinang. *But we can work together with them,....*(dengan izin), itu lagi bagus sebab kalau kerajaan bekerjasama dengan NGO lagi besar dan luas *service* nya untuk menyalur kepada rakyat yang perlu dibantu.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat maksudkan untuk penggal ini NGO-NGO tersebut tidak mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan ataupun EXCO berkenaan. Dan bagaimana pula dengan penglibatan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan peringkat daerah dalam perkara ini sebab jumlah keluarga yang terlibat banyak ya Yang Berhormat 300 keluarga.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Itu EXCO yang pegang portfolio ini akan jawab kepada YB. Bertam. Di kawasan yang saya sebut itu bukan hanya KADUN saya sahaja di kawasan seluruh Bukit Mertajam. Sebab rakyat datang ke *service center* saya bukan hanya Berapit, dari Machang Bubuk, Penanti, Padang Lallang dari Bukit Tengah pun ada, Butterworth, Kepala Batas pun ada. Mereka datang ke pejabat saya.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya harap Yang Berhormat juga dapat membantu untuk mendaftarkan keluarga-keluarga ini untuk mendapat bantuan BRIM daripada Kerajaan Persekutuan. Yang penting kita membantu rakyat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Ini semua kita pun buat tetapi bantuan BRIM kah, bantuan RM100 kah, tidak menyelesaikan masalah mereka. Bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, (PBAPP) di soal sukan telah menyalurkan sebanyak RM4 juta kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang iaitu FAP bagi musim 2015. Syabas. Dulu sahabat dari Seberang Jaya kan, dulu Datuk Arif Shah dari Seberang Jaya, dia selalu tanya tentang FAP, *term* yang lalulah. Saya pernah cakap wang tidak cukup untuk menolong FAP sebab wang itu besar. Pada *term* yang lalu, peruntukan untuk sukan tidak besar. Tetapi bagi pendirian saya, saya lagi suka menolong semua sukan di Pulau Pinang dan bukan hanya satu *sport*. So, saya harap sukan-sukan yang lain, juga dapat bantuan yang sama untuk meningkatkan prestasi sukan-sukan di Pulau Pinang. Walaupun selalu kawan dari sini selalu tanya Bola Sepak, Bola Sepak sukan yang disukai oleh rakyat Pulau Pinang. Tetapi bagi saya, semua sukan di Pulau Pinang juga adalah penting.

Selain daripada memberi ganjaran untuk atlet termasyuk, ini yang selalu berlakulah di Arena Sukan. Hanya wang disalurkan kepada *sport* yang digemari oleh rakyat. Kerajaan Negeri *even* Kerajaan Persekutuan juga selalu menyalurkan ganjaran kepada athlete seperti Datuk Nicol David, Datuk Lee Chong Wei bila mereka dapat Piala Emas atau Piala Perak balik ke tanah air. Tetapi sebaliknya saya lagi suka kalau Kerajaan Negeri boleh mementingkan dan memberi elaun atau bonus untuk atlet-atlet muda yang berpotensi. Ini dapat memastikan atlet-atlet muda kita terus bersemangat melawan dan pada satu hari nanti mereka akan menjadi atlet yang utama dalam bidang sukan masing-masing.

Contohnya dulu, sekarang dia sudah jadi belia, atlet muda di Pulau Pinang, iaitu adik bernama Brian Teoh, sekarang sudah umur 15. Bila dia di sekolah rendah umur 11, 12 dia sudah jadi *champion International Junior Championship* di US dan dia pernah memenangi Johan dalam pertandingan *American Junior Golf Tournament* dan juga Pertandingan Golf Piala Carries di London pada tahun 2014. Dan lagi satu atlet terjun air kita Ooi Tze Liang yang berumur 22 tahun yang pernah memenangi Pingat Emas dan Perak dalam sukan Commonwealth di Glasgow 2014 dan juga lagi satu budak kecil sekarang sudah 15 tahun iaitu pemain badminton Goh Jin Wei yang memenangi Pingat Emas dalam kejohanan Badminton Terbuka Kuala Lumpur 2015. Ini atlet semua di Negeri Pulau Pinang. Yang adik Goh Jin Wei ini bila dia umur 12 itu, lepas UPSR Kerajaan Singapore *actually* mahu beli dia ke Singapore belajar. Tetapi bila saya tahu hal ini berlaku, saya jemput ibu bapa dan dia dengan dia punya *coach* sekali, makan tengah hari dan saya dengan Pengarah MSN saya dan Naib Presiden MSN saya iaitu Datuk Ong Poh Eng menyeru kepada ibu bapa dia jangan bagi adik ini pergi ke Singapore, tinggal di Pulau Pinang. Kita akan jaga kebajikan dia dan nasib baik ibu bapa dia tak bagi dia pergi, duduk di Pulau Pinang. *So now, we jet back her* dan saya percaya satu hari nanti Goh Jin Wei ini akan jadi tokoh Badminton. Dan Brian Teoh saya mengucapkan terima kasih kepada ibu bapanya, sebab merekalah satu-satunya yang memberi pertolongan atau kewangan untuk *training* budak itu. *And* Ooi Tze Liang saya agak bapanya tidak begitu gembira sebab dia rasa kerajaan tidak bagi dia pemerhatian yang cukup. *But I always explain to him what happen. So* saya harap ini mendapat perhatian daripada EXCO Sukan.

Selain itu, atlet-atlet yang bersara juga tidak mendapat kebajikan yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan Negeri maupun Kerajaan Persekutuan. Walaupun betapa cemerlang prestasi atlet tersebut selepas bersara, beliau akan kian dilupai oleh kalangan masyarakat dan kerajaan. Misalnya pemenang Johan Piala Thomas Pertama pada tahun 1949 sebelum Malaysia Merdeka iaitu di waktu Malaya, Encik Law Teik Hock dan Encik Ooi Teik Hock. Kedua-dua pemuda ini bersama 2 lagi *player* dari Perak, dua (2) lagi Singapore. Kalau tak salah enam (6) mereka, enam (6) budak dari Malaya *self financing*, sendiri cari wang duduk kapal ke London satu (1) bulan untuk bermain di *Tournament Badminton* Piala Thomas Cup yang pertama di London. *And then*, mereka menjadi Juara pada Thomas Cup yang *first time* ini London tetapi siapa ingat dia. Kalau saya tak cakap di sini semua, tak ada siapa boleh ingat dia. Law Teik Hock telah meninggal dunia pada tahun 2010 Julai 13 pada usia 89 tahun.

Walaupun begitu selain daripada saya pada waktu itu sebagai EXCO Belia dan Sukan saya pergi bersama Pengarah saya, pada waktu itu ialah Tuan Haji Mohd Akbar dan semua *board-board members* saya ke rumah dia, menziarahi dia. Sebab waktu itu dia sudah *paralyses* di rumah dan makcik di Neighborhood yang telefon saya suruh saya pergi. Saya menziarahinya dengan memberi dia Sijil Penghargaan dari Majlis Sukan Negeri dan Plat daripada MSN. Bila saya beri dia dua-dua hadiah ini, dia menangis. *This is very sad, a hero, unsung hero that nobody knows unless people' mean them up.* Banyak lagi johan-johan yang kita sudah lupa dan mereka hidup dengan susah. Saya harap Kerajaan Negeri boleh carilah satu jalan bekerjasama dengan *private sector or businessman, big businessman or developer* in Penang untuk mendirikan satu tabung kebajikan. Untuk menjaga kebajikan atlet-atlet yang bersara dan hidup dalam kesusahan.

Sebab kos-kos untuk perubatan banyak tinggi pada hari ini. Kalau tak salah saya masih ingat pada masa yang lalu kita punya pemain bola sepak yang kena penyakit parkinson, tak ada wang. Lepas itu semua bola sepak yang bersara buat *fund*

*raising* untuk menolongnya. Apa kerajaan kita bagi mereka? Tetapi bila mereka muda mereka rajin bermain pergi ke pertandingan *they bring back the gloria, the fame to the Country, but at the end nobody remember them*. Saya harap Kerajaan Negeri boleh membuat sesuatu...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Selepas dengar cerita-cerita atlet-atlet yang pencen atau bersara, memang bukan semuanya hidup dengan mewah. So apakah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan tiada pelan skim pencen untuk athlete atau pemain-pemain yang mewakili Negeri atau mewakili Negara. Jika tidak, bolehkah kerajaan merancang sekarang untuk membantu mereka kerana hayat itu, tempoh pemain-pemain ini agak pendeklah bukan panjang sangat. So boleh pandang serius tentang hal ini.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih daripada KOMTAR. Dulu pemain-pemain badminton bekerja di dalam bank Maybank, Public Bank, Kwong Yit Bank sebab bank ini memberi pekerjaan kepadanya. Tetapi semakin hari saya tak nampak peluang macam ini. So saya haraplah Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, kita bersama-sama dengan sektor-sektor, *private sector, a games that's the way to* mengukuhkan pekerjaan dan pendapatan mereka. Apabila saya sebagai EXCO Belia dan Sukan, saya pernah menulis surat kepada semua perniagaan yang besar di Malaysia. *I did write to Air Asia, I did write to Maxis to ask to work together* menubuhkan ini tabung *but no answer from them, ia very sad okay. This is what happen they wont give you for those who retire*. Dia akan bagi untuk Tokoh yang dapat *Olympic Champion*. *So for, mengapa athlete want to suffer and berkorban because they love sports. But mereka suka, mereka want to fight, but untuk kita sebagai politician, I think we should do something because we are policy makers*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, sejak Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008, kerajaan telah mula melaksanakan dasar Pulau Pinang *Cleaner, Greener, Safer and Healthier*, sekarang telah masuk tahun ketujuh. Sudah *7 years, oh your Portfolio for 5 years, sorry thank you to show me, the real answer* 5 tahun.

#### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Sebab kita baru nak rancang mengadakan ulang tahun kelima pada bulan Jun ini.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih dari Padang Kota. Saya harap Kerajaan Negeri menyenaraikan jumlah separuh hijau, *green lung* yang masih tinggal dan berapa besarkah kawasan hutan rimba yang masih terdapat dalam negeri, sebab selalu orang kutuk Kerajaan Negeri tidak *maintain green land* kerana selalu jual tanah untuk *development*. Bagaimanakah Kerajaan Negeri berusaha untuk terus menjamin kawasan peparu hijau ini tidak dirosakkan dan apakah usaha untuk menambahkan keluasan peparu hijau. Pada tahun 2008 ramai penduduk yang tinggal di sekitar Persiaran Gurney, mereka tiap-tiap hari email kepada semua EXCO termasuk CM mengadu bahawa mereka tidak dapat menjalankan kegiatan kesihatan setiap hari seperti joging dan berjalan kaki di

Persiaran Pantai Gurney kerana berbau busuk akibat pantai yang tercemar. Pada 8 Ogos 2009, Kerajaan Negeri bersama *Effective Microorganisms Organization* iaitu (EMRO) dengan Professor Dr. Teruo Higa iaitu Pengerusi Pertubuhan Kajian *Effective Microorganism* telah melontar 1.2 juta biji *EM mud balls* ke dalam sisiran pantai di Persiaran Gurney. Ianya telah mengesahkan dapat membantu dalam membersihkan persekitaran yang mengalami pencemaran yang berbau busuk yang menghantui penduduk tempatan berjaya diselesaikan.

Semasa saya kanak-kanak, kalau tak silap saya, Gurney Drive itu ialah pantai yang berpasir, banyak pemuda-pemudi pak thor di sana termasuk ibu-bapa saya. Tetapi bila kita menjadi Kerajaan pada tahun 2008, ia sudah hilang,...(gangguan) sebelum itu sudah hilang disebabkan *land reclamation*, tetapi selepas kita membuang 1.2 million of *EM mud balls* ia sudah menjadi bersih. Kita boleh nampak hidupan laut seperti ikan dan ketam mula hidup semua di persisiran pantai Persiaran Gurney. Sekarang kita boleh nampak ramai pelancong yang mula berjalan-jalan dan melewati persiaran pantai di Persiaran Gurney pada waktu malam atau petang, *no more odor smells*.

Oleh itu saya berharap Kerajaan Negeri boleh terus menggunakan *EM mud balls* untuk menjaga dan membersihkan persekitaran. Untuk makluman saya bersama wakil EMRO, kalau tak salah waktu itu turut bersama Tuan Speaker, melawat ke satu kampung setinggan di Bangkok City yang bernama Wak Tuk. Ini adalah kawasan perumahan kampung setinggan yang dibina di atas sungai seperti di Weld Quay, Pulau Pinang dan didiami oleh penduduk-penduduk golongan miskin di Bangkok. Persekitaran yang penuh dengan lumpur, kotor dan tercemar telah membawa pelbagai jangkitan termasuk penyakit kulit dan wabak denggi. Kerajaan Thailand telah menggunakan *Effective Micro Organism Enzyme* bekerjasama dengan EMRO di Thailand untuk membersihkan lumpur ini dan dia berjaya menyuraikan tanah paya dan sampah sarap dalam tanah timbul ke permukaan sungai selepas satu minggu. Kerajaan Thailand telah mengarahkan askar-askar untuk membersihkan sampah sarap tersebut dan selepas itu kampung setinggan itu telah diisytihar sebagai kawasan zon bebas denggi selepas tempoh satu (1) tahun sahaja. Mutu kehidupan penduduk Kampung Wak Tuk ini telah dipertingkatkan.

Selain itu, Kerajaan Thailand juga membantu petani-petani di Saraburi, Thailand menggunakan EM untuk menanam hasil pertanian yang organik untuk kegunaan sendiri atau untuk dijual. Terdapat juga tempat ternakan ayam dan khinzir yang menggunakan EM dan tempat-tempat ternakan tidak berbau busuk dan tidak ada lalat pun. Dalam dua tahun ini, penyakit denggi telah menyerang penduduk Pulau Pinang dengan kadar yang serius. Bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi seluruh ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Minta laluan, boleh.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Tidak, biar saya habis dulu, minta maaf ya. Saya hendak sambung dengan denggi. Ini ialah artikel pada hari ini, *first five months* 126 orang terkorban disebabkan denggi. Di Pulau Pinang kadar yang serius sejak tahun 2014 hingga April 2015 Negeri Pulau Pinang terdapat 1,623 kes denggi, 8 kes maut. Di Malaysia dalam bulan pertama ini 41,450 kes denggi, maut 126, ini memang menakutkan. Saya pernah bercadang di

Majlis Tindakan Daerah, semasa mesyuarat mengenai wabak denggi, untuk menggunakan EM membantu masyarakat mengurangkan denggi. EM diberi kepada semua keluarga pencucian lantai, pinggan mangkuk dan air ini keluar ke longkang dan akan membersihkan dan mengurangkan. Jika rumah kita menggunakan EM Enzim untuk mob lantai atau meja, tak ada *effect*, *no ants*, lipas *even* cicak pun tak ada. *Yes, true*. Tetapi tidak dapat diterima oleh Jabatan Kesihatan sebab mereka beritahu tidak ada data dan rekod. Tetapi saya harap EXCO Kesihatan boleh menimbangkan, *even garbage enzyme* pun boleh berguna. Sekarang saya tidak dapat guna EM sebab *nobody wants to promote, now I think we cannot get EM one di market after 8<sup>th</sup> August 2009, nobody wants to introduce and to use anymore*. Sayangnya, saya hanya... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta jalan.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

*After wards* Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya minta jalan, saya cuma hanya hendak beritahu ianya memang sedang diteruskan. Saya bagi jaminan bahawa ia sedang diteruskan.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

*But for public we cannot find* orang awam. Saya haraplah Jabatan Kesihatan, EXCO *environment*, EXCO Kesihatan dan EXCO Alam Sekitar dapat meneruskan menggunakan *Effective Micro Organisms Enzyme* untuk menghapuskan wabak denggi. Ini memang bahaya kerana telah mengorbankan banyak nyawa. Selain daripada kemalangan, banyak nyawa orang awam terkorban disebabkan kemalangan dan wabak denggi, memang merunsing dan membimbangkan saya. YB. Telok Ayer Tawar, silakan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tuan Speaker dan YB. Berapit, sebenarnya nak minta patah balik sedikit tentang masalah pencemaran di kawasan pantai. Kita di Pulau Pinang ini memang berbangga dengan keindahan pantai kita sebab kita semua Pulau. Tetapi sayang sekali di kawasan-kawasan tumpuan pelancong, kawasan pantai tersebut dicemari dan tidak membolehkan pelancong-pelancong kita berenang di dalam air oleh sebab banyak obor-obor.

Dimaklumkan mungkin YB. Seberang Jaya dan YB. Sungai Puyu lebih arif pembiakan obor-obor ini adalah kerana perairan yang tercemar juga yang menyumbang kepada koloni obor-obor yang begitu banyak. Saya tidak tahu sama ada formula yang sama boleh digunakan untuk membanteras masalah ini. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Pencemaran laut atau sungai bukan disebabkan oleh *development* semata-mata, disebabkan oleh penjaja-penjaja di tepi sungai dan ditepi laut terus membuang ke laut dan ini menyebabkan pencemaran dan juga kilang-kilang. Kita juga pernah membuang *mud balls* ke Bayan Lepas, dekat *roundabout* sekarang YB. Batu Uban, *no more odours smells*. Kalau tak salah kita juga pernah EM Enzym di tol masuk Jambatan Pulau Pinang ada satu (1). Dulu bila kita masuk jambatan, masa saya kecil dulu, *once we passed the Penang Bridge, we cannot open the window* macam ada orang kentut...(ketawa). *But now no more this odours because the factory there using the Effective Micro Organism Enzyme, they are using it*. Sebab itu di sana bau busuk sudah hilang.

Saya harap PBT, MBPP, MPSP, EXCO Alam Sekitar terus mempromosikan *garbage enzyme* atau EM Enzyme ini untuk semua lapisan masyarakat untuk menggunakannya. Dalam *report* EMRO dari Japan, Okinawa, *three years ago, a 311 earthquake in Japan*, tempat itu Fukoka, tanah sudah tercemar dengan nuklear, *you cannot do anything* tetapi Dr. Teruo Higa telah pergi ke sana guna EM1, EM Enzyme *now I think a few hundred acres we can* telah boleh ditanam dengan sayur-sayuran dan buah-buahan, *they have reduced the radioactive effect there. There is report on EM, you can go and Google search emro.usa or Japan or Taiwan, they will come out. It is a very good method but why Penang stop after 2009*. Saya harap Kerajaan akan mengguna secara besar-besaran kerana ini baik untuk *environment*. YB. Sungai Puyu *you want to add something?*

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

*You* punya *floor* saya boleh pinjam sedikit. Pertama, memang pada masa kini kita ada buat kajian mengapa laut ini tercemar. Faktornya adalah IWK, kebanyakan loji IWK hanyalah tapisan dan bukan rawatan, tapisan dan rawatan adalah tidak sama dan oleh yang demikian IWK dalam satu mesyuarat di mana saya pengerusi, mereka mengakui bahawanya satu punca adalah loji mereka yang lama, tidak cukup tinggi dan juga hanya tapisan. Mereka telah berjanji untuk minta peruntukan dari Kerajaan Pusat untuk uruskan menyelesaikan perkara ini. Secara dasar air buangan perlu ditapis sebelum disalur ke laut. Untuk EM *mud balls* memang kami sedang melaksanakan dan akan diteruskan. Hanya ada dua isu, ada publisiti dan tidak ada publisiti. Kami diam-diam ubi berisi di sini.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Berapit sila teruskan.

### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Kalau perkara yang bagus kita kena *share* dengan semua lapisan masyarakat. Kalau boleh diperluaskan ke luar Pulau Pinang, *the whole* Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar yang telah menyebut semalam meminta Kerajaan Negeri mendirikan lebih banyak pusat rekreasi dan pusat-pusat *centre* kepada wanita atau belia. Saya juga mencadangkan Kerajaan Tempatan iaitu MBPP dan MPSP supaya bekerjasama dengan NGO untuk menggunakan bangunan-bangunan terbiar dengan sempurna dengan mendirikan lebih banyak pusat-



pusat komuniti atau aktiviti bagi warga emas. Warga emas boleh berlatih tai chi, main mahjong atau main *chest*. Pusat rekreasi untuk wanita atau pusat kreatif untuk wanita dan juga belia. Belia suka pusat ICT atau perpustakaan yang canggih untuk belia.

Di kawasan saya Bukit Mertajam, DUN Berapit tidak ada pusat yang sempurna dan canggih, saya minta D.O. *Rest House*, saya ingat *last term* kita ada *suggest* bagi kepada Hospital Bukit Mertajam, tetapi tiada apa-apa yang berlaku selepas empat (4) tahun, ini *nothing*. Kalau betul-betul Hospital Bukit Mertajam tidak menggunakan DO *Rest House* yang terbiar di kawasan saya, saya harap dan saya pernah *suggest* kepada D.O dan Datuk Rosli ketika itu di PDC, *that build the multilevel car park and turn into ICT or perpustakaan* untuk semua masyarakat sebab kalau Jalan Kulim waktu balik sekolah itu jam, ibu bapa boleh *parking* di *multi level car park* dan tunggu anak dia di pusat perpustakaan atau ICT. Kalau budak-budak balik sekolah tak perlu berebut-rebut balik, boleh pergi ke pusat ICT atau perpustakaan, ini lagi bagus kepada orang awam. Banyak banglo-banglo di bawah Kerajaan Tempatan dan kerajaan yang terbiar begitu, sayang ya.

Saya nampak satu muzium baru Kolonial Penang Muzium yang menggunakan banglo lama daripada MBPP. Saya mengucapkan ribuan terima kasih sebab sebagai bandar sejarah *and now as a heritage city*, UNESCO Heritage City kita perlu banyak lagi muzium kita sebab dari *museums they have all the history* untuk beri kepada orang kita, orang Malaysia, orang Pulau Pinang atau pelancong untuk mengetahui sejarah kita. Saya menggalakkan kalau boleh kita dapat pindah Dewan Undangan Negeri ke tapak yang baru, *so this building can turn into museum*. Kita boleh letak semua sejarah rekod Negeri Pulau Pinang dari 1<sup>st</sup> Dato' Speaker yang mula-mula dan semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berkhidmat di sini, yang duduk di sini berbincang memberi buah fikiran, membuat polisi di Dewan yang mulia ini. Ini lagi sesuai dan ini adalah pendapat saya dan harap mendapat sokongan dari Kerajaan Negeri. Ada sesiapa lagi yang mahu bertanya.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Boleh bagi laluan. Terima kasih kepada YB. Berapit, saya cukup menyokong cadangan YB. Berapit untuk menambah lagi muzium-muzium, tempat-tempat bersejarah yang boleh menyemai warisan kita. Sedarkah Berapit bahawa kita ada "Millennium Capsule" semasa menyambut *millennium* era baru ini di Padang Kota. Millennium Capsule ini mengandungi saripati sejarah Negeri Pulau Pinang, sejarah dari awal sehingga sekarang dan ianya ditanam di sudut Padang Kota untuk disemadi untuk masa depan, tapi tak diberitahu bila akan dikeluarkan untuk masa-masa akan datang, bukan sekarang. Ini untuk maklumat semua.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Berapit. *No, no. You want to carry the* bahas? Saya bagi tahu.

#### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Dato' Speaker, saya cuma hendak mengiktiraf, *recognize* dengan memberitahu bahawa yang *action mud balls* ini memang berjaya dan saya hanya memberitahu sebagai seorang pemantau ikan lumba-lumba, sebelum *mud balls* digunakan itu, saya sedang memantau ikan lumba-lumba di Australia, New Zealand dan juga Eropah dan sekarang di Pulau Pinang. Apa yang saya hendak nyatakan, tapi yang saya

nampaknya selepas dari segi statistik, pencemaran air sungai dan laut kurang selepas menggunakan *mud balls*, nampaknya ikan lumba-lumba ada masuk ke *bay* kita di Pulau Pinang. Sebelum itu hanya boleh didapati, dicari di tempat yang lebih bersih, lautan yang lebih bersih seperti kawasan di Perak Utara, di Lumut. Tetapi di dalam beberapa tahun sekarang ikan lumba-lumba ada masuk ke Pulau Pinang dan juga beberapa haiwan liar termasuk *sea otter* yang besar, bukan yang kecil di kawasan Balik Pulau dan juga nampaknya terdapat helang laut juga. Saya tidak ada *scientific proof* tetapi kemungkinan kerana *environment* kita nampak ada sedikit *improvement*. Ini yang saya hendak rakamkan. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga. Itu memang betul. *In 1960's* bila kita ambil feri dari Butterworth ke Pulau Pinang memang ada ikan lumba-lumba ikut bersama dengan feri, tetapi hilang di tahun 90-an tetapi sekarang ada balik. Kalau satu hari pantai kita ada *coral, that means our sea is clean*. Saya harap satu hari pantai-pantai di Pulau Pinang, kalau *coral* boleh hidup di pantai kita *that means* laut kita punya laut itu bersih, *no pollution. This is what happens in* Gold Coast, Australia, Okinawa atau Taiwan tetapi hilang di seluruh Malaysia, bukan hanya di Pulau Pinang. Itu sahaja ucapan saya YB. Dato' Speaker. Saya harap barisan EXCO akan menimbang cadangan saya demi kepentingan rakyat Pulau Pinang. Sekian sahaja ucapan perbahasan saya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Berapit. Silakan YB. Permatang Berangan.

#### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd. Hamid):**

Terima kasih Dato' Speaker. *Bismillah hir-Rahman nir-Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah* setinggi-tinggi kesyukuran dipanjat kehadiran *ALLAH subhana wataala* kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kita masih terus diberi peluang sekali lagi untuk bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini di dalam Persidangan yang Pertama, Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas. Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu di Dewan yang mulia ini sebagai mewakili rakyat di kawasan DUN Permatang Berangan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan sekalung penghargaan di atas pelanjutan tempoh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya saya dan semua rakyat di Permatang Berangan merasa gembira di atas pelanjutan tempoh Tuan Yang terutama sebagai T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas ucapan perasmian pembukaan sidang Dewan. Ucapan yang disampaikan merangkumi semua aspek termasuk ekonomi, pengangkutan awam dan infrastruktur, pelancongan, industri pertanian, asas tani, perumahan awam mahupun mampu milik, sektor pendidikan, belia dan sukan, pembangunan wanita, hal ehwal agama dan juga penyampaian perkhidmatan awam.

Sebagai wakil rakyat di DUN Permatang Berangan sesungguhnya sangat menghargai dan menyanjung tinggi cadangan, saranan, pandangan, nasihat, teguran dan buah fikiran yang bernas Tuan Yang Terutama Tun yang meliputi segala aspek kehidupan rakyat dan pembangunan negeri. Kami di Permatang Berangan mendoakan agar T.Y.T. dan isteri khasnya dan seluruh keluarga agar berada dalam keadaan sihat sejahtera, sihat tubuh badan, dipanjangkan usia dimurahkan rezeki oleh *Allah subhana wataala*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, isu pertama yang akan saya bangkitkan di sini ialah isu kesihatan. Selaras dengan perkara tersebut, saya juga ingin menyatakan keperihatinan saya di dalam isu kesihatan semua penduduk di Pulau Pinang ini amnya dan khasnya penduduk Permatang Berangan. Antara perkara utama yang ingin saya timbulkan ialah isu denggi yang semakin menjadi-jadi sehingga menjadi wabak. Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri di dalam mengatasi masalah ini kerana jika dilihat hanya Kerajaan Persekutuan yang mengadakan pelbagai program penerangan berkaitan isu wabak denggi ini. Pihak saya juga ingin memohon penjelasan berkaitan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi penerangan dan program berkaitan isu dan wabak denggi ini. Denggi juga adalah penyebab kepada kematian oleh itu adalah perlu Kerajaan Negeri menyatakan secara keras tentang kadar kematian yang diakibatkan oleh denggi dan kadar peningkatan di kawasan DUN Permatang Berangan.

Isu kedua adalah berkenaan zakat. Sebagai seorang muslim zakat merupakan kewajipan setiap individu dan zakat mempunyai pelbagai jenis seperti zakat individu iaitu zakat fitrah atau zakat perniagaan, zakat emas dan sebagainya. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri amnya dan pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang khasnya untuk menjelaskan kepada pengeluar zakat tentang jumlah kutipan dan menyatakan secara khusus pengeluaran zakat tersebut kepada asnaf agar tidak timbul spekulasi atau fitnah dan kegusaran yang menyatakan zakat telah dikeluarkan kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Yang di-Pertua, isu ketiga adalah institusi masjid. Semua sedia maklum bahawa masjid yang ada di Negeri Pulau Pinang bukan semua baik dan terurus.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan sedikit Yang Berhormat. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, walaupun saya bukan seorang yang beragama Islam, saya menyokong tentang saranan yang dibuat mengenai penyaluran wang zakat untuk tujuan yang berbasas. Bagaimana dengan penggunaan wang Tabung Haji dalam isu 1MDB, apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd. Hamid):**

Masalah ini adalah bukan isu Kerajaan Negeri atau yang perlu dijawab oleh saya. Saya tidak ada kepentingan dalam isu Tabung Haji, masalahnya adalah masalah umat Islam, saya pun ada simpanan dalam Tabung Haji. Kekeliruan yang timbul ini tidak melibatkan apa-apa pendeposit-pendeposit lagi jadi kita tidak boleh memberi apa-apa pandangan awal sama ada duit itu hilang kah atau tidak ada langsung. Minggu hadapan saya akan *check* tengok akaun saya...(ketawa).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mungkin wang itu sudah tidak ada pada masa itu, mungkin sudah lenyap Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Isu ketiga ialah Institusi Masjid. Semua sedia maklum masjid yang ada di Negeri Pulau Pinang bukanlah semua baik terutama di luar bandar seperti di DUN Permatang Berangan. Oleh itu saya memohon satu peruntukan yang lebih besar diusahakan untuk memastikan masjid-masjid di luar bandar juga mendapat kemudahan-kemudahan sebagaimana masjid-masjid di bandar. Saya juga ingin memajukan pertanyaan berkaitan pembentukan jawatankuasa kariah-kariah terutama mengenai isu pelantikan yang tidak selari dengan keputusan mesyuarat kariah. Oleh itu saya berharap agar Majlis Agama Islam dapat memberi penjelasan dengan kadar selengkapnya demi untuk mengelakkan dari menjadi isu yang boleh memecah-belahkan ahli kariah dan memberhentikan segala tohmahan buruk dalam sistem demokrasi pemilihan yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam.

Isu keempat ialah isu kampung tradisi. Selain daripada itu saya juga ingin menyatakan bahawa pembangunan pesat di Pulau Pinang juga telah menyebabkan banyak kampung-kampung tradisi yang terhakis dan ini adalah satu perkara yang tidak sihat kepada generasi akan datang. Secara sedar atau tidak akan melupakan sejarah tradisi Negeri Pulau Pinang, oleh itu perlu ada satu perancangan Kerajaan Negeri untuk mengekang daripada fenomena ini dari terus berlaku. Kerajaan Negeri perlu menyediakan perancangan khusus bagi tujuan tersebut.

Isu kelima ialah isu pelancongan. Negeri Pulau Pinang secara berterusan menjadi negeri tumpuan pelancong dari seluruh dunia. Walau bagaimanapun nikmat daripada kemasukan pelancong ini hanya dinikmati oleh sebahagian besar penduduk bandar dan juga peniaga-peniaga di bandar. Oleh itu Kerajaan Negeri seharusnya mengutamakan dan seterusnya perlu giat aktif mempromosikan pelancongan ke luar bandar seperti Homestay, Air Itam Dalam dan Lahar Yooi dalam kawasan Sungai Dua dan Mengkuang Titi di kawasan DUN Penanti. Faedah daripada industri pelancongan luar bandar ini akan terus dinikmati oleh pengusaha-pengusaha sektor pelancongan di luar bandar. Contoh terbaik seperti mempromosikan durian Balik Pulau. Kerajaan Negeri sepatutnya mempromosikan durian Relau, durian Sungai Duri dan sebagainya di kawasan Sungai Acheh dan Sungai Bakap. Pasal durian sudah dekat.

Isu keenam ialah isu Sekolah Agama dan Maahad Tahfiz. Kerajaan Negeri juga MPSP dan MBPP harus juga meneliti dan mengkaji tentang kewujudan beberapa kelas tahfiz yang berbentuk pondok yang dibina di kawasan kampung. Sesungguhnya tujuan pembinaan ini adalah amat baik demi syiar Islam. Walau bagaimanapun kajian harus terus dibuat terutama berkaitan kelulusan untuk pembinaan sama ada mendapat kebenaran Kerajaan Tempatan atau Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Ini adalah penting untuk mengelak daripada kejadian yang tidak diingini seperti kebakaran, masalah sistem perparitan yang mengakibatkan berlakunya banjir dan lain-lain lagi.

YB. Dato' Speaker, isu ketujuh ialah isu perancangan tempatan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk bertanya berkaitan dengan Rancangan Tempatan atau RT. Pada tahun 2013 telah dikemukakan untuk orang awam tetapi malangnya selepas dari pembentangan tersebut langsung tidak ada sebarang susulan berkaitan Rancangan Tempatan tersebut. Semua sedia maklum bahawa Rancangan Tempatan adalah amat penting untuk menentukan perancangan utama sesebuah negeri. Oleh itu saya pohon satu penjelasan yang amat komprehensif dalam penggulungan daripada Dewan yang mulia ini. Rancangan Tempatan juga amat penting untuk mengelakkan dari berlakunya bencana alam yang tidak disangka-sangka.

Contohnya seperti banjir kilat yang sering kali terjadi di kawasan-kawasan bandar George Town. Jika Rancangan Tempatan ini dibuat dan dilaksanakan secara yang sepatutnya sudah tentu masalah ini dapat dikurangkan. Oleh itu Kerajaan Negeri mestilah menyediakan *methodology* jangka masa panjang untuk mengelakkan daripada banjir kilat ini terus berlaku. Begitu juga saya ingin penjelasan Kerajaan Negeri berkaitan tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan tebatan banjir telah mula berjaya mengurangkan kadar banjir daripada beberapa tempat. Kerajaan Negeri juga seharusnya mempunyai cara untuk mengatasi masalah banjir tanpa lepas tangan dengan mengatakan masalah banjir berlaku sebab hujan lebat. Sudah tentulah bukan alasan yang baik atau bijak daripada seorang Ketua Menteri yang mengetuai Kerajaan Negeri yang maju seperti Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, isu kelapan ialah isu caj levi hotel bajet dan *home stay*. Seharusnya kalau usaha untuk terus menarik pelancong ke Pulau Pinang. Kerajaan Negeri secara tiba-tiba telah mengenakan levi melalui jumlah katil dan caj ini juga dikenakan kepada pengusaha *home stay* secara tidak langsung memberikan masalah kepada pengusaha *home stay* khususnya juga kepada pengusaha-pengusaha hotel bajet kerana terpaksa menaikkan kadar sewa dan saya percaya ini akan sedikit sebanyak menjejaskan kelancaran kemasukan pelancong ke Pulau Pinang. Oleh itu saya pohon penjelasan berkaitan rasional dikenakan caj levi mengikut jumlah katil ini.

#### **Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Penjelasan Ahli YB. Permatang Berangan. Untuk makluman Yang Berhormat caj *fee* Kerajaan Tempatan dan levi tidak dikenakan untuk *home stay*.

#### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd. Hamid):**

Isu kesembilan iaitu isu perumahan. Tanah di Pulau Pinang menjadi semakin sempit kerana dibangunkan perumahan dan sebagainya. Oleh itu haruslah perlu ada usaha untuk memastikan larangan lambakan tanah sawah kerana di situlah terdapatnya kawasan seperti kawasan tanaman padi yang sepatutnya dikekalkan untuk tujuan tanaman padi. Oleh itu saya merasakan perlu ada panduan yang lebih jelas berkaitan dengan kawasan yang boleh dimajukan dan kawasan yang harus dikekalkan sebagai tanaman padi. Pihak Kerajaan Negeri harus mengawal pertumbuhan perumahan dan pihak pemaju swasta tidak menjual rumah dengan harga sesuka hati dan ini tidak seharusnya dipandang ringan oleh Kerajaan Negeri.

Oleh itu, Kerajaan Negeri harus menyediakan kaedah yang lebih pratikal dalam mengawal harga rumah di negeri ini terutamanya rumah yang dibina oleh pihak swasta. Kerajaan Negeri perlu mengguna pakai dan tidak menggalakkan sektor swasta atau pun pemaju swasta membina rumah yang *high end* dan sehingga tidak dapat dibeli oleh rakyat tempatan. Jika sektor swasta ingin membina rumah yang *high end* maka Kerajaan Negeri seharusnya menggunakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada semua pemaju tidak kira agensi Kerajaan Negeri, Persekutuan atau sektor swasta. Semuanya sama tanpa ada diskriminasi.

Contohnya memperkenalkan kadar bayaran premium yang lebih tinggi berasaskan kepada GDV sesuatu pembangunan dan bukannya berdasarkan kepada jumlah ini. Contohnya sekarang Kerajaan Negeri mewajibkan membina jumlah unit lebih daripada 150 unit harus membina 30% rumah kos rendah tanpa mengira harga dan jenis rumah yang dibina tetapi sebaliknya Kerajaan Negeri harus memikirkan untuk menentukan kouta rumah kos rendah dan sederhana kepada GDV sesuatu pembangunan. Jika cadangan ini diambil kira, sudah tentulah pemaju akan berfikir panjang untuk membina rumah yang lebih mahal.

Berkaitan rumah yang mampu milik dan rumah yang kos rendah yang seharusnya Kerajaan Negeri dalam meluluskan projek perumahan seharusnya menyediakan satu dasar berkaitan dengan rumah yang dibeli sama ada untuk didiami atau hanya untuk spekulasi. Kerajaan Negeri seharusnya mewujudkan satu jawatankuasa untuk menilai dan membuat kajian berkaitan rumah yang didiami atau rumah dibeli sekadar spekulasi. Kerajaan Negeri sepatutnya mempunyai data berkaitan *vacancy* atau pun pemilikan yang tidak didiami berbanding rumah yang dibeli untuk didiami.

Satu isu yang menarik adalah berkaitan dengan beberapa yuran atau sumbangan atau *contribution* yang telah dinaikkan kadar sama ada oleh Majlis Perbandaran atau pun Kerajaan Negeri. Contohnya bagi *zoning* semula yang telah dinaikkan sehingga 25 hingga 50% dan keadaan lebih buruk jika tanah tersebut terletak di sebelah Pulau dan saya juga difahamkan walau pun telah ada satu formula khas bagi pengiraan yuran *zoning* ini. Tetapi akhirnya Ketua Menteri akan membuat keputusan dan kadar ini mungkin akan lebih tinggi yang melibatkan tanah milik Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kadar bagi sumbangan infrastruktur atau *infrastructure contribution* telah dinaikkan daripada RM5 kepada RM15 bagi rumah yang melebihi 15 unit rumah bagi setiap satu ekar manakala tanah komersial pula kadarnya telah dinaikkan daripada RM21 jika dibandingkan dengan RM7 dahulunya. Caruman perparitan bagi parit yang telah dinaikkan daripada RM50,000 satu ekar yang dulunya hanya RM10,000 seekar.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih, YB' Dato' Speaker dan YB. Permatang Berangan. Adakah peningkatan pada jumlah-jumlah premium dan sumbangan yang diminta oleh Kerajaan Negeri yang telah meningkat berkali ganda menyumbang dan menyebabkan kepada kenaikan harga rumah yang begitu tinggi di Pulau Pinang. Sehingga menjadi luar kemampuan dan juga oleh sebab kos-kos pembangunan ini yang tinggi menyebabkan pemaju-pemaju terpaksa membina rumah yang harga tinggi kerana untuk menyerap kos-kos pembangunan yang dah bertambah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Benar, YB. Telok Ayer Tawar bahawa kos-kos penambahan *contribution* kepada *state* melibatkan harga-harga rumah itu sedikit sebanyak dinaikkan. Ini tidak dapat dinafikan bahawa kos yang terpaksa ditanggung oleh pemaju akan ditanggung pula oleh pembeli-pembeli ini akan melibatkan harga rumah menjadi mahal.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua, cuma nak ulas sedikit hujahan YB. Permatang Berangan dan juga soalan daripada YB. Telok Ayer Tawar. Pemaju diberi pilihan sama ada mengekalkan ketumpatan yang sedia ada iaitu 15 unit satu ekar atau pun ditingkatkan dari segi kepada 30 kepada 87 dan sebagainya mengikut garis panduan yang ditetapkan. Jadi kalau dia tidak nak bayar caruman tambahan itu dia boleh kekalkan dengan *density* asal, jadi *imprecision* caruman yang dikenakan dari RM5 kepada RM15 cuma dipakai kalau pemaju pilih untuk menggunakan *density* yang lebih kalau kekal memang tak wujudlah tak berkenaan dan oleh itu pun cara di mana tanah itu boleh menghasilkan lebih unit dan kalau sebagai pemaju yang bertanggungjawab ini akan mampukan kos tanah dan sebagainya dan sepatutnya akan menjaminkan kos unit yang tidak melambung tinggi, walau pun ada komponen caj-caj yang baru sebab dari 15 sekarang boleh dapat 30 atau pun 87 *depending guide line* yang dipakai. Jadi ini akan menstabilkan harga pasaran dan semoga tak naik dengan mendadak sehingga paras harga tidak mampu dibeli oleh rakyat tempatan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Terima kasih YB. Padang Kota atas penjelasan tersebut. YB. Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya. Satu perkara yang saya ingin perbetulkan kenyataan YB. Bagan Dalam yang mengatakan agensi Kerajaan Persekutuan tidak ada membina rumah.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan sikit. Awat awal sangat nak berhenti. Ketua Menteri baru masuk, tak akan nak berhenti dah. Saya nak tanya Yang Berhormat, hakikatnya pasal harga rumah naik ini. Walau apa pun yang berlaku yang kaedahnya tapi selalunya harga tu naik melambung, naik tinggi tapi tidak adakah cara yang boleh Kerajaan Negeri fikir bagaimana boleh buat kawalan terhadap harga-harga rumah. Walau pun kita tengok, kita kata ini cuba nak *stabilize* harga tapi tidak ada satu kes yang boleh kita rujuk. Harga kawasan ini RM400,000 harga sekian-sekian I ni RM200,000 kah, RM500,000. Tapi kalau sebelah itu buat, lepas empat (4), enam (6) bulan dah melambung tinggi. Tidak adakah cadangan atau kaedah yang boleh diberi kepada Kerajaan Negeri, bagaimana kaedah mengawal harga rumah ni.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Minta laluan sikit boleh? Tadi YB. Padang Kota sudah jelaskan, so ini adalah *open market so developer* nak *sale* harga itu, orang nak beli, beli dengan harga itu. Apa yang Kerajaan Negeri sudah memperkenalkan satu skim rumah mampu milik. Harga itu ditentukan RM200,000, RM300,000, RM400,000 dengan kadar yang saya ingat mampu oleh golongan-golongan yang ingin beli rumah sederhana. Mereka tak

layak untuk beli kos sederhana rendah dan tak mampu beli rumah mewah macam RM1.8 juta akan dibina oleh PERDA kah, siapakah. So kategori inilah yang usaha Kerajaan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya minta laluan untuk tambah sedikit membantu sedikit hujah dari YB. Telok Bahang memang bukan kali pertama. Ia sering ulang-ulang perkara yang sama, yang peliknya sekarang PERDA dan syarikat-syarikat Persekutuan ingin Kerajaan Negeri yang merayu kepada Kerajaan Negeri. Biarlah kita jual dengan harga yang lebih tinggi bukan mengikut kawalan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Itulah kawalan harga memang sudah pun ditetapkan, RM200,000, RM300,000, RM400,000 mengikut saiz di Pulau. Di Seberang Perai RM250,000, ikut saiz jugalah. Jadi sekarang selain dari pemaju merayu, PERDA juga merayu biarlah, bagilah PERDA menjual dengan harga dengan lebih tinggi. Itulah masalahnya Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan. Ini pun ulang-ulang juga. Ada satu kes PERDA ini ulang banyak kali. Tapi kita ini tidak terlibat dengan kes pentadbiran PERDA. Dan bila kita jumpa PERDA dia kata kita ada sebiji sahaja rumah RM1.8 million. Dia kata. Ini PERDA yang kata. Saya cuma bagi tahu sahaja. Saya nak bagi tahu harga rumah ini memang ada masalah. Kita tidak ada satukah cara untuk mengawal sedikit, terutamanya di kawasan *reclaim area*. Kita tak nampak boleh buat *mix development* pun. Masa Kerajaan Barisan Nasional buat Express Jelutong itu kita dah nampak. Lepas ke depan sikit dekat Gelugor itu kita tak nampak ada *mix development*. So bagi kita apabila berlaku proses yang macam ini kawasan-kawasan tertentu seolah-olah digazetkan untuk orang-orang kaya. Orang-orang pendapatan sederhana juga duduk di tepi-tepi pantai. Saya punya cadangan minta supaya Kerajaan Negeri fikirilah satu cara kaedah, tak akan macam itu pun nak marah. Ini soalan saya.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Minta laluan daripada saya. Saya juga minat dengan harga perumahan di Pulau. Bolehkah EXCO yang memegang portfolia ini memberikan satu data kepada kita semua, Pulau Pinang harga rumah *per square feet* di Pulau Pinang. *How much, average* kepada kita semua. Di Barat Daya dan juga Timur Laut. Apa bezanya berbanding dengan Pulau Pinang, Singapore, Hong Kong, Taiwan. Kita mau tahu kualiti hidup di sini dan taraf hidup di sini berbanding dengan harga rumah. Adakah pendapatan rakyat dengan taraf hidup kita mampu seimbang. Kita mahu data ini. *But in future of course all the island* tanah dia terhad, harga akan melambung tinggi. Tapi bagi pendirian saya memang *developer they gain a lot of money compare with the price, compare with the current situation*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagi laluan lagi.



**Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sini, sini, terima kasih YB. Dato' Speaker. Ahli Kawasan Permatang Berangan, saya ada bersama-sama saya di sini laporan dari NAPIC iaitu Pusat Maklumat Harta Tanah Negara yang menyatakan bahawa dari tahun 2012 hingga tahun 2014, purata campur rumah kos rendah dengan rumah yang mahal di Pulau Pinang telah mencatatkan kenaikan sebanyak RM81,282.00. Jadi ini kenyataannya purata *per unit the average* kenaikan sebanyak RM81,282.00. Jadi kita kena memikirkan apakah yang menyumbang kepada kenaikan harga yang begitu tinggi ini. Banyak faktor harga tanah, kos pembangunan, spikulasi macam-macam. Jadi saya rasa yang ini perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri sebagai pihak yang membuat dasar bagaimana untuk membantu sektor swasta, sektor kerajaan dan juga membantu rakyat menyelesaikan masalah ini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membantu saya...(gangguan), saya takut kawan saya ini Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua nak bagi ucapan juga. Saya takut tak sempat nanti. Jadi satu perkara yang ingin saya perbetulkan di sini berkenaan kenyataan Ahli Kawasan Bagan Dalam yang menyatakan agensi Kerajaan Persekutuan tidak ada membina rumah sepanjang pemerintahan di Pulau Pinang. Dalam kenyataan ini adalah kenyataan liar dan satu pembohongan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa JKP telah membina flat di kawasan Bagan Dalam, Taman Tun Sardon di Bagan Ajam. PERDA membina Taman Sungai Dua Utama, Bandar PERDA, Taman Penaga, Taman Sungai Acheh, perumahan Taman Kuala Sungai Pinang dan yang akhir sekali ini yang ada dalam pembinaan dan yang ada dalam pembinaan di Telok Bahang sebanyak 100 buah unit rumah kos rendah dan juga di Tasek Gelugor iaitu Taman Rakyat Desa Puri sebanyak 57 buah unit yang telah pun siap dan belum dapat OC. Pihak MPSP menahan OC kami. Jadi kami harap benda ini rumah dah siap dan sebagainya. Jalan ada semua sudah siap untuk masuk sahaja. Penduduk-penduduk di situ dan penduduk miskin yang kita bagi sewa RM80 sebulan dan untuk rakyat PPR.

Ini membuatkan kita rasa kecewa dan kita minta Kerajaan Negeri membantu kita untuk mendapatkan OC ini dan rumah-rumah ini di surrender kepada rakyat-rakyat ini sebelum bulan puasa ini. Rumah-rumah di Telok Bahang dan saya dah bincang dengan Ahli Kawasan Air Putih dan dia pun setuju dan kita telah mendapat persetujuan diantara pihak PERDA dan saya dan juga Ahli Kawasan Air Putih cara penyelesaian yang terbaik. Saya harap cara penyelesaian ini janganlah digembar-gemburkan lagi. Kedua-duanya adalah *win-win situation*. Di kawasan Teluk Kumbar, di kawasan Telok Bahang. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ahli Kawasan Air Putih kerana kita telah menyelesaikan masalah perumahan di kawasan Telok Bahang. Sekian saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya mempersilakan Ahli Kawasan Sungai Dua untuk teruskan.

## **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

*Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. *Bismillah hir-Rahman nir-Rahim.* YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Yang Amat Berhormat Ahli Kawasan Air Putih, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Sungai Dua mengucapkan syukur kehadiran *Allah s.w.t.* dan terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberikan peluang untuk membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negeri Pulau Pinang adalah payung kepada kita dan merupakan tempat untuk kita mengadu jika berlaku sebarang masalah dan kesilapan. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Negeri Pulau Pinang negeri yang kita kasihi ialah negeri yang cukup aman dan makmur di mana dalam ucapan Tuan Yang Terutama yang terakhir yang mendoakan supaya Pulau Pinang dan seluruh rakyat di negeri ini mendapat perlindungan *Allah* dan sentiasa dilimpahi rahmat supaya keamanan dan kemakmuran dapat diwariskan, saya ulangi dapat diwariskan kepada generasi yang akan datang dan seterusnya mencapai matlamat menjadi negeri maju yang bertaraf antarabangsa dan pintar. *Insyah-Allah.*

Harapan Tuan Yang Terutama Tun ini haruslah diberikan perhatian oleh semua pihak terutamanya Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat serta pegawai-pegawai kerajaan yang melaksanakan segala bentuk pembangunan di Pulau Pinang sama ada pembangunan ekonomi, infrastruktur, pelancongan, pertanian, perindustrian dan sebagainya. Satu bentuk perancangan dan pelaksanaan yang bersepadu perlu dilaksanakan dan digemblengkan oleh semua pihak tak kira negeri mahupun pusat demi mencapai matlamat negeri maju bertaraf antarabangsa dan pintar ini. Setiap pemimpin mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam melaksanakan segala bentuk projek ataupun program yang disusun demi kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang. Setiap kejayaan yang dicapai hari ini mestilah dimulakan dengan kejayaan pemimpin-pemimpin yang terdahulu. Kita jangan asyik mencari kelemahan dan kesilapan semata-mata tanpa melihat kebaikan yang membawa kejayaan pada hari ini.

Untuk kita sampai ke Pulau yang indah, Pulau yang makmur sudah semestinyalah ada orang yang membina jambatan untuk membolehkan kita sampai ke situ. Sekurang-kurangnya kita kenang jasa orang yang membina jambatan ini. Jangan kita cemuh dan benci mereka-mereka yang terlibat. YB. Yang di-Pertua sebagai manusia yang mempunyai pelbagai kelemahan, kita tidak sempurna sudah barang tentu terdapat kesilapan-kesilapan yang berlaku. Jangan kita mendabik dada mengatakan yang kita sempurna. Jangan kita mendabik dada menyatakan kita ini hebat. Kita mampu melaksanakan semua dengan terbaik.

Terkadang-kadang kita tersilap langkah, kadangkala kita terpaksa melakukan sesuatu yang kurang baik demi menutup kesilapan yang telah kita lakukan. Kita bercakap terdegar-degar tentang mengotakan janji. Janji pilihan raya. Janji yang tak ditepati. Manifesto bukan janji, janji sana janji sini. Itu sebahagian kerja Yang Berhormat. Bila orang mai jumpa *insyah-Allah* kita akan buat. Kita perlu melihat kepada pepatah Melayu yang mengatakan.

“Kata dulang paku serpih, mengata orang kita yang lebih.”

Dia yang lebih. Kita kena lihat juga janji-janji kita yang belum kita tunaikan. Jangan kita hanya menyatakan orang lain tak tunaikan janji. Tapi kita kena melihat janji-janji kita yang belum dipenuhi dan ditunaikan. Pihak PAKATAN juga ada berjanji dalam manifesto yang lalu dan sebahagiannya masih belum selesai. Mungkin ada kekangan masalah dan sebagainya. Ini merupakan janji yang belum ditunaikan dan tidak sempat ditunaikan. Tol Sungai Nyior contohnya, masalah banjir nak selesai dalam sembilan bulan tak boleh selesai. Tapi kadang ada kekangan perkara yang kita tak boleh selesaikan. Bukan hanya di Pulau Pinang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Minta laluan. Penjelasan. Satu minit sahaja. Tentang Tol Sungai Nyior bukan dalam kuasa Kerajaan Pulau Pinang, itu kawasan...(gangguan)

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Jangan janji.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Kita tak janji. Siapa yang janji. Tak ada orang janji.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ada-ada, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri jangan bila kita janji tak dapat ditunaikan kita menyalahkan pihak lain. Menyalahkan pihak itu, pihak ini. Jadi ini tak patutlah. Kita cari punca dan kelemahan kita. Tak boleh selesai pasal apa. Tak boleh tunai pasal apa. Kita bentangkan, selesaikan dengan masyarakat dengan rakyat dan sebagainya. Ini tidak, orang lain tak boleh tunaikan janji kita *blame*, hentam sana sini. Tapi kita kena cari punca kelemahan diri kita punca kelemahan yang ada. Mungkin ada sebab-sebab yang tertentu yang tak boleh diselesaikan. Jangan hanya kita main nak taruh saja. Main hentam sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya nak bagi *chance* ni. Tak mahu hentam Yang Berhormat, *relax* ni. Nanti Seri Delima sudah panas, susah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Alam sekitar termasuk kawasan hijau, tadahan air, laut, sungai dan bukit perlu diberikan perhatian dan dikekalkan keadaan semula jadi. Pembangunan yang dilaksanakan perlu mengambil kira pembangunan yang mampan. Pembangunan yang mengekalkan kesejahteraan alam sekitar untuk generasi akan datang. Jangan nanti generasi akan datang tak tahu dah. Pokok ini pun tak kenal, pokok keriang akeh .... (dengan izin). Pokok macam-macam tumbuhan yang kita tak kenal. Jadi kita kena tinggalkan kepada generasi yang akan datang. Apa yang dilihat pembangunan yang dilaksanakan dan akan dilaksanakan mengambil kira keadaan ini. Pembangunan terowong, projek Bukit Botak, projek *Middle Bank*, kawasan tanaman bakau dan

sebagainya. Ini merupakan kawasan yang perlu dilihat dari segi pengekelan alam semula jadi dan juga alam sekitar. Apa yang diharapkan supaya Kerajaan Negeri mengambil kira keadaan alam sekitar dalam pelaksanaan projek-projek yang bakal dilaksanakan. Bagi projek yang merosakkan alam sekitar dan memberikan kesan buruk perlu dihentikan pelaksanaan dan cari alternatif atau pilihan yang lain.

YB. Dato' Yang di-Pertua tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah berusaha menaikkan taraf MPPP kepada MBPP pada 1 Januari 2015. Apa yang saya faham untuk menaikkan taraf daripada Perbandaran kepada Bandaraya yang mempunyai kriteria-kriteria tertentu. Salah satu yang saya ingatlah pendapatan Majlis itu mesti ada sekian-sekian jumlahnya RM100 juta, dan untuk mencapai taraf RM100 juta harapan saya dan juga Tuan Yang Terutama TUN semoga taraf perkhidmatan MBPP akan menjadi lebih baik kepada rakyat dan tidak mahu mendengar masalah-masalah perkhidmatan yang tidak berkualiti timbul dan wujud di situ. Perkhidmatan mestilah *tip-top* ...(dengan izin), dan cemerlang, di samping itu *charge-charge* juga cukai yang dikenakan janganlah terlalu tinggi sangat dan keduanya isu-isu banjir dapat diselesaikan di kawasan MBPP. Kebersihan sampah, longkang perlu diselenggaranya dengan sempurna dengan lebih baik bertaraf bandar raya dan perkhidmatan yang dibuat mestilah perkhidmatan yang *first class* ...(dengan izin).

YB. Dato' Yang di-Pertua ekonomi negeri tanpa mempunyai sumber asli, Kerajaan Negeri perlu lihat peluang-peluang sektor perindustrian pelancongan dan perkhidmatan sebagai *key* utama ekonomi negeri. Kerajaan Negeri juga perlu mempertingkatkan pelaburan asing bersama-sama dengan pihak MIDA. Saya juga ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya menaikkan kadar cukai tanah, kadar cukai pintu 4.25% kepada 4.05%, kadar sewa gerai dan juga pasar 100 hingga 120%, *charge* meja yang dirampas RM50.00, kadar *charge* air naik sehingga 19%, *charge* urus niaga tanah hingga 200%. Diharap kenaikan ini tidak menimbulkan kerisauan walaupun sebahagian besar pihak merungut kepada saya terutamanya yang sewa gerai tak mampu untuk bayar sewa gerai yang naik sehingga 100% ke 120% dan kita harap tidak ada lagi kenaikan selepas ini demi kesejahteraan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkaitan pembangunan belia dan sukan, saya merasa agak terkilan kerana tiada sebarang maklumat yang disentuh oleh T.Y.T. Tun berkaitan pembangunan belia di Negeri Pulau Pinang yang merupakan hampir 40% daripada penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang. Perkembangan dan Pembangunan Pertubuhan Belia di Negeri Pulau Pinang tidak diberikan keutamaan. Belia-belia di kawasan luar bandar kurang dedikasi melalui pertubuhan belia. Apa yang disentuh oleh Tuan Yang Terutama TUN hanya pasukan bola sepak yang semakin meningkat naik, tahniah bola sepak semakin ramai penuntut-penuntut. Saya pernah pergi sekali sampai kena berdiri Penang lawan PDRM. Parking pun tidak boleh, terlampau orang ramai, sokong Negeri Pulau Pinang... (ketawa). Saya pergi satu (1) famili, saya anak seorang bini seorang, semua pergi tengok bola, harap-harap YB. Padang Lalang dapat memberikan laporan tentang perkembangan pertubuhan belia dan belia-belia dalam penggulungan nanti serta program yang telah dan akan dilaksanakan.

YB. Dato' Yang di-Pertua Pembangunan Wanita juga masih tercicir kebelakang hanya 2,241 wanita yang didaftarkan dan terlibat dengan program Wanita MMK belia dan wanita sukan. Ibu tunggal di kawasan Sungai Dua sahaja hampir 300 orang yang mai kat saya, jenuh pilih, jenuh pilih, semua ibu tunggal, termasuk yang muda,

termasuk yang warga emas. Jadi ibu tunggal ini perlu difikirkan sesuatu yang boleh membantu menyara kehidupan mereka, saya tengah fikirkan untuk cari barang-barang kilang untuk dibuat di rumah, itu dah saya kenal pasti dapat empat (4) kilang setuju, saya akan bagi barang itu kepada mereka dan ini membuat rumah akan 500 ke 600 sebulan. Jadi kita tambah satu lagi, tiga lagi kosong, jadi ini merupakan kaedah yang saya buat di kawasan Sungai Dua dan saya mengumpulkan kuih-kuih, kita cari seorang, dia cari market di kilang, di universiti IPTA, dikantin-kantin, pejabat-pejabat, orang ini akan kutip kuih-kuih yang ibu tunggal ini buat dan di hantar ke pasaran, ini saya buat, ini saya buat kuih-kuih basah, saya kumpulkan, disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri, macam mana kita hendak bantu mereka menyertai cara kehidupan mereka ini, ibu tunggal yang di bawah 50 tahun memberi semangat yang tinggi, cuma perlu dibantu dan diberi kail.. mereka berdikari. MMK Belia Wanita dan Sukan sebelum merangka sesuatu untuk menyelesaikan masalah ibu-ibu tunggal ini selain daripada program titian saksama rakyat. Kita pakat sama-sama bantu supaya ibu tunggal terbela dan mampu meneruskan kehidupan dan menyara keluarga.....(gangguan). Tak bagi kut...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya memang hendak puji, saya memang hendak katakan ini memang sahabat yang bagus, usaha yang sangat murni, hendak tolong ini ibu-ibu tunggal yang tak kira tua ataupun muda. Jadi saya rasa mungkin semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh buat program seperti ini, ya boleh buat di Permatang Berangan, boleh buat surat, masih boleh buat di Padang Lalang. Jadi kalau kita semua boleh buat sesuatu usaha sedikit, jadi kita boleh bantukan, jadi saya hendak ucapkan terima kasih dan syabas kepada Sungai Dua kerana ada program seperti ini.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Jadi seterusnya anak-anak ibu tunggal ini sebahagian besar menghadapi masalah. Anak-anak ibu tunggal, puncanya anak-anak ini bermasalah sebahagian besarnya 80 hingga 87 % kerana keluarga kerana ibu tunggal, emak dia saja cara hendak didik, hendak jaga anak, jadi pelbagai masalah kerungsingan hubungan akhlak berlaku tidak ke sekolah dan langsung tidak ada didikan agama, moral dan sebagainya. Jadi mereka ini juga perlu diberi perhatian oleh MMK terlibat, MMK Belia Sukan dan Wanita seperti khidmat kaunseling, anak-anak ini diberi kemahiran dan supaya kita dapat memastikan anak-anak ini tidak menghadapi masalah. Seterusnya tentang.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan. Saya rasa ini YB. Sungai Dua sangat prihatin ke atas masalah sosial. Saya hendak jemput bersama-sama supaya kita boleh mewujudkan program di semua sekolah di Pulau Pinang kerana kami menghadapi sedikit masalah kalau masuk sekolah kerana ini Kementerian Pendidikan tak beri masuk, tak katakan kalau mahu masuk program yang baik seperti ini pun, dia mesti mohon kebenaran, kalau boleh saya mahu buat, kita buatlah di sekolah untuk mereka anak-anak dari keluarga miskin, ibu tunggal, jadi saya jemput Sungai Dua, kalau sudi kita boleh adakan satu jawatankuasa dan kita boleh sama-sama fikir bagaimana kita boleh buat sesuatu untuk anak-anak ini. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih. Saya sudah buat di Sekolah Sungai Dua Ahmad Said dan juga Sekolah Desa Murni, kita kumpulkan anak bermasalah, kita masukan Giat Mara di situ dan semua pelajar ini memang *drop of school* ini...(dengan izin) dan dia berminat dengan kemahiran, jadi dia akan dapat sijil kemahiran, kerana mereka tidak berminat bersekolah. Kita dah buat di dua sekolah, kita buat di Sekolah Sungai Dua, *insya-Allah* saya boleh bersama.

YB. Dato' Yang di-Pertua, fokus dalam Hal Ehwal Agama Islam perlu terus dipertingkatkan, masalah-masalah perpecahan dalam kariah masjid perlu diberi perhatian utama dan diselesaikan. Jangan gunakan masjid sebagai tempat untuk menabur fitnah dan memecahbelahkan masyarakat, saya cadangkan supaya AJK Kariah dilantik merangkumi semua kumpulan dalam masyarakat, campur-campur ada masjid di kawasan saya yang cantik AJKnya, campur semua, semua parti ada, contohnya Masjid Nyior Sebatang, Masjid Merbau Kudong, Masjid Permatang Bogak, Masjid Pajak Song, dia campur semua pihak jadi dia tak ada masalah Pengerusi orang ini, Naib Pengerusi orang ini, Naib Setiausaha orang ini. Jadi jalan dengan baik dan tidak ada sebarang perpecahan berlaku di sini.

Isu tanah perkuburan di kawasan kariah perlu diberi perhatian serius. Soalan bertulis saya nombor 28, di Sungai Dua banyak kawasan kariah yang telah sempit, sesak tanah kuburnya dan perlu kawasan baru. Terdapat dua (2) kawasan yang dimasukkan dalam jawapan soalan bertulis, malangnya kawasan itu ialah kawasan di Telok Ayer Tawar di Bagan Lebai Tahir dan juga di Padang Menora. Di kawasan Sungai Dua tidak ada lagi pengambilan untuk tujuan tanah kubur. Contohnya di masjid Sungai Dua Permatang Sungai Dua, kawasan Permatang Pasir. Masjid Al-Rashid, Masjid Sungai Lokan, Masjid Permatang Tok Jaya Sebatang, Permatang Haji Hassan, Permatang Bogak, semua ini mengalami masalah kawasan yang telah sempit dan tidak mencukupi. Kita harap MMK Majlis Agama dapat melihat dan mengatasi masalah ini. Begitu juga pembaikan dan menaik taraf sekolah-sekolah agama rakyat seperti di.... (gangguan). Ya.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Sungai Dua, YB. Dato' Speaker, saya ingin menambah, tentang keperluan tanah-tanah perkuburan yang disebut oleh Sungai Dua untuk membuka kawasan-kawasan di Sungai Dua dan di Telok Ayer Tawar di kawasan saya, di mana saya ada membuat soalan bertulis tentang kubur Tok Yan di Telok Ayer Tawar, di mana sekarang tak digunakan kerana saya dimaklumkan oleh Ahli Batu Maung bahawa kubur ini termasuk di dalam pengambilan TUDM dulu dan sekarang dipagar oleh TUDM dan tak boleh diguna oleh orang ramai. Jadi saya minta kalau boleh gunakan jasa baik Kerajaan Negeri untuk berunding dengan pihak TUDM. Saya pasti TUDM pun tak mahu guna, kubur itu hendak buat apakan. Biarlah kubur itu diguna untuk masyarakat Islam di Telok Ayer Tawar untuk mengurangkan sedikit tekanan kesesakan kubur yang berlaku di Bagan Lebai Tahir, di Telok Ayer Tawar untuk mengguna kawasan kubur Tok Yan itu. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih. Begitu juga dengan pembaikan dan penaik taraf sekolah-sekolah Agama Rakyat seperti di Simpang Empat Permatang Buluh yang memerlukan bangunan tambahan, Pajak Song memerlukan peralatan tambahan dan sebagainya. Ini perlu juga diberi perhatian dan diberikan sedikit pertuntukan di bawah Majlis Agama dan sebagainya. Saya juga telah memohon kepada pihak JPM, pihak Menteri yang menjaga bahagian Agama untuk tambahan bangunan ini, kalau dapat kita gunakan, tak dapat state juga tolong bantu sama untuk kepentingan masyarakat di dalam kawasan Sungai Dua. Pengurusan masjid juga perlu dipertingkatkan terutamanya dari segi pengurusan kewangan, kaedah mencari dana, pewujudan koperasi. Ini perlu diberi perhatian di kawasan-kawasan kariah masjid kerana ini merupakan salah satu kaedah untuk menjadi *one stop*, contoh macam di Masjid Al-Takwa ataupun Al-Barrakah yang banyak ada gerai-gerai, kedai dan sebagainya. Ini akan menambahkan dana kepada masjid itu sendiri.

YB. Dato' Yang di-Pertua setiap kali ucapan saya akan menyentuh berkaitan dengan isu pertanian dan asas tani, walaupun sumbangannya kecil nkepada KDNK negeri 1.9% tapi ianya amat penting bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan import dikurangkan untuk Negeri Pulau Pinang. Sebahagian besar petani, penternak adalah mereka-mereka yang berada di bawah paras kemiskinan. Memperkasakan sektor pertanian bukanlah hanya sekadar jawapan yang saya dapat, yang disentuh oleh Tuan Yang Terutama Tun iaitu sekadar memberi pinjaman tabung kepada usahawan muda tani, bukan hanya sekadar menyampaikan pukut kepada nelayan-nelayan, bukan hanya memfokuskan kepada projek-projek ZIA ataupun *Zone Industry Agricultural*, tapi sektor pertanian di Pulau Pinang perlu diberikan satu pendekatan yang lebih baru, terutamanya dari segi pembangunan teknologi baru, dari segi pewujudan usahawan yang mampu menjadi leader, saya wujudkan tiga (3) projek di Sungai Dua. Satu (1) cendawan, kita ada seorang yang *lead*, dia akan mulakan, dari mula sampai habis, daripada perancangan, pembekalan benih, peralatan *medium* dan sebagainya, penjagaan sehinggalah kepada pemasaran.

Jadi setiap orang yang bela sampai 20 orang tanam cendawan ini akan true dia, kita buat pinjaman melalui TEKUN, kita akan uruskannya, dia akan *lead*, kita kena ada satu usahawan *lead* setiap projek pertanian, kalau tidak dia akan menghadapi masalah pasaran, ini akan berlaku. Jadi tolong buat macam itulah, apa yang saya nampak dan yang penting kita kena cari teknologi baru kerana kita baru di Pulau Pinang kerana kawasan tanahnya agak kecil. Kita kena guna satu kaedah lain. Sama ada *hectare equivalent*, kita beri biji benih, Saya ada program jeruk kampung. Ini program tak buat lagi, saya baru cadang, saya dah bincang dengan Pak Ali, kita akan bagi benih jeruk, benih pokok jeruk kepada orang-orang kampung, anak, dia anak saja. Satu (1) kampung tanam buah amra, satu (1) kampung tanam buah cermai contohnya. Jadi dia akan tanam, setiap kampung ini akan ada *collector* dia dan jual kepada Pak Ali yang bekalan buah untuk jeruk ini dia kena import daripada luar Negara Indonesia, Thailand dan sebagainya. Jadi dia dah setuju, saya cuma hendak *sign* MOU saja dengan dia. *Sign* dengan anak Pak Ali ini, kita akan tanam, pilih kampung-kampung untuk tanam tanaman. Termasuk Seberang Jaya.

Bagi soalan bertulis, biar saya perabih Yang Berhormat Dato'. Bagi soalan bertulis no. 30 isu gelatin. Langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan gelatin-gelatin yang halal. Apa yang saya dapat untuk maklumat, lebih kurang, gelatin yang halal dalam negara ini, kalau tak betul tolong betulkan, cuma dalam 20% sahaja, yang lain itu tidak berapa hendak halal ataupun diragukan daripada sumber-sumber apa. Saya sudah sampai ke rumah, ini cerita ruang pergi ke Bangladesh, lama dah, pergi ke Bangladesh bersama kawan melihat kilang buat gelatin ini, kilang proses tulang-tulang untuk buat gelatin, kilang dia besar kawasan, kawasan yang luar dan bekalan itu kita dapat, kawan saya dapat daripada sana dan dia bagitahu memang gelatin ini digunakan untuk semua untuk makanan, buat kek dan sebagainya untuk pelbagai-bagai peralasan digunakan sebagai produk digunakan. Jadi saya nampak dalam jawapan bertulis ini kita ada agensi halal Penang tahun 2008 masih belum dapat lagi pelaksanaan. Baru ini 2011 satu syarikat akan laksanakan, tapi sampai sekarang tak buat apa-apa lagi masih belum, tanah dah ada, tapak dah ada tapi tak buat apa lagi. Jadi tolong cepatkan. Kalau tak cepat saya akan buat dengan kawan saya ini, dengan peruntukan dari teraju, dengan bantuan daripada teraju kita akan buat untuk bantu, gelatin halal di Pulau Pinang dan juga mungkin di negeri-negeri lain.

Isu Tabung Usahawan Tani Muda soalan no. 28. Dia dilancarkan tahun lepas 1 June betul Seberang Jaya 13 June 2014 RM150,000.00 dana, bajet belanjawan 2014. Dah setahun, dekat-dekat setahun pelancarannya, usahawan-usahawan ini masih belum lagi mendapat terima dana, kalau saya silap tolong betulkan, dana RM500 usahawan, seorang usahawan, saya tak tahu pasal apa jadi lambat macam ini jadi birokrasi sehingga kini begitu lambat untuk menyampaikan RM5,000 kepada usahawan. Jadi boleh gulung nanti. Jadi usahawan-usahawan baru ini, katanya ditapis dah, dikenal pasti, ditapis 29 orang, tapi dijangka menerima pinjaman ini dalam masa terdekat, jawapan dalam, jadi minta tolong segeralah, jadi duit ini RM250,000.00 lagi. Yang tahun lepas pun tidak dilaksanakan lagi, yang 2014, ini 2015 bukan ramai manapun. Yang TEKUN dok proses pun dekat beribu, beribu orang, Amanah Ikhtiar pun beribu orang, tapi cepat saja dia punya prosesnya taklah sampai bertahun.... (gangguan). Jadi saya ingat dapat dilaksanakan segeralah, boleh tolong dilaksanakan segera, tabung usahawan tani muda ini. Jadi orang muda ini tengah dia dok semangat hendak buat ini kita kena bantu cepat, kita kena bagi pinjaman itu cepat, kalau lambat nanti dia *slow down*, dia sejuk, jadi susah, jadi kena efisienlah sikit dari segi pelaksanaannya sepertimana TEKUN dan juga Amanah Ikhtiar.

Dari segi tentang ajaran syiah, soalan no. 20 saya. Jadi pihak penguatkuasa dan jawapannya masih belum menerima aduan berkaitan perkembangan syiah di Telok Ayer Tawar dan Permatang Berangan dan Sungai Dua. Yang saya pasti ini boleh dijadikan sebagai satu *report*, memang di Telok Ayer Tawar sudah ada portnya orang Pendang ini. Saya kawan-kawan saya ada juga itu. Pendang mai ajar di Telok Ayer Tawar. Begitu juga di kawasan Permatang Berangan di kedai mee Pak Sarat, itu pusatnya, pusat pengumpulan orang-orang syiah. Di Sungai Dua saya tengah *ricky*, saya dengar sangat ketara di Sungai Dua. Jadi dia akan berkembang di Tasek Gelugor sebab syiah ini ajaran yang sesat yang menyesatkan. Fatwa ini tahun berapa, saya ingat lama dah 2008, 2007. Jadi tindakan perlu diambil segera sebelum ianya menjadi satu wabak yang membahayakan.



Seterusnya berkaitan dengan pemeliharaan ekosistem laut di Sungai Dua, soalan no 14 ini, saya mengharapkan semoga *task force* yang diwujudkan di bawah MMK Alam Sekitar dapat menjalankan tugas dengan efisien dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan pemeliharaan ekosistem dan juga alam sekitar. Seterusnya tentang penyediaan program peningkatan ekonomi, projek ekonomi keluarga termiskin, jadi saya harap tadi, jangan hanya kita, soalan nombor 29. Jangan hanya kita menumpukan kepada bantuan JKM. Jawapan saya terima bantuan JKM, bantuan peralatan untuk berniaga yang agak terhad. Bantuan daripada PUZ, Projek Titian Saksama Rakyat. Tabung Usahawan Tani Muda dicampur habis, hak kebajikan, pertanian dalam ini. Sewa tapak di SME Centre, jadi kalau boleh ketiga-tiga MMK ini duduk sekali bincang, nak tingkatkan ekonomi orang miskin, keluarga miskin ini macam mana dan seterusnya kita melaksanakan satu pendekatan yang lebih berkesan, supaya macam tapak perniagaan kita sediakan, bantu pemasaran produk dan sebagainya.

Soalan seterusnya no. 18 taksiran mengenai dengan tunggakan cukai, kutipan tunggakan cukai. Tahniahlah kepada MPSP yang telah mengutip tunggakan cukai yang agak tinggi RM21.46 juta dengan tertunggaknya RM26.73 juta. Jadi tinggi prestasi dari segi kutipan. MBPP kutipan cuma RM25.99 juta tertunggak RM68 juta. Ini dah jadi Bandar Raya saya ingat kita kena tingkat lebih efisien dalam kita mengutip cukai-cukai tertunggak untuk kita laksanakan semula pembangunan kepada masyarakat dan juga rakyat. Seterusnya...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua saya rasa boleh sambung esok pagilah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada esok Rabu 9.30 pagi

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.15 malam.***